

# BAB SATU

## PENDAHULUAN

### 1.0 Mukadimah

Al-Qur'an merupakan sebuah kitab suci yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w., sebagai salah satu rahmat dan petunjuk atau *Hudan* yang tidak ada saingannya bagi alam semesta ini. Sebagaimana firman Allah di dalam sūrah al-Baqarah ayat satu :

ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ

Sūrah al-Baqarah(2):2

*“Kitab Al-Qur'an ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa.”*

Al-Qur'an juga merupakan sebuah mukjizat yang tidak ada padanya cacat dan cela diturunkan kepada Rasulullah daripada Allah s.w.t. melalui perantaraan Jibril a.s. yang juga merupakan mukjizat yang berkekalan dan berterusan sepanjang zaman kepada umat manusia.<sup>1</sup> Di dalamnya terkumpul wahyu Ilahi yang menjadi petunjuk, pedoman dan pengajaran kepada sesiapa yang mempercayai serta mengamalkannya. Bahkan al-Qur'an itu adalah Kitab Suci yang paling terakhir diturunkan oleh Allah, ianya mencakupi segala asas-asas syari'at yang terdapat di dalam kitab-kitab suci yang diturunkan sebelumnya. Oleh itu, setiap orang yang mempercayai al-Qur'an, akan bertambah cinta kepadanya, cinta untuk membacanya, untuk mempelajari dan

---

<sup>1</sup> `At iyyah Qābil Naṣr(1992), *Ghāyah al-Murīd fī 'Ilm al-Tajwīd*, Kaherah :Dār al-Haramayn lī al-ṭabā'ah, h.9

memahaminya serta untuk mengamalkan dan mengajarkannya sehingga merata rahmatnya dirasai dan dikecapi oleh penghuni alam semesta.

Setiap orang Islam wajib meyakini, bahawa hanya dengan tilawah Al-Qur'an sahaja sudah termasuk amal yang sangat mulia dan akan mendapat pahala yang berlipat ganda. Ini adalah kerana yang dibacanya itu adalah *the Word of Allah*. Al-Qur'an adalah bacaan yang paling baik bagi seorang Mukmin. Baik di kala senang mahupun di kala susah, di kala gembira ataupun sedih. Malahan tilawah Al-Qur'an itu bukan saja menjadi amal dan ibadah, tetapi juga menjadi ubat dan penawar bagi orang yang sentiasa gelisah jiwanya sebagaimana firman Allah :

وَنُزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ

وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا

*Sūrah al-Isrā` ( 17):82*

Maksudnya;

*“ Dan kami turunkan dari al- Qur'an suatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan al- Qur'an itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim selain kerugian.”*

Sesungguhnya tilawah al-Qur'an itu merupakan suatu sunnah yang sangat dituntut oleh Islam dan telah menjadi suatu ibadah dan juga amalan oleh semua umat Islam sejak dari zaman baginda Rasulullah sehingga ke hari ini. Al-Qur'an itu sendiri merupakan mukjizat yang paling teragung bagi Nabi Muhammad. Mempelajarinya serta menghafaznya merupakan fardu kifayah ke atas setiap umat Islam.

Sememangnya tiada keraguan lagi bahawa umat Nabi Muhammad adalah umat yang terbaik yang dikeluarkan di muka bumi ini dan Rasulullah s.a.w. telah menerangkan dan menjelaskan kepada kita tentang ganjaran yang dianugerahkan kepada umat yang mengajarkan al-Qur'an ini dan mempelajarinya berharga nilainya telah dianugerahkan oleh Allah s.w.t. Oleh kerana itu wajib kepada seluruh umat ini membaca dengan sebenar-benar bacaan (*haq al-Tilawah*) dan berusaha mengamalkan dan menyampaikan segala arahan yang terkandung dan berusaha mempelajari segala ilmu yang terkandung di dalamnya.

## **1.1 Latarbelakang Masalah Kajian**

Al-Qur'an merupakan panduan hidup manusia yang memandu mereka ke jalan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Perkara ini amat jelas apabila kita merujuk kepada salah satu nama al-Qur'an iaitu *Hudan*<sup>2</sup> yang bermaksud petunjuk atau pemandu. Walaubagaimanapun, al-Qur'an tidak akan dapat memberi manfaat kepada manusia sekiranya segala isi kandungannya tidak dapat dibaca dengan cara bacaan yang menepati segala hukum hakamnya dalam ilmu tajwid. Satu-satunya disiplin atau medium yang mampu untuk menghuraikan permasalahan ini ialah dengan berusaha mempelajari tilawah al-Qur'an dengan yang sebenarnya.

Tilawah al-Qur'an merupakan suatu pendidikan yang sangat penting di dalam agama Islam. Ia adalah satu disiplin ilmu yang penting dan mesti dipelajari oleh setiap orang yang

---

<sup>2</sup> Berdasarkan kepada ayat kedua daripada *sūrah al-Baqarah* yang bermaksud : "Itulah kitab yang tidak ada keraguan padanya, yang menjadi petunjuk kepada orang-orang yang bertaqwa."

beragama Islam kerana al-Qur'an menjadi sumber rujukan utama dalam Islam. Setiap orang Islam semestinya boleh membaca al-Qur'an untuk mendapat barakah dari pembacaannya.

Kepentingan Tilawah al-Qur'an sememangnya telah diakui oleh para sarjana sepanjang zaman yang sentiasa berusaha menghasilkan kajian-kajian ilmiah serta kitab-kitab yang menjurus kepada kaedah ataupun cara bagaimana untuk tilawah al-Qur'an bermula dari cara bagaimana untuk mengenal huruf, cara untuk menyebut huruf dan ayat-ayat al-Qur'an dengan menjaga setiap haknya seperti sifat-sifat setiap huruf dan juga *makhrajnya*.

Seandainya dilihat kaedah tilawah al-Qur'an di setiap negara berbeza di antara satu dengan yang lain. Di Mesir sebagai contoh, tilawah Al-Qur'an diperkenalkan semasa di "*kuttab*",<sup>3</sup> begitu juga semasa di peringkat *ibtidā'i* (sekolah rendah) lagi dengan cara membaca beramai-ramai setelah dibaca oleh seseorang ataupun dari rakaman suara qari-qari yang terkenal seperti Shaykh Mahmūd Khālīl al-Khusorī semasa di dalam perhimpunan harian di sekolah.

Manakala di negara-negara nusantara seperti di Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura, pada kebiasaannya pendedahan awal tilawah al-Qur'an dibuat semasa anak-anak berumur enam hingga tujuh tahun sehingga khatam, yang mengambil masa empat hingga enam tahun dan ada juga yang lebih dari itu.

---

<sup>3</sup>*Kuttab* ialah tempat pengajian untuk peringkat rendah yang terdapat di Tanah Arab. Setiap anak akan dihantar oleh ibubapa mereka belajar dan menghafaz Al-Qur'an kepada Shaykh di tempat berkenaan. Dikatakan *kuttab* ini telah terdapat pada zaman sebelum Islam lagi, namun ianya tidak popular. Ini terbukti dengan kepandaian Sufyan Ibn 'Umayyah dan Abu Qays Ibn Abd al-Manaf. Gurunya ialah Bishr bin Abd. Malik seorang Kristian. Sejak itu orang-orang di Makkah mula belajar menulis dan membaca di *kuttab-kuttab* yang ada. Semasa kelahiran Islam ada 17 orang Quraish yang boleh membaca dan menulis. Mereka yang memeluk agama Islam di peringkat ini dan pandai menulis yang akhirnya menjadi penulis wahyu kepada Nabi Muhammad s.a.w. Lihat : Ahmad Syalabi (1970) *Sejarah Pendidikan Islam*. Jakarta : Penerbit Bulan Bintang. Terjemahan : Prof. H. Muchtar Yahya dan Drs. M. Sanusi Latief. h. 34.

Sistem pengajian tilawah al-Qur'an di Malaysia pada kebiasaannya dengan menggunakan metode *talaqqī*<sup>4</sup> bermula dari peringkat asas iaitu pengenalan huruf-huruf dan cara menyebutnya sehingga ke peringkat tertinggi tilawah al-Qur'an iaitu *talaqqī* dan *mushāfahāh*<sup>5</sup> sehingga khatam dan ada juga diadakan kelas-kelas khusus untuk tilawah al-Qur'an dengan menggunakan pelbagai nama dan kaedah seperti di masjid-masjid, di pejabat-pejabat dan sebagainya dan ada juga diadakan sistem individu iaitu guru al-Qur'an dijemput mengajar tilawah al-Qur'an di rumah. Kesemuanya ini semata-mata untuk mendedahkan, mengajar cara tilawah al-Qur'an yang sebenarnya dengan menepati segala hak-haknya.

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia merupakan sebuah institusi pengajian tinggi di Malaysia yang menjadikan Tilawah al-Qur'an sebagai suatu kursus yang wajib diambil oleh setiap pelajar pada peringkat sarjana muda samada dari Malaysia mahupun dari luar negara sebagai syarat wajib untuk melengkapkan pengajian mereka di universiti ini. Ianya diamanahkan di bawah pengurusan *Centre for Languages and Pre-University Academic Development* (CELPAD).

Melihat daripada perkara di atas, pengkaji merasakan ianya suatu bahan kajian yang cukup bermakna kerana tilawah al-Qur'an yang kebiasaannya dilakukan dengan sistem atau cara yang kuno ataupun dengan cara yang tidak bersistematik tetapi ianya menjadi suatu yang berbeza

---

<sup>4</sup> *Talaqqī* ialah beberapa orang murid mendapat contoh bacaan al-Quran daripada seorang guru. Guru memberi contoh bacaan dan diikuti oleh beberapa orang murid secara beramai-ramai. Lihat Jamaluddin Ridwan(1997), *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran*, , Kuala Lumpur :Pustaka Salam, h.6

<sup>5</sup> *Mushāfahāh*, ialah seorang murid mendapat contoh bacaan daripada seorang guru. Guru memberi contoh kepada seorang murid kemudian murid itu mengikuti bacaan guru secara individu. *Ibid*.

apabila CELPAD di bawah unit atau *Tilawah Division* menjadikan kursus Tilawah al-Qur'an suatu yang bersistem malah mendapat tempat di dalam sukatan pelajaran di sesetengah *Kuliyyah* (fakulti) di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Kecenderungan pengkaji dalam kajian ini lebih menjurus kepada kaedah pelaksanaan kursus Tilawah al-Qur'an di CELPAD. Ianya juga merangkumi segala kaedah pengajaran tilawah al-Qur'an di pusat pengajian ini termasuk sukatan pelajaran dan sebagainya. Ini adalah kerana pengkaji melihat pengajian al-Qur'an di zaman Rasulullah merangkumi segala aspek pengajaran termasuk di dalamnya tilawah, pemahaman ayat-ayat dan sebagainya.

Sebagaimana yang dimaklumi pengajian atau metode yang diguna pakai oleh baginda Rasulullah dalam mengajar dan menurunkan serta menyampaikan tilawah al-Qur'an yang diterimanya dari Allah melalui perantaraan Jibril a.s. kepada para sahabat adalah secara *talaqqī* dan *mushāfahah* sebagaimana bacaan yang beliau terima tanpa mengubahnya. Rasulullah s.a.w. terlalu berhati-hati dalam menjaga kesahihan bacaannya walaupun baginda telah dijamin terlepas dari melakukan kesilapan, baginda tetap menyemak tilawah al-Qur'annya dengan Jibril a.s. setahun sekali iaitu pada bulan Ramadhan.

Menyedari hakikat inilah, pengkaji mengambil keputusan untuk menjalankan kajian mengenai Tilawah al-Qur'an di sebuah institusi pengajian tinggi iaitu di *Tilawah Division* , *Centre for Languages and Pre-University Academic Development*, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang terletak di daerah Gombak Selangor Darul Ehsan.

## 1.2 Huraian istilah

Tajuk yang menjadi pilihan penulis di dalam kajian ini adalah ‘Kaedah Pengajaran *Tilawah al-Qur’an* di *Centre for Languages and Pre-University Academic Development (CELPAD)* *Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*’. Bagi memperincikan tajuk di atas penulis akan membahagikan kepada beberapa bahagian iaitu :

**Kaedah** : Menurut Kamus Dewan<sup>6</sup> maksud kepada perkataan kaedah iaitu cara atau peraturan membuat sesuatu (terutama yang bersistem atau yang biasa).


**Pengajaran** : Menurut Kamus Dewan ada tiga maksud kepada perkataan pengajaran iaitu perihal mengajar, segala sesuatu yang berkaitan dengan mengajar. Manakala maksud yang kedua pula iaitu segala sesuatu yang diajarkan dan maksud yang terakhir ialah peringatan dan pedoman<sup>7</sup>.

**Tilawah al-Qur’an** : Tilawah al-Qur’an ini adalah merupakan suatu kaedah atau metode mengenai teknik atau cara bagaimana untuk membaca al-Qur’an. Kaedah ataupun cara bagaimana untuk tilawah al-Qur’an bermula dari cara bagaimana untuk mengenal huruf dengan menggunakan bahan-bahan atau kitab-kitab yang khusus untuk mempelajari asas tilawah al-Qur’an dan juga cara bagaimana untuk menyebut huruf dan ayat-ayat al-Qur’an dengan sebutan yang sebenarnya dengan menjaga setiap haknya seperti sifat-sifat setiap huruf dan juga *makhrajnya*. Sebagaimana firman Allah di dalam al-Qur’an :

---

<sup>6</sup> Dr. Teuku Iskandar ( 1996 ), *Kamus Dewan* , Edisi Ketiga , h. 557

<sup>7</sup> *Ibid.* h.18



*Sūrah al-Muzzammil (73):4*

*Maksudnya:*

*Bacalah al-Qur'an dengan tartil<sup>8</sup>*

Ini adalah kerana al-Qur'an merupakan mukjizat Nabi Muhammad s.a.w. yang terkandungnya pelbagai disiplin ilmu dan membacanya merupakan suatu ibadah yang sangat berharga. Tilawah Al-Qur'an merupakan satu kemestian bagi setiap individu yang bergelar Muslim dan yang paling utama ialah kemampuan untuk membaca Al-Qur'an. Walau bagaimanapun, kemampuan untuk menguasai tilawah Al-Qur'an tidak akan tercapai jika sekiranya seseorang itu gagal menguasai daripada peringkat asas lagi.

Menurut Kamus Dewan maksud tilawah lebih kepada *Tilawatil Al-Qur'an* iaitu membawa pembacaan Qur'an dengan suara yang kuat.<sup>9</sup>

**CELPAD** : Merupakan Pusat Bahasa di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Ia ditubuhkan pada bulan Julai 1983. Namanya telah ditukar kepada Pusat Bahasa dan Perkembangan Akademik Pra Universiti atau dalam bahasa Inggerisnya iaitu *Centre for Languages and Pre-University Academic Development* (CELPAD) pada bulan April 1993. CELPAD menawarkan kursus-kursus Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Bahasa Melayu dan Tilawah al-Qur'an. CELPAD

---

<sup>8</sup> Menurut Saydina Ali bin Abu Talib apabila ditanya maksud tartil itu ialah mengelokkan bacaan dan mengetahui cara untuk berhenti (waqf) boleh rujuk Šābir Hasan Muhammad Abū Sulaymān(2004) *Tabṣirah al-Murīd fī 'ilm al-Tajwīd*, Riyadh: Dār 'ālam al-Kutub. h.27

<sup>9</sup>Dr. Teuku Iskandar ( 1996 ), *op.cit.* h. 1445



juga dipertanggungjawabkan untuk merencanakan mutu penguasaan bahasa di kalangan setiap pelajar yang menuntut di universiti ini.

**Universiti Islam Antarabangsa Malaysia :** Merupakan salah sebuah institusi pengajian tinggi di Malaysia. Universiti ini ditubuhkan pada tahun 1983 oleh Kerajaan Malaysia sebagai sebuah institusi pengajian bertaraf antarabangsa, bertepatan dengan harapan dan inisiatif Perdana Menteri Malaysia pada masa itu iaitu Tun Dr Mahathir bin Muhammad. Ianya terletak di tiga tempat berasingan iaitu di Gombak ( kampus utama), Kuantan dan juga Petaling Jaya.

### **1.3 Masalah Kajian**

Masalah kajian yang dikaji oleh pengkaji adalah :

- Bagaimanakah perlaksanaan kursus Tilawah al-Quran di CELPAD UIAM?
- Apakah kaedah pengajian al-Quran yang dilaksanakan di CELPAD sebuah institusi yang terkemuka di Malaysia?
- Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh para pensyarah semasa mengajar dan pelajar semasa mengikuti pengajian tersebut?
- Apakah saranan dan cadangan bagi mengatasi masalah para pelajar dan juga untuk meningkatkan lagi kualiti pengajian

## 1.4 Objektif Kajian

Kajian ini adalah kajian tinjauan yang bertujuan untuk menyelidiki bagaimanakah kursus Tilawah al-Qur'an dilaksanakan dan juga untuk mengetahui sejauh manakah pengajian ini diberi perhatian sepenuhnya oleh pensyarah dan pihak pentadbiran di universiti ini.

Kajian yang dilakukan oleh penulis berdasarkan objektif berikut:

- a) Untuk meninjau dan mengkaji bagaimanakah cara pelaksanaan kursus Tilawah al-Qur'an dilaksanakan di sebuah institusi pengajian tinggi yang terkemuka di Malaysia
- b) Untuk mengetahui apakah kaedah pengajaran yang digunakan oleh pensyarah dalam menyampaikan pengajian ini.
- c) Untuk mengetahui apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh pensyarah semasa mengajar pengajian ini dan pelajar semasa mengikuti kursus ini.
- d) Untuk mengenal pasti saranan dan cadangan untuk mengatasi masalah pensyarah tersebut dan juga untuk meningkatkan lagi kualiti pengajian

Pengkaji memilih tajuk Kaedah Pengajaran Tilawah al-Qur'an di CELPAD Universiti Islam Antarabangsa Malaysia adalah kerana pengkaji ingin mengetengahkan pengajian ini sebagai kajian dan rujukan berkenaan pengajian tilawah al-Qur'an di peringkat pusat pengajian tinggi di Malaysia dan pengkaji hanya akan memberi tumpuan terhadap kaedah pengajaran tilawah al-Qur'an serta satu ilmu yang berkaitan dengan al-Qur'an iaitu ilmu tajwid.

## 1.5 Kajian terdahulu

Sebenarnya topik kajian pengkaji berkaitan dengan Tilawah al-Qur'an bukanlah suatu topik yang baru. Sudah terdapat beberapa pengkaji sebelum ini yang telah menghasilkan kajian dengan skop kajian yang seakan-akan sama dengan topik tersebut. Di antara kajian yang paling hampir mempunyai persamaan dengan topik pilihan pengkaji ialah laporan daripada Prof. Dr. Torla Haji Hassan mengenai Kursus Tilawah al-Qur'an (TQ 1000 dan TQ 2000)<sup>10</sup>. Laporan yang telah dibuat itu banyak membantu pengkaji mengumpul data dan seterusnya menganalisis serta membuat perbandingan mengenai cara pelaksanaan kursus Tilawah al-Qur'an pada masa itu dengan pelbagai pembaharuan yang telah dibuat pada masa ini. Kajian tersebut melaporkan punca kegagalan pelajar dalam kursus tilawah Al-Qur'an sehingga terpaksa menambah tempoh masa pengajian di universiti. Laporan turut menyebut punca kegagalan adalah berpunca dari sebab dalaman pelajar, masalah kaedah pengajaran guru dan sukatan kandungan kursus yang terlalu berat untuk pelajar. Laporan tersebut telah membuka ruang kepada pengkaji untuk menilai keberkesanan kursus dan membuat perbandingan mengenai cara pelaksanaan kursus Tilawah Al-Qur'an pada masa lalu dengan pembaharuan yang telah dibuat pada masa kini.

Disamping itu, ada juga kajian yang juga hampir dengan kajian pengkaji iaitu kajian ringkas oleh Muhammad Mustaqim Mohd Zarif yang bertajuk *Kaedah Mudah Belajar Membaca*

---

<sup>10</sup> Boleh rujuk Prof. Dr. Torla Haji Hassan, (2003), Report on Tilawah al-Qur'an Course (TQ 1000 & TQ 2000), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

*al-Qur'an Bertajwid (KALAM): Satu Kajian Ringkas*.<sup>11</sup> Di dalam kajian ringkas tersebut, penulisnya telah menghuraikan kaedah mudah membaca al-Qur'an dengan tumpuan khusus kepada kitab KALAM karangan Ustaz Johari bin Alias. Kaedah ini berasaskan pengajaran tilawah al-Qur'an dan tajwid secara beriringan di mana hukum-hukum tajwid diserapkan di dalam pembelajaran secara tidak langsung. Ia juga menekankan aspek pembacaan perkataan-perkataan al-Qur'an tanpa mengeja.

Pengkaji mendapati kajian ringkas ini amat berguna sebagai salah satu rujukan di dalam menyediakan kerangka kajian. Walaupun begitu, kajiannya agak berbeza dengan apa yang akan dihasilkan oleh pengkaji dari beberapa aspek seperti kajian pengkaji merupakan kajian lapangan manakala kajian tersebut pula adalah kajian kitab.

Di samping kajian di atas, pengkaji juga merujuk kepada kajian tesis sarjana yang dihasilkan oleh Yusri bin Chek bertajuk Pelajaran Tajwid al-Qur'an di Malaysia: Kajian Terhadap Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Qur'an di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur. Kajian beliau lebih menjurus kepada pelajaran Tajwid dan secara umumnya kajian tersebut tertumpu kepada konsep, kaedah dan teknik pembacaan al-Qur'an yang sebenarnya.

Pengkaji juga merujuk kepada kajian ringkas yang telah dihasilkan oleh tiga pengkaji iaitu Mohd Alwi Yusuff, Dr. Adel M. Abdul Aziz dan Ahmad Kamel Muhammad mengenai

---

<sup>11</sup> Kertas kerja ini telah dibentang dalam seminar Seminar Kaedah Pengajaran dan Tahfiz al-Qur'an Peringkat Kebangsaan anjuran Fakulti Pengajian Qur'an dan Sunnah, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) pada 17 Mei 2003

*Keberkesanan Iqra' Sebagai Kaedah Pembelajaran Membaca al-Qur'an*<sup>12</sup>. Di dalam kajian tersebut, tumpuan difokuskan kepada kaedah pengajaran al-Qur'an yang disusun sebagai usaha mengadaptasi kaedah lama (*Baghdādī*) supaya dapat menguasai tilawah al-Qur'an dalam waktu yang singkat dan cepat. Ia juga banyak mendatangkan teknik dan cara pembelajaran al-Qur'an yang banyak memberi manfaat kepada pengkaji.

Pengkaji juga meneliti kajian yang dijalankan oleh Mahathir Bin Nor<sup>13</sup> mengenai pengetahuan dan kebolehan membaca ayat-ayat Al-Qur'an yang mengandungi hukum-hukum khas mengikut *riwayah Hafṣ* daripada 'Āṣim. Kajian ini adalah satu kajian kes yang dijalankan ke atas pelajar-pelajar sekolah menengah agama di sekitar Daerah Ulu Langat dan Sepang. Dalam kajian ini, pelajar-pelajar telah diuji dengan 10 soalan yang berkaitan dengan hukum-hukum khas yang terdapat di dalam ayat-ayat Al-Qur'an. Hasil kajian mendapati hanya hukum khas dalam kalimah سلاسل sahaja yang dapat dibaca dengan betul oleh kebanyakan pelajar iaitu sebanyak 83% dari 100 orang yang diuji. Sementara yang paling banyak dibaca salah oleh majoriti pelajar ialah hukum khas bacaan *tashil* dalam ayat 44, surah fussilat iaitu 90% dari 100 orang pelajar dan hukum khas bacaan *ishmām* dalam ayat 11, surah yusuf iaitu 83% dari 100 orang. Menurut pengkaji, antara faktor utama kelemahan ini ialah kerana ketiadaan sukatan pelajaran yang mengajar mengenai hukum-hukum khas *riwayah Hafṣ* di dalam Al-Qur'an.

---

<sup>12</sup> *Ibid.*

<sup>13</sup> Mahathir Bin Nor, (2004), Pengetahuan dan kebolehan Pelajar membaca ayat-ayat Al-Qur'an yang mengandungi hukum-hukum khas mengikut riwayat Hafṣ daripada 'Āṣim, (Tesis Sarjana Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.)

Kajian Abdul Halim Bin Harun<sup>14</sup> pula ialah satu kajian tentang permasalahan pengajian Al-Qur'an dalam program KBSM. Kajian ini bertujuan meninjau beberapa masalah yang terdapat dalam pelaksanaan tilawah Al-Qur'an dalam kurikulum bersepadu sekolah menengah. Kajian ini melibatkan masalah penguasaan bacaan dan kefahaman ayat-ayat Al-Qur'an oleh pelajar, masalah buku teks, buku tafsir Al-Qur'an dan buku-buku tambahan yang digunakan oleh guru dan masalah pengajaran tilawah Al-Qur'an. Dalam kajian ini seramai 407 orang responden dipilih menjadi sampel kajian. Mereka ini terdiri daripada 360 orang pelajar tingkatan 4 di enam buah sekolah menengah kota baru di Kelantan, 39 orang guru dan 8 orang pegawai pendidikan Islam di Kementerian Pendidikan Malaysia. Hasil kajian ini mendapati masalah kandungan ayat-ayat Al-Qur'an dalam sukatan tilawah Al-Qur'an menjadi faktor utama kepada kelemahan pelajar dalam menguasai aspek bacaan dan kefahaman ayat-ayat Al-Qur'an. Faktor lain ialah aktiviti-aktiviti ko-kurikulum dan bahan-bahan pengajaran tidak banyak membantu dalam menyelesaikan masalah pengajaran dan pembelajaran tilawah Al-Qur'an.

Manakala Mohammad Naim Mat Salleh<sup>15</sup> telah mengkaji pencapaian tilawah Al-Qur'an melalui penggunaan kaedah iqra' di Sekolah- Rendah Kebangsaan Daerah Setiu, Terengganu. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pencapaian kemahiran bacaan Al-Qur'an berasaskan penggunaan kaedah iqra' di kalangan murid-murid tahun lima sekolah-sekolah rendah kebangsaan di Daerah Setiu, Terengganu. Kajian dijalankan dalam bentuk tinjauan yang menggunakan soal selidik, ujian pencapaian dan temubual sebagai alat mengumpul maklumat. Soal selidik digunakan untuk mengenal pasti latar belakang murid merangkumi jantina,

---

<sup>14</sup> Abdul Halim Bin Harun (1996), Permasalahan Pengajian Al-Qur'an Dalam Program KBSM, (Tesis Sarjana Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia).

<sup>15</sup> Mohammad Naim Mat Salleh (2003). Pencapaian Tilawah Al-Qur'an Melalui Penggunaan Kaedah Iqra' Di Sekolah- Rendah Kebangsaan Daerah Setiu, Terengganu. (Tesis Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia).

kedudukan sekolah, pembelajaran Al-Qur'an di luar waktu sekolah, taraf pendidikan keluarga, tempat tinggal dan pemilikan buku iqra'. Temubual diadakan dengan guru-guru pendidikan islam bagi mendapat gambaran jelas tentang persepsi guru-guru terhadap pengajaran dan pembelajaran tilawah Al-Qur'an dengan menggunakan kaedah iqra'. Kajian ini melibatkan seramai 237 orang murid dan 20 orang guru dari Sekolah-Sekolah Rendah Kebangsaan Daerah Setiu, Terengganu. Satu set ujian bacaan yang mengandungi enam tahap buku iqra' iaitu dari buku iqra' 1 hingga buku iqra' 6 disediakan kepada murid-murid tersebut iaitu ujian membaca huruf-huruf tunggal hijiyyah arab berbaris atas, ujian membaca huruf-huruf sambung, ujian membaca kalimah dan ayat-ayat pendek Al-Qur'an berbagai baris. Dapatan utama kajian menunjukkan 49.8% murid boleh membaca Al-Qur'an, manakala 50.2% murid masih tidak boleh membaca Al-Qur'an dengan 35.4% adalah masih berada di tahap buta huruf Al-Qur'an. Kajian ini juga mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina, bersekolah agama petang, mengaji di rumah, dan pemilikan buku iqra' dengan pencapaian tilawah Al-Qur'an. Manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kedudukan sekolah dengan tahap pencapaian tilawah Al-Qur'an.

Aminah Idris<sup>16</sup> pula mengkaji penilaian program tilawah Al-Qur'an sekolah menengah rendah. Kajian ini dijalankan untuk menilai sama ada pelaksanaan program tilawah Al-Qur'an di sekolah menengah rendah mencapai matlamatnya. Kajian ini juga bertujuan mengenal pasti masalah-masalah pelaksanaan program tilawah Al-Qur'an dan kemudahan-kemudahan bahan yang ada di sekolah, menentukan minat dan sikap pelajar terhadap program tilawah Al-Qur'an, penguasaan awal jawi dan Al-Qur'an pelajar sebelum memasuki sekolah menengah, kefahaman,

---

<sup>16</sup> Aminah Idris, (1997) Penilaian Program Tilawah Al-Qur'an Sekolah Menengah Rendah. (Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia).

kemahiran, strategi dan cara penilaian guru dalam program tilawah Al-Qur'an, keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran dan bahan yang diguna untuk program tilawah Al-Qur'an. Sampel kajian ini terdiri daripada 16 orang guru agama dan 160 pelajar yang dipilih secara rawak daripada empat buah sekolah di daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan. Maklumat kajian diperolehi melalui soal selidik yang disediakan untuk guru dan pelajar. Data yang dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan statistik kekerapan, peratusan dan min. Beberapa masalah pelaksanaan dapat dikesan dalam kajian ini; antaranya ialah: (a) kebanyakan pelajar mempunyai minat dan sikap yang sederhana terhadap program tilawah Al-Qur'an, (b) penguasaan jawi dan Al-Qur'an pelajar berada di tahap sederhana sebelum mereka memasuki sekolah menengah, (c) guru dan pelajar bersetuju bahan pengajaran tilawah Al-Qur'an masih belum mencukupi di sekolah dan (d) program tilawah Al-Qur'an masih belum berjaya mengubah sikap pelajar menghayati nilai-nilai islam sepenuhnya.

Kajian berkenaan Tilawah al-Qur'an ini juga sebenarnya telah banyak dilakukan oleh pengkaji lain diperingkat sarjana mahupun sarjana muda. Namun kajian yang telah dipilih oleh pengkaji ini merupakan satu-satunya kajian seumpama ini yang telah dilakukan di CELPAD Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Ianya amat berguna sebagai bahan rujukan .

Namun terlalu banyak kajian yang telah dilakukan oleh sarjana-sarjana Islam mengenai Tilawah al-Qur'an ini. Ini adalah kerana Tilawah al-Qur'an merupakan suatu bahagian yang sangat penting bila kita membicarakan al-Qur'an dan ilmu Tajwid.



## **1.6 Skop kajian**

Kajian ini merupakan satu tinjauan terhadap pelaksanaan pengajaran Kursus Tilawah al-Qur'an di *Centre for Languages and Pre-University Academic Development (CELPAD)* Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan sudut metodologi pengajaran, sukatan pengajian, bahan-bahan rujukan yang digunakan, sistem peperiksaan, masalah-masalah yang dihadapi oleh tenaga pengajar, analisis tahap pencapaian pelajar, langkah-langkah mengatasinya serta saranan-saranan untuk meningkatkan kualiti pengajian.

## **1.7 Metodologi penyelidikan**

Metodologi yang digunakan merupakan nyawa atau nadi kepada sesebuah kajian ilmiah. Untuk menyempurnakan kajian ini pengkaji telah menggunakan dua kaedah yang utama iaitu kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisan data.

### **1.7.1 Kaedah pengumpulan data.**

Ketika menggunakan kaedah ini, pengkaji telah menggunakan dua kaedah kajian iaitu :

#### **1.7.1.i. Kajian Perpustakaan (*library research*)**

Kajian ini melibatkan pengambilan sumber data daripada beberapa buah perpustakaan seperti Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur , Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya, Perpustakaan Darul

Qur'an JAKIM dan Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak. Bahan-bahan yang diperolehi terdiri daripada sumber primer dan sekunder. Di antara bahan-bahan daripada sumber primer yang digunakan ialah :-

1. Al-Qur'an.
2. Kitab-kitab Tajwid al-Qur'an yang terpilih.
3. Kitab-kitab Qira'at yang *mu'tabar*
4. Kitab-kitab hadith.
5. Kitab-kitab sharah hadith
6. Kitab-kitab 'ulūm al-Qur'an

Manakala untuk bahan-bahan daripada sumber sekunder pula, pengkaji telah menggunakan beberapa bentuk bahan sekunder yang boleh dibahagikan kepada beberapa jenis yang utama, seperti:-

1. Bahan kajian yang ditulis oleh sarjana-sarjana Islam menyentuh persoalan pengajian Tilawah al-Qur'an beserta ilmu Tajwid.
2. Bahan kajian yang dihasilkan oleh ahli Qurra' dalam membicarakan atau membincangkan ilmu Qira'at.
3. Bahan kajian yang dihasilkan oleh ahli tafsir al-Qur'an bagi menafsirkan beberapa potongan ayat-ayat al-Qur'an.
4. Bahan yang berbentuk serial merangkumi jurnal akademik, surat khabar, majalah, bibliografi dan sebagainya yang terpilih di dalam bidang yang dikaji.

5. Disertasi, latihan ilmiah dan laporan penyelidikan jangka pendek dan panjang yang membabitkan tema kajian yang dihasilkan oleh Institusi Pendidikan Tinggi Awam di Malaysia.<sup>17</sup>
6. Temuduga yang dilakukan secara terancang. Sebelum sesi temuduga dijalankan, soalan yang rapi dan terancang telah disediakan terlebih dahulu. Di samping itu, terdapat beberapa soalan spontan yang digunakan akibat daripada beberapa isu dan jawapan yang diberikan oleh orang yang ditemuduga. Kesemua orang yang ditemuduga adalah merupakan orang-orang yang mempunyai kelayakan sepatutnya berkaitan dengan Tilawah al-Qur'ān.<sup>18</sup>

#### **1.7.1.ii. Kajian lapangan.**

Kajian ini sebahagian besarnya adalah kajian lapangan dan pengkaji menggunakan tiga metode pengumpulan data iaitu:

##### **a) Metode Wawancara**

Pengkaji mengadakan sesi temubual dengan Ketua Jabatan Tilawah Al-Qur'an, pensyarah-pensyarah, para pelajar dan kakitangan CELPAD untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang

---

<sup>17</sup> Penyenaraian mengenai bahan-bahan ini dapat dilihat semasa penulis menghuraikan kajian-kajian lepas.

<sup>18</sup> Penulis mengadakan sesi temubual dengan Ketua Bahagian Tilawah Ustaz Surur Shahbuddin bin Hassan, Penyelaras Bahagian sukatan matapelajaran Tilawah al-Qur'an, Ustaz Abdullah Bukhari bin Abdul Rahim dan Ustaz Muhammad bin Abdul Rahman, Mukhni bin Munaf, pensyarah-pensyarah bahagian Tilawah al-Qur'an, dan kakitangan *Centre for Languages and Pre-University Academic Development* (CELPAD) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan kajian penulis. Metod ini amat penting bagi melengkapkan kajian yang dilakukan terutamanya di dalam bab tiga, empat dan lima.

berkaitan dengan kajian pengkaji. Metode ini amat penting bagi melengkapkan kajian yang dilakukan terutamanya di dalam bab tiga dan empat.

#### **b) Metode Observasi**

Metode observasi atau pemerhatian ini digunakan untuk mengumpul data dengan menggunakan pengamatan secara langsung terhadap objek penelitian. Metode ini digunakan bagi melengkapkan maklumat dalam bab tiga dan empat. Pengkaji menghadirkan diri dalam kuliah-kuliah pengajian tilawah al-Qur'an yang dilaksanakan di CELPAD UIAM untuk mendapatkan gambaran sebenar bagaimana ia dilaksanakan, metode pengajaran yang bagaimanakah digunakan, bagaimana sambutan yang diterima dan pemahaman para pelajar terhadap apa yang disampaikan serta mengikuti sendiri perjalanan kuliah yang diadakan di CELPAD.

Pengkaji juga memerhatikan suasana kehidupan para pelajar yang membentuk disiplin peribadi mereka sepanjang berada di pusat pengajian tersebut. Selain daripada itu pengkaji juga memerhatikan suasana persekitaran CELPAD yang menentukan keselesaan pelajar dalam menuntut ilmu pengetahuan serta sebagai sebuah institusi yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan pengajian.

#### **a) Metode Soal-selidik**

Metode soal-selidik dilakukan dengan mengedarkan borang soal-selidik yang disediakan oleh pengkaji kepada para pelajar yang mengikuti pengajian tilawah al-Qur'an di CELPAD ini.

Pengkaji menetapkan persampelan secara rawak iaitu mengambil responden daripada mana-mana pelajar yang mengikuti pengajian ini.

Pengkaji mengambil persampelan seramai 100 orang pelajar yang mengikuti pengajian al-Qur'an bagi mewakili jumlah keseluruhan pelajar. Pengedaran borang soal-selidik tersebut dilakukan ketika pengkaji menghadiri kuliah-kuliah pengajian yang dijalankan.

b) Borang Soal Selidik

Kajian ini menggunakan satu set soalan soal selidik yang terdiri daripada 3 bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A iaitu berkaitan maklumat peribadi responden. Bahagian B iaitu mengukur tahap penguasaan responden selepas mengikuti kursus tilawah Al-Quran. Sementara bahagian C adalah komentar responden mengenai kursus tilawah Al-Quran di UIAM dengan menggunakan pernyataan terbuka.

Hal ini dilakukan demi untuk memastikan data-data yang diperolehi adalah tepat dan boleh menjadi sumber rujukan utama. Selain itu, isi kandungan temuduga ini telah dipastikan agar ianya lebih bersifat menjurus kepada skop dan tumpuan kajian.

### **1.7.2 Kaedah penganalisaan data :**

Selepas mengumpulkan segala data yang mempunyai kaitan dengan topik kajian, data-data tersebut telah melalui proses penelitian, saringan dan tapisan menggunakan beberapa kaedah penganalisaan data dengan tujuan untuk menapis serta mengasingkan data-data mengikut keutamaannya. Di antara kaedah-kaedah yang digunakan ialah :

1. Kaedah pensejarahan yang melibatkan penggunaan sumber-sumber berbentuk sejarah. Contoh penggunaannya ialah semasa membuat huraian mengenai pengajian Tajwid al-Qur'an , biografi ringkas ahli-ahli tajwid, teks-teks tajwid dan Qira'at pilihan.
2. Kaedah analisis kandungan terhadap beberapa teks yang dikesan banyak pengaruhnya di dalam kajian-kajian dan teks-teks dari pengkaji terkini . Analisis ini juga meliputi teks-teks yang mempunyai kaitan secara tidak langsung dengan kajian dan juga hasil temuduga dan wawancara yang telah dilakukan terhadap sasaran pengkaji.
3. Pengkaji telah memilih menggunakan program excel 2007 untuk memproses data yang didapati selepas pengkaji membuat wawancara dan kaji selidik.

## **1.8 Sistematika penulisan**

Dalam penyediaan ini, pengkaji menyusun data-data yang diperolehi dalam lima bab. Isi kandungan kajian pengkaji adalah seperti berikut :

### **Bab pertama:**

Bab ini mengandungi bahagian pendahuluan yang menghuraikan tentang latar belakang masalah, hipotesis kajian, objektif kajian, pengertian tajuk, skop kajian, metodologi kajian, kajian-kajian lepas serta susunan penulisan.

**Bab kedua:**

Bab ini merupakan lokasi kajian dan pengkaji mengemukakan fakta-fakta sejarah penubuhan dan peranan berkaitan *Centre for Languages and Pre-University Academic Development (CELPAD)* dan Tilawah Division.

**Bab ketiga:**

Bab ini merupakan satu penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji iaitu mengandungi Kaedah Pengajaran Tilawah al-Qur'an di *Centre for Languages and Pre-University Academic Development (CELPAD)* Universiti Islam Antarabangsa Malaysia secara terperinci.

**Bab keempat:**

Bab ini merupakan kemuncak kajian pengkaji. Ianya mengandungi temubual dan wawancara dengan pensyarah Tilawah al-Qur'an serta analisis data dengan para pelajar yang mengikuti kursus tilawah.

**Bab kelima**

Bab ini pengkaji mengemukakan rumusan atau kesimpulan kajian disamping saranan dan cadangan serta penutup .

## **1.9 Kesimpulan**

Penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji menggunakan metodologi penyelidikan yang sesuai berpandukan pengetahuan yang pengkaji perolehi semasa melengkapkan bahagian pengajian pengkaji. Pengkaji juga mendapatkan tunjuk ajar daripada penyelia dan juga rakan-rakan pengkaji.



# **BAB DUA**

## **LATARBELAKANG LOKASI KAJIAN**

### **2.0 Sistem pengajaran al-Quran dalam pendidikan Islam di Malaysia**

Di Malaysia amalan mengajar al-Qur'an kepada anak-anak merupakan suatu budaya yang sangat penting dan tersebar luas dalam masyarakat Islam bahkan ianya menjadi suatu kemestian bagi setiap ibu bapa mengajar atau menghantar anak-anak mereka ke pusat-pusat pengajian al-Qur'an. Kelas pengajaran al-Qur'an memang sudah sedia wujud sekian lama sejak sebelum kedatangan British lagi ke Tanah Melayu. Ia mula diajar di rumah-rumah tok guru secara tidak formal. Pengajaran al-Qur'an telah berkembang dengan pelbagai cara, bentuk dan corak sebelum mencapai tahap seperti yang dapat kita lihat pada hari ini.<sup>19</sup>

Pada awalnya pengajaran al-Qur'an secara formal dimulakan di sekolah-sekolah pondok yang ditubuhkan oleh ulama-ulama terkenal di serata tanah air yang banyak terdapat di Tanah Melayu ketika itu. Di sini mereka belajar al-Qur'an, ilmu pengetahuan agama Islam dan akhlak Islam. Sistem pengajian pondok merupakan satu sistem yang dipelopori oleh golongan ulama dari Tanah Melayu yang kebanyakan mereka pernah belajar di semenanjung Tanah Arab. Berbekalkan ilmu pengetahuan dan pengalaman yang ditimba semasa menuntut di semenanjung Tanah Arab, mereka kembali ke tanahair dan membuka sekolah-sekolah pondok untuk

---

<sup>19</sup> Ahmad Zulfiqar Shah (2003) Sistem Pengajian al-Qur'an Kontemporari : Kajian Aplikasi Teknologi Maklumat Komunikasi'. (kajian Sarjana, pengajian Islam, Universiti Malaya)

menyebarkan ilmu agama. Sistem yang digunakan di sekolah-sekolah pondok mirip kepada sistem halaqah. System ini menggunakan kaedah pengajian di Masjidil Haram sebagai model di mana kelas pengajian berpusat di masjid<sup>20</sup>.

Semasa penjajahan Inggeris, A.M. Skinner, pemangku Majistret di Seberang Perai, telah memperkenalkan kelas al-Qur'an secara formal di Sekolah Rendah dalam tahun 1871. Di sebelah pagi, murid-murid Melayu belajar bahasa Melayu, manakala di sebelah petang mereka belajar al-Qur'an. Rancangan ini dilaksanakan memandangkan sambutan yang sangat dingin di kalangan orang Melayu terhadap penubuhan Sekolah Melayu<sup>21</sup>. Namun, al-Qur'an pada masa itu hanya diajar membacanya sahaja, makna dan kefahamannya tidak diajar. Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, pelajaran agama dimasukkan ke dalam kurikulum sekolah berdasarkan Laporan Rahman Talib 1960. Namun kelas-kelas al-Qur'an di rumah-rumah guru masih terus berjalan. Ini pun setakat membacanya sahaja dan menghafaz beberapa ayat untuk tujuan tertentu<sup>22</sup>. Dalam pelajaran Agama Islam di sekolah, al-Qur'an termasuk salah satu daripada subjek yang diajar di dalam kelas pada masa itu. Pelajar diajar membaca beberapa ayat tertentu dan diberi makna, kefahaman dan pengajarannya.

## **2.1 Pengajaran Al-Qur'an di Pusat Pengajian Tinggi**

Berdasarkan kepada sejarah pengajian al-Qur'an di Malaysia, maka ia telah diteruskan ke peringkat pengajian tinggi pula. Di peringkat pengajian tinggi, ia ditubuh dengan lebih khusus

---

<sup>20</sup> Shafie Abu Bakar (1984) *Sheikh Abdul Malik bin Abdullah dan Karangan-Karangannya*. Pesaka 11. H. 71

<sup>21</sup> Mohd Yusoff Ahmad(2000) *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Qur'an*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya. h.89.

<sup>22</sup> Tujuan tertentu ini ialah seperti untuk sukatan pelajaran dan ayat untuk dibaca semasa solat. Mohd Salleh Lebar (1996) *Perkembangan dan Haluan Kurikulum Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing. h. 73.

lagi. Ini dapat dibuktikan dengan penawaran subjek pengajian al-Qur'an universiti dan Institusi Pengajian Tinggi seperti kolej dan maktab .

Sebagai contoh, di Malaysia terdapat universiti yang bertaraf Institusi Pengajian Tinggi Awam(IPTA) yang menawarkan subjek pengajian al-Qur'an. Kebanyakannya telah menggabungkan pengajian al-Qur'an dengan al-Hadith atau dengan nama al-Sunnah dan ada juga yang secara khusus subjek tilawah al-Qur'an. Antara institusi itu ialah Universiti Malaya iaitu dengan nama Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith di bawah Akademi Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia iaitu dengan nama Jabatan Pengajian al-Qur'an dan al-Sunnah di bawah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Sains Islam Malaysia iaitu dengan nama Fakulti al-Qur'an dan al-Sunnah, Universiti Darul Iman (kampus Kusza) dan seterusnya ialah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Begitu juga dengan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan sebagainya. Usaha menubuhkan pusat pengajian al-Qur'an di peringkat yang lebih tinggi ini akan menjadikan pengajian al-Qur'an akan tersebar dan kajian mengenainya akan lebih mendalam. Ini adalah kerana institusi- institusi ini menawarkan pengajian al-Qur'an di semua peringkat samada sijil, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana sehingga ke peringkat Doktor Falsafah (PhD).

Bertitik tolak daripada ini, pengkaji telah mengambil suatu keputusan untuk mengkaji kaedah pengajian Tilawah al-Qur'an di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Kajian ini mengupas salah satu daripada institusi ini iaitu *Tilawah Division* yang berada di bawah kelolaan *Centre for Languages and Pre-University Academic Develpoment* (CELPAD) Universiti Islam

Antarabangsa Malaysia. *Tilawah Division* ini telah menawarkan kursus Tilawah al-Qur'an kepada semua pelajar peringkat sarjana muda dan menjadi subjek wajib universiti.

## **2.2 *CENTRE FOR LANGUAGES AND PRE-UNIVERSITY ACADEMIC DEVELOPMENT (CELPAD)***<sup>23</sup>

### **2.2.1 Sejarah dan Perkembangan CELPAD**

Pusat bahasa ditubuhkan pada bulan Julai 1983. Namanya telah ditukar kepada Pusat Bahasa dan Perkembangan Akademik Pra Universiti (CELPAD) pada bulan April 1993. CELPAD menawarkan kursus-kursus Bahasa Inggeris, Bahasa al-Qur'an (Arab), Bahasa Melayu dan Tilawah al-Qur'an. Ia merupakan satu pendekatan yang baru dari aspek organisasi, tenaga pekerja dan masa dalam memikul tanggungjawab untuk menerapkan sistem baru kedalam pengajaran bahasa di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia bagi memastikan para mahasiswanya menerima pengajaran yang paling berkesan dalam penguasaan bahasa.

### **2.2.2 Matlamat**

CELPAD ditubuhkan bagi memenuhi matlamat mendidik dan memajukan para mahasiswa yang bukan sahaja mempunyai ilmu pengetahuan intelek dan kekuatan rohani bahkan pengalaman

---

<sup>23</sup> Maklumat lanjut mengenai CELPAD boleh layari laman web Rasmi CELPAD  
<http://www.iiu.edu.my/celpad/v2/about-celpad.php>

yang praktikal serta bermanfaat. Senario bagi matlamat ini ialah suasana pengajaran-pembelajaran bahasa dan pembangunan akademik pra universiti.

Dengan kerjasama yang rapat dengan Pusat Matrikulasi, yang bertanggungjawab dalam menguruskan aspek pentadbiran akademik bagi pengajian pra universiti, CELPAD ditugaskan untuk mengawal mutu pendidikan dan pengajaran bahasa.

### **2.2.3 Visi dan Misi**

Visi CELPAD adalah untuk menjadi pusat bahasa terulung di rantau ini dengan meletakkan standard kecemerlangan dalam pengajaran dan pembelajaran, penyediaan kurikulum dan kemudahan-kemudahan, dan kefahaman antara budaya selaras dengan Misi dan Visi Universiti.

Misi CELPAD adalah untuk melengkapi para pelajar dengan kemahiran-kemahiran berbahasa yang diperlukan bagi mengikuti dan meneruskan program-program akademik di UIAM. Ia turut menawarkan program-program bahasa yang menepati keperluan kerjaya, profesional dan persekitaran global kepada pelajar-pelajar. Misi CELPAD juga adalah untuk memenuhi matlamat mendidik dan memajukan para mahasiswa yang bukan sahaja mempunyai ilmu pengetahuan intelek dan kekuatan rohani bahkan pengalaman yang praktikal serta bermanfaat. Senario bagi matlamat ini ialah suasana pengajaran-pembelajaran bahasa dan pembangunan akademik pra-universiti.

## **2.2.4 Bahagian Operasi CELPAD**

Bahagian Operasi CELPAD terbahagi kepada dua bidang utama iaitu:

### **2.2.4.i. Bahagian Pengajaran di CELPAD**

Bahagian pengajaran CELPAD memikul tanggungjawab untuk mengekalkan proses pengajaran/pembelajaran pada tahap yang paling tinggi. Ini merangkumi pelbagai dimensi seperti pembangunan sumber manusia, penjadualan, pengendalian proses pengajaran harian, pembekalan alat-alat pengajaran dan pengaturan kedudukan mereka.

Pada masa ini Bahagian Pengajaran beroperasi dalam bidang Lulusan Menengah dan Pra Universiti dengan memberi dan mengadakan kursus-kursus Bahasa Inggeris, Bahasa Al-Qur'an, Bahasa Melayu dan Tilawah al-Qur'an di samping kursus-kursus subjek lain apabila diperlukan. Ia juga menawarkan bantuan perkhidmatan untuk mengadakan kursus-kursus bahasa untuk siswa siswi dan para mahasiswa ijazah lanjutan di samping kakitangan universiti.

Bahagian Bahasa Al-Qur'an dan Bahasa dan Bahasa Inggeris adalah di bawah pentadbiran Timbalan Ketua Jabatan yang mewakili Pengarah CELPAD dalam melaksanakan tugasnya sebagai Ketua bagi kedua-dua bahagian tersebut. Setiap Timbalan Ketua Jabatan dibantu oleh Penyelia-Penyelia Pra Universiti dan Lulusan menengah, Penyelaras-Penyelaras Kanan Kursus dan Pendidik, manakala Bahasa Melayu dan kursus-kursus subjek adalah di bawah pengendalian Penasihat-Penasihat Seksyen yang mempunyai jumlah kakitangan bantuan

yang hampir sama dengan rakan-rakan mereka yang bertanggungjawab bagi Bahasa Al-Qur'an dan Bahasa Inggeris manakala Bahagian Tilawah akan diintegrasikan ke bahagian khusus.

**a. Bahagian Bahasa Inggeris (*English Language Division*)**

**i. Sinopsis Sukatan Kursus**

Bahagian Bahasa Inggeris menyediakan perkhidmatan untuk kesemua mahasiswa termasuk mereka yang telah menerima pendidikan dalam bahasa pengantar selain dari Bahasa Inggeris dan juga mereka yang telah menerima pendidikan dalam Bahasa Inggeris pada tahap yang berbeza-beza. Program yang disediakan adalah mengikut keperluan mahasiswa tempatan dan luar negeri yang menuntut pada peringkat pengajian sarjana muda dan siswazah.

**ii. Objektif-objektif Program**

Program ini bertujuan memperkembangkan penguasaan para mahasiswa dalam tatabahasa, struktur dan pemahaman sebagai cara untuk mencapai objektif keseluruhan program. Mempertingkatkan kebolehan bertutur, membaca dan menulis pada tahap yang sewajarnya bagi pengajian mereka di Universiti. Dalam mempertingkatkan kemahiran asas mereka, penekanan diberikan kepada usaha untuk membantu para mahasiswa mendapatkan dan menyusun maklumat dengan tepat.

Objektif sampingan program ini ialah memupuk dan merangsang minat mahasiswa untuk mencari maksud dan berfikir kritikal terhadap bahasa yang mereka gunakan. Para mahasiswa juga akan dilatih memperkembangkan kemahiran belajar. Bahasa yang diajar akan disesuaikan sebaik mungkin dengan program-program pengajian mereka dan akan mempersiapkan para mahasiswa tersebut bagi keperluan akademik dan professional.

Pengkaji tidak bercadang untuk meneruskan pengkajian dalam kursus ini , ini adalah kerana ianya tiada kaitan dengan kajian yang dibuat oleh pengkaji.

**b. Bahagian Bahasa Al-Qur'an (Quranic *Language Division*)**

Bahagian Bahasa Al-Qur'an ditubuhkan bagi menawarkan kursus-kursus Bahasa Arab kepada semua mahasiswa tidak kira dari mana-mana Kulliyah atau Jabatan sekalipun. Objektif-objektif am kursus-kursus Bahasa Arab ialah :

**i. Objektif Kursus**

Membantu mahasiswa Universiti ini yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama untuk memperolehi ilmu Bahasa Arab yang sekurang-kurangnya akan membolehkan mereka memahami Al-Qur'an al-Karim dan sunnah Nabi s.a.w. dalam bahasa asalnya.



Di samping itu, objektif kursus ini adalah membolehkan para mahasiswa Universiti ini (seperti mahasiswa Undang-undang Syari'ah, Ilmu Pengetahuan berteraskan Wahyu dan warisan Islam) yang menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar utama untuk memperoleh kemahiran memahami kuliah-kuliah dalam Bahasa Arab, mengambil nota dari kuliah dalam Bahasa Arab, menjawab soalan dalam Bahasa Arab dan menggunakan sumber-sumber asal yang ditulis dalam Bahasa Arab apabila mereka melakukan penyelidikan.

Pengkaji hanya dapat berikan pengenalan ringkas sahaja berkenaan kursus Bahasa al-Qur'an ini kerana ianya juga tiada kaitan dengan masalah kajian pengkaji.

**c. Bahagian Bahasa Melayu (*MalayLanguage Division*)**

Kursus ini ditetapkan kepada semua pelajar yang mengikuti pengajian di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia ini samada pelajar Malaysia mahupun pelajar antarabangsa mengikut peringkat-peringkat yang disediakan.

**i. Objektif Kursus**

Kursus Bahasa Melayu bertujuan untuk memajukan kemahiran asas tatabahasa, struktur ayat dan kefahaman pelajar. Objektif kursus ini juga adalah untuk menaikkan tahap kesedaran tentang betapa pentingnya bahasa Melayu dalam merealisasikan pelbagai keperluan disiplin yang ditawarkan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Program Bahasa Melayu untuk pelajar antarabangsa adalah sememangnya bertepatan untuk menyesuaikan diri dan menambahkan pengetahuan bahasa semasa menetap di negara ini.

Pengkaji juga tidak bercadang meneruskan fakta mengenai kursus ini kerana ianya juga tiada kaitan dengan kajian pengkaji.

**d. Bahagian Tilawah (*Tilawah Division*)**

Fokus utama pengkaji adalah Bahagian Tilawah iaitu peranan yang dilaksanakan oleh bahagian tilawah dalam pengajaran al-Qur'an di UIAM dan kesan kepada pelajar dalam pencapaian bacaan al-Qur'an. Pengenalan bahagian tilawah dikupas secara panjang dalam perbincangan yang seterusnya.

**2.2.4.ii. Bahagian Pembangunan**

Bahagian Pembangunan pula berperanan untuk mentadbir dan mengurus tujuh unit pembangunan dalam bidang pengajaran. Setiap bahagian mempunyai fungsi dan peranannya yang tersendiri. Dalam bahagian ini, pengkaji memperkenalkan unit tersebut secara ringkas dan peranan yang dilaksanakan oleh mereka. Berikut adalah unit-unit dalam Bahagian Pembangunan dan peranannya.

**i. Unit Pengurusan Pembangunan Kurikulum dan Penerbitan Bahan**

Unit ini berperanan untuk menyediakan kurikulum yang berkesan bagi memenuhi keperluan linguistik untuk disiplin-disiplin berkaitan.

**ii. Unit Pengawasan dan Penilaian Pengajaran dan Pembelajaran**

Unit ini berperanan untuk mengekalkan dan meningkatkan mutu pengajaran yang profesional.

**iii. Unit Unit Pembangunan Guru/Tenaga Pengajar**

Unit ini berperanan untuk memenuhi keperluan latihan tenaga pengajar.

**iv. Unit Peperiksaan dan Penilaian**

Unit ini berperanan untuk mengendali dan memantau Ujian Penentuan tahap Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab. (English and Arabic Placement Tests)

**v. Unit Keperluan Khas**

Unit ini berperanan untuk membantu pelajar-pelajar yang memerlukan perhatian khas berkaitan pembelajaran.

#### **vi. Unit Pembelajaran Bahasa dengan Bantuan Komputer**

Unit ini berperanan untuk menyediakan kemudahan multimedia dan latihan untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa.

#### **vii. Unit Pusat Sumber**

Unit ini berperanan untuk menyediakan sumber-sumber terbaik dalam pendidikan bahasa kepada guru-guru dan pelajar-pelajar.

### **2.3 PENGENALAN TILAWAH DIVISION**

#### **2.3.1. Sejarah penubuhan dan perkembangan**

Kursus Tilawah al-Qur'an di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia merupakan kelolaan Divisyen Tilawah di bawah seliaan *Centre for Languages and Pre University Academic Development* (CELPAD). Kursus ini diwajibkan kepada semua pelajar Sarjana Muda beragama Islam yang menuntut di universiti ini.

Pengajaran Tilawah al-Qur'an telah bermula sejak dari awal penubuhan universiti pada tahun 1983. Ia sebelumnya dikenali sebagai Unit Tilawah. Ianya bertujuan untuk menggalakkan para pelajar meningkatkan kesedaran tentang kepentingan membaca al- Quran dengan betul. Pada waktu tersebut, ianya bukanlah kursus wajib ataupun syarat tamat pengajian. Pada

peringkat awal, para pelajar digalakkan membaca al-Qur'an dalam waktu dan cara mereka sendiri. Melalui program ini, para pelajar berkumpul dan bertemu dalam satu kumpulan dan menghadiri sesi kelas mengikut jadual waktu. Cara pengajaran 'ala pondok' telah diperkenalkan iaitu satu kumpulan yang terdiri daripada sepuluh orang pelajar dan satu guru membuat satu halaqah bulatan dan setiap pelajar diberi peluang untuk membaca surah yang telah dipilih. Kesalahan yang dilakukan oleh pelajar terus dibetulkan oleh guru dan asas hukum tajwid juga diperkenalkan. Dengan jumlah bilangan pelajar yang kecil, unit ini mampu untuk beroperasi dengan berkesan dalam menyampaikan ilmu tajwid kepada para pelajar yang berminat dalam membaca al-Qur'an dan memperbaiki kemahiran tajwid mereka.<sup>24</sup>

Pengajaran dijalankan dalam tiga bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab. Perjalanan kursus ini dijalankan dengan diasingkan pelajar mengikut negara. Pelajar-pelajar dari Malaysia diasingkan dengan pelajar-pelajar dari luar negara. Pengajaran untuk kelas pelajar-pelajar Malaysia, bahasa penghantar ialah Bahasa Melayu, manakala pengajaran bagi kelas luar negara pengajarannya diajar dalam dwibahasa iaitu Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab. Pengajaran diajar di dalam bilik-bilik kuliah mengikut peringkat yang khusus. Program ini dijalankan sebagai langkah untuk memenuhi keperluan bagi semua pelajar Muslim yang bertujuan pelajar boleh membaca Al-Qur'an dengan betul. Di samping itu, kemampuan untuk membaca Al-Qur'an begitu penting bagi pelajar di dalam jurusan agama memandangkan kursus pengajian yang mereka ambil tidak begitu lengkap untuk melahirkan mereka sebagai cendekiawan.

---

<sup>24</sup> Temu bual dengan Ustaz Surur Shahbudin Hasan , Ketua Divisyen Tilawah, pada 13 hb April 2007 di bilik Ketua Divisyen Tilawah, CELPAD.

Setelah empat tahun kewujudannya iaitu pada tahun 1987, satu kertas cadangan untuk menubuhkan Unit Tilawah Al-Qur'an telah dibentangkan dan Lembaga Senat telah menerima cadangan tersebut.<sup>25</sup> Pengajaran Tilawah al-Qur'an dipraktikkan kepada pelajar Islam UIAM peringkat sarjana muda sahaja. Lembaga Senat turut meluluskan cadangan dari Pusat Bahasa supaya Ustaz Muhsin Sheikh Ahmad dilantik menjadi Ketua atau Penyelaras Unit Tilawah ini.<sup>26</sup>

Pada tahun 1990, dengan kemasukan pelajar yang bertambah, unit Tilawah telah ditingkatkan secara lebih formal sejajar dengan matlamat islamisasi universiti. Pada tahun 2002, unit ini telah dinaikkan daripada status unit kepada status Divisyen di bawah pentadbiran CELPAD. Divisyen *Tilawah* telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan kursus *Tilawah*. Bidang tugas Divisyen ini menjadi lebih mencabar apabila kursus Tilawah ini dijadikan syarat tamat pengajian. Ia menjadi subjek yang wajib diambil oleh para pelajar sebelum tamat pengajian mereka.

Divisyen Tilawah secara berterusan telah berusaha memperbaiki setiap aspek dalam kursus Tilawah ini. Divisyen Tilawah ini juga memainkan peranan penting dalam memastikan ciri-ciri Islam pada universiti dan mengekalkan tahap kecemerlangannya sebagai satu pusat pembelajaran ilmu Islam.

---

<sup>25</sup> Mesyuarat Senat Yang Ke 48 27 Ogos 1987, hlm 9, Minit Ke 270. Kertas Cadangan untuk menubuhkan Unit Tilawah Al-Quran yang bertajuk 'Cadangan rancangan pengajaran bacaan al-Quran kepada pelajar UIAM' telah dibentangkan oleh Timbalan Rektor. Badan Senat telah menerima cadangan tersebut dan memutuskan bahawa unit ini ditubuh dan dikendalikan di pusat bahasa CELPAD.

<sup>26</sup> Boleh rujuk minit mesyuarat senat yang ke 53 bertarikh : 3 Feb 1988, hlm 25, minit ke 330 di bawah tajuk Perkara Berbangkit: Pengajaran Tilawah Al-Quran Di UIAM.

### **2.3.2. Objektif Kursus**

Untuk melahirkan pelajar yang berkebolehan dalam membaca Al-Qur'an dengan kaedah yang betul berdasarkan kesesuaian hukum tajwid. Ini bertepatan dengan pembacaan Al-Qur'an yang dianjurkan oleh Rasulullah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Hafs 'An Asim dan diperjelaskan oleh ulama ilmu tajwid di dalam buku mereka.

Selain daripada itu, tujuan kursus ini ialah untuk melahirkan pelajar yang mampu untuk menghafaz surah-surah lazim daripada juz 'amma (22 surah). Ini bertujuan untuk diamalkan di dalam ibadah solat mereka setiap hari atau sebagai persediaan untuk menjadi seorang imam.

Di samping itu, kursus ini juga bertujuan untuk melahirkan para graduan yang berkebolehan dalam pembacaan Al-Qur'an dengan kaedah yang betul dan lancar berdasarkan hukum-hukum tajwid.

### **2.3.3. Penjelasan mengenai kursus yang ditawarkan**

Setiap kursus yang ditawarkan mempunyai tujuan-tujuannya yang tersendiri. Ianya bersesuaian dengan tahap dan kemampuan setiap pelajar yang menuntut di Universiti ini setelah dibuat kajian oleh pihak senate. Oleh kerana pelajar-pelajar yang menuntut di Universiti ini adalah berlainan latarbelakang maka tahap setiap pelajar adalah berbeza bila diukur dari sudut kemampuan tilawah al-Qur'an.

Ada di antara mereka yang berkemampuan dan berkecukupan untuk meneruskan pengajian di Universiti ini tanpa mengambil kursus Tilawah al-Qur'an ini. Ini adalah kerana mereka mendapat kelepasan setelah dinilai melalui ujian penentuan tahap.<sup>27</sup>

Di sini pengkaji akan menjelaskan secara terperinci mengenai kursus-kursus Tilawah al-Qur'an yang ditawarkan di CELPAD Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

#### **2.3.3.a. Peringkat Permulaan (Asas)**

Pada peringkat ini, kursus Tilawah al-Qur'an ditawarkan untuk pelajar-pelajar yang tidak berkecukupan dalam tilawah atau pembacaan al-Qur'an, ini adalah kerana selepas menjalani ujian penentuan tahap Tilawah al-Qur'an (TPT) mereka didapati memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh pihak *Tilawah Division* pada tahap permulaan ini. Antara kriteria-kriteria yang dimaksudkan itu ialah :

- i. Langsung tiada pengetahuan mengenai Tilawah al-Qur'an.

Setelah dinilai melalui ujian tahap ini, pengkaji dapati jumlah pelajar-pelajar dari negara kita Malaysia yang menuntut di Universiti ini, melengkapi kriteria yang pertama ini tidak begitu ramai. Walaupun di sana terdapat juga segelintir pelajar yang tidak pernah langsung mendapat pendidikan dan pendedahan al-Qur'an sejak dari lahir. Ini semua adalah berpunca dari

---

<sup>27</sup> Ada di antara pelajar yang mendaftar di Universiti ini adalah lepasan dari Maahad-maahad Tahfiz seperti dari Program Persijilan UIA-DQ (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Darul Quran), ada juga pelajar-pelajar yang lepasan Diploma Darul Quran JAKIM dan juga ada pelajar-pelajar yang memang berkecukupan untuk tidak mengambil kursus tilawah disebabkan kemahiran Tilawah al-Qur'an yang ada pada pelajar tersebut. Surur Shihabuddin bin Hassan Head of Tilawah Division CELPAD UIAM . Temubual pada 23 Julai 2007



latarbelakang keluarga yang tidak mementingkan al-Qur'an dalam kehidupan dengan hanya mengejar kehidupan dunia semata-mata.

Adapun bagi pelajar luar negara, yang memenuhi kriteria ini terlalu ramai terutama pelajar yang datang dari benua Eropah, negara China dan dari negara-negara yang bukan diperintah oleh orang Islam. Ada juga yang langsung tidak mengenal akan huruf-huraf al-Qur'an.

ii. Ada sedikit pengetahuan mengenai Tilawah al-Qur'an tetapi tidak mampu membaca al-Qur'an dengan sebaiknya.

Pelajar-pelajar yang termasuk di dalam kategori ini terlalu ramai, baik dari Malaysia mahupun dari luar negara.

Pada peringkat ini, kod yang dikhususkan oleh pihak *Tilawah Division*, CELPAD ialah seperti berikut :

- i. TQB 1000M
- ii. TQB 1000E
- iii. TQS 1000M
- iv. TQS 1000E

Penjelasan mengenai kod kursus adalah seperti berikut:

| KOD KURSUS | TAJUK KURSUS                                       | JAM KREDIT |
|------------|----------------------------------------------------|------------|
| TQB 1000M  | Tilawah al-Quran 1(pelajar lelaki Malaysia)        | 0          |
| TQS 1000M  | Tilawah al-Quran 1(pelajar perempuan Malaysia)     | 0          |
| TQB 1000E  | Tilawah al-Quran 1(pelajar lelaki antarabangsa )   | 0          |
| TQS 1000E  | Tilawah al-Quran 1(pelajar perempuan antarabangsa) | 0          |

### 2.3.3.b Peringkat Pertengahan

Dalam kursus ini, ditawarkan kepada pelajar-pelajar yang mempunyai pengetahuan mengenai Tilawah al-Qur'an. ia adalah merupakan hasil dari dua penapisan yang diadakan iaitu samada dari ujian penentuan tahap (TPT) dan juga dari kenaikan tahap dari tahap permulaan (TQ 1000) setelah lulus dalam peperiksaan akhir Tilawah al-Qur'an yang diadakan pada akhir setiap semester.

Peringkat ini merupakan peringkat terakhir bagi pelajar-pelajar yang mengambil kursus Tilawah al-Qur'an<sup>28</sup>. Sekiranya berjaya di dalam peperiksaan yang diadakan pada hujung semester, maka pelajar tersebut telah berjaya menghabiskan kursus Tilawah al-Qur'an yang dipertanggungjawabkan kepada *Tilawah Division* CELPAD Universiti Islam Antarabangsa

<sup>28</sup> Selain daripada pelajar dari jurusan Sarjana Muda Ilmu Pengetahuan Berteraskan Wahyu dan Warisan Islam dan Sarjana Muda Sains Kemanusiaan (Bahasa Arab dan Kesusasteraan). *Ibid*.

Malaysia. Manakala bagi pelajar-pelajar yang gagal di dalam peperiksaan akhir maka mereka terpaksa mengulang semula kursus dalam tahap ini.

Kod kursus yang digunakan untuk tahap ini adalah seperti berikut :

- I        TQB 2000M
- ii.     TQB 2000E
- iii.    TQS 2000M
- iv.     TQS 2000E

Penjelasan mengenai kod kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:

| KOD KURSUS | TAJUK KURSUS                                        | JAM KREDIT |
|------------|-----------------------------------------------------|------------|
| TQB 2000M  | Tilawah al-Quran 11(pelajar lelaki Malaysia)        | 0          |
| TQS 2000M  | Tilawah al-Quran 11(pelajar perempuan Malaysia)     | 0          |
| TQB 2000E  | Tilawah al-Quran 11(pelajar lelaki antarabangsa )   | 0          |
| TQS 2000E  | Tilawah al-Quran 11(pelajar perempuan antarabangsa) | 0          |

### **2.3.3.c Peringkat Lanjutan**

Peringkat lanjutan Tilawah al-Qur'an yang ditawarkan ini adalah hanya dikhususkan kepada pelajar-pelajar dari Sarjana Muda Ilmu Pengetahuan Berteraskan Wahyu dan Warisan Islam dan Sarjana Muda Sains Kemanusiaan (Bahasa Arab dan Kesusasteraan) sahaja.

Pelajar-pelajar dari dua bidang pengkhususan ini terkecuali dari menduduki ujian penentuan tahap (TPT). Ini adalah kerana kursus Tilawah al-Qur'an merupakan kursus yang diwajibkan kepada mereka dan merupakan mata pelajaran yang ditetapkan jam kredit. Ini bermakna kursus Tilawah al-Qur'an telah dapat menyamatarafkan dengan kursus-kursus lain yang ditawarkan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan bukan lagi hanya sekadar mata pelajaran wajib sahaja tanpa dikira jam kredit .

Kod mata pelajaran yang telah dipersepakati oleh pihak Universiti adalah seperti berikut :

- i. TQ 3000
- ii. TQ 3020
- iii. TQ 3020

Penjelasan mengenai kod kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:

| <b>KOD KURSUS</b> | <b>TAJUK KURSUS</b>        | <b>JAM KREDIT</b> |
|-------------------|----------------------------|-------------------|
| TQ 3000           | Tahfiz al-Quran            | 1                 |
| TQ 3010           | Tilawah al-Qur'an Lanjutan | 1                 |
| TQ 3020           | Tilawah al-Qur'an Lanjutan | 1                 |

Divisyen ini menawarkan program pengajian tilawah al-Qur'an sebagai kursus yang mesti dipelajari oleh setiap pelajar. Perkara yang diajar dalam kursus ini ialah bacaan al-Qur'an, hafazan surah-surah pilihan dan juga tajwid al-Qur'an. Dalam kursus tilawah ini, pelajar dibimbing melalui proses pembelajaran dan praktikal ilmu tajwid dengan betul semasa membaca al-Qur'an. Tumpuan utama proses pembelajaran ini adalah menerapkan satu sistem pembelajaran yang seimbang.

Para pelajar mempelajari hukum tajwid melalui kaedah belajar dan mempraktikkan hukum tersebut dalam pembacaan Al-Qur'an. Pelajar mempelajari kemahiran dalam pembacaan Al-Qur'an menerusi strategi pembelajaran berikut: mengikut dan mengulangi bacaan pensyarah, mempraktikkan dan menghafal. Secara keseluruhannya, pelajar mempelajari hukum-hukum yang berkaitan dengan ilmu tajwid dengan lebih terperinci melalui penerangan yang jelas daripada tenaga pengajar. Seterusnya, pelajar diminta untuk mempraktikkan kesemua hukum tajwid dalam pembacaan Al-Qur'an.

Program ini dijalankan sebagai langkah untuk memenuhi keperluan bagi semua pelajar Muslim yang bertujuan pelajar boleh membaca Al-Qur'an dengan betul. Di samping itu,

kemampuan untuk membaca Al-Qur'an begitu penting bagi pelajar di dalam jurusan agama memandangkan kursus pengajian yang mereka ambil tidak begitu lengkap untuk melahirkan mereka sebagai cendekiawan.

Semua pelajar Islam baru dikehendaki mengambil Ujian Penentuan Tahap Tilawah (TPT) sebelum memasuki kursus Tilawah. Kebiasaannya, ujian tilawah ini akan diadakan pada awal permulaan semester. Melalui TPT, pelajar akan ditentukan samada lulus atau di peringkat 2000 atau di peringkat 1000. Semua pelajar yang menuntut di kampus Gombak mahupun di kampus Kuantan perlu menghabiskan kursus tilawah dalam jangkamasa 2 tahun.

Pelajar akan mempelajari hukum-hukum tajwid melalui kaedah belajar dan mempraktikkan hukum tersebut dalam pembacaan Al-Qur'an. Pendekatan pengajaran adalah berdasarkan kepada kaedah mengajar dan belajar. Oleh yang demikian itu, melalui pendekatan ini, pelajar akan mempelajari kemahiran dalam pembacaan Al-Qur'an menerusi strategi pembelajaran berikut : meniru dan mengulangi bacaan pensyarah, mengamalkan dan menghafal. Secara keseluruhannya, pelajar akan mempelajari hukum-hukum yang berkaitan dengan ilmu tajwid dengan lebih terperinci melalui penerangan yang jelas daripada tenaga pengajar. Seterusnya, pelajar diminta untuk menggunakan kesemua hukum-hukum tajwid secara spontan dalam pembacaan Al-Qur'an.

### 2.3.4 Sukatan pelajaran

Pengajaran yang dijalankan adalah mengikut sukatan pelajaran yang disusun rapi bersesuaian dengan tahap yang ditawarkan. Pengkaji akan kemukakan sukatan pelajaran mengikut peringkat-peringkat yang ditawarkan.

- i. Di bawah ini pengkaji sertakan sukatan mata pelajaran bagi tahap permulaan ini.<sup>29</sup>

| Minggu | Tajuk Pengajaran                                                                           | Surah amali                                                |
|--------|--------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------|
| 1.     | Pembacaan Al-Qur'an secara individu.<br>Mendengar bacaan daripada guru.                    | ■ <i>Al-Nās</i> hingga <i>al-Kāfirūn</i>                   |
| 2.     | Memperbetulkan sebutan huruf dalam pembacaan Al-Qur'an                                     | ■ <i>Al-Kauthar</i> hingga <i>al-‘Aşr</i>                  |
| 3.     | Penjelasan secara umum dan mempraktikkan hukum <i>Ghunnah</i> dan <i>Mad</i> dalam bacaan. | ■ <i>Al-Takāthur</i> hingga <i>al-Zalzalah</i>             |
| 4.     | Menerangkan hukum <i>Izhār</i> dan bacaannya                                               | ■ <i>Al-Bayyinah</i> hingga <i>al-Tīn</i>                  |
| 5.     | Menerangkan hukum <i>Iqlāb</i> dan bacaannya                                               | ■ <i>Al-Syarḥ</i> hingga <i>al-Syams</i>                   |
| 6.     | Menerangkan hukum <i>Idghām</i> dan bacaannya                                              | ■ <i>Al-Balad</i> dan <i>al-Fajr</i>                       |
| 7.     | Menerangkan hukum <i>Ikhfa'</i> dan bacaannya                                              | ■ <i>Al-Ghāsyiyah</i> , <i>al-A`lā</i> dan <i>al-Ṭāriq</i> |

<sup>29</sup> Boleh di rujuk di *Senate. Meeting: 278<sup>th</sup>, date :28 Feb 2003, page: 14: minutes NO:278 .05; A report OnTilawah Al Quran Course (TQ 1000 and TQ 2000) –s.p. No. D 456/278/2003*

|     |                                                                                    |                                          |
|-----|------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------|
| 8.  | <b>Ujian Bacaan</b>                                                                |                                          |
| 9.  | Menerangkan hukum <i>Mim al-Sākinah</i> dan <i>Harf al-Ghunnah</i> serta bacaannya | ■ <i>Al-Burūj</i> dan <i>al-Insyiqāq</i> |
| 10. | Menerangkan <i>Mad</i> dengan kadar 2 harakat dan bacaannya                        | ■ <i>Al-Muṭaffifīn</i>                   |
| 11. | Menerangkan <i>Mad</i> dengan kadar 4/5 harakat dan bacaannya                      | ■ <i>Al-Takwīr</i> dan <i>al-Infīṭār</i> |
| 12. | Menerangkan <i>Mad</i> dengan kadar 6 harakat dan bacaannya                        | ■ <i>`Abasa</i> dan <i>al-Nāzi`āt</i>    |
| 13. | Berlatih menggunakan <i>Ghunnah</i> dan <i>Mad</i> dalam bacaan.                   | ■ <i>Al-Nabā`</i>                        |
| 14. | <b>Ujian Hafazan (<i>al-Takāthur</i> – <i>al-Nās</i>)</b>                          |                                          |
| 15. |                                                                                    | <b>Peperiksaan Akhir (lisan)</b>         |

- ii. Di bawah ini pengkaji sertakan sukatan matapelajaran Tilawah al-Qur'an untuk peringkat pertengahan<sup>30</sup> :

| Minggu | Tajuk Pengajaran                                                                                                                  | Latihan Amali                                         |
|--------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------|
| 1.     | ■ Pengenalan kepada hukum <i>Tarqīq</i> dan <i>Tafkhīm</i> dalam bacaan                                                           | ■ Berlatih membaca <i>Sūrah Āli 'Imrān</i> ayat 1-12  |
| 2.     | Hukum <i>Nūn Sākinah</i> dan <i>Tanwīn</i> .<br>Pengenalan secara umum tentang hukumnya<br>Menjelaskan hukum <i>Izhār Ḥalqī</i> . | ■ Berlatih membaca <i>Sūrah Āli 'Imrān</i> ayat 12-24 |

<sup>30</sup> *Ibid.*



|     |                                                                                                                                                                                     |                                                         |
|-----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------|
| 3.  | Menjelaskan hukum <i>Idghām Ma`al Ghunnah</i>                                                                                                                                       | ■ Berlatih membaca <i>Sūrah Āli ‘Imrān</i> ayat 24-36   |
| 4.  | Menjelaskan hukum <i>Izhār Mutlaq</i><br>Menjelaskan hukum <i>Idghām Bilā Ghunnah</i>                                                                                               | ■ Berlatih membaca <i>Sūrah Āli ‘Imrān</i> ayat 12-24   |
| 5.  | Menjelaskan hukum <i>Iqlāb</i>                                                                                                                                                      | ■ Berlatih membaca <i>Sūrah Āli ‘Imrān</i> ayat 48-60   |
| 6.  | Menjelaskan hukum <i>Ikhfa’ Haqīqī</i>                                                                                                                                              | ■ Berlatih membaca <i>Sūrah Āli ‘Imrān</i> ayat 60-72   |
| 7.  | <i>Mīm Sākinah</i> : Pengenalan secara tentang hukum <i>Idghām Syafawī</i> dan <i>Izhār Syafawī</i> .                                                                               | ■ Berlatih membaca <i>Sūrah Āli ‘Imrān</i> ayat 72-84   |
| 8.  | Menjelaskan <i>Ikhfa’ Syafawī</i> dan <i>Harf Ghunnah Musyadadah</i>                                                                                                                | ■ Berlatih membaca <i>Sūrah Āli ‘Imrān</i> ayat 84-96   |
| 9.  | Hukum <i>Mad</i> – pengenalan <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Mad Aşlī</i></li> <li>• <i>Mad Şilah</i></li> <li>• <i>Mad ‘Twāḍ</i></li> </ul>                           | ■ Berlatih membaca <i>Sūrah Āli ‘Imrān</i> ayat 96-108  |
| 10. | <i>Mad Far’ī</i> dengan Hamzah disebabkan oleh : <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Mad Muttasīl</i></li> <li>• <i>Mad Munfaşil</i></li> <li>• <i>Mad Badal</i></li> </ul> | ■ Berlatih membaca <i>Sūrah Āli ‘Imrān</i> ayat 108-120 |
| 11. | <i>Mad Far’ī</i> dengan <i>Sukūn</i> disebabkan oleh : <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Mad ‘Āriḍ Lī al- Sukūn</i> dan <i>Mad Līn</i></li> </ul>                         | ■ Berlatih membaca <i>Sūrah Āli ‘Imrān</i> ayat 120-132 |
| 12. | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Mad Lāzim Kalimī Muthaqqal</i> dan <i>Mad Lāzim Kalimī Mukhaffaf</i></li> <li>•</li> </ul>                                              | ■ Berlatih membaca <i>Sūrah Āli ‘Imrān</i> ayat 132-159 |
| 13. | <i>Mad Lāzim Harfī Muthaqqal</i> dan <i>Mad Lāzim Harfī Mukhaffaf</i>                                                                                                               | ■ Berlatih membaca <i>Sūrah Āli ‘Imrān</i> ayat 160-172 |
| 14. | <b>Ujian Hafazan (<i>al-Ḍuḥā – Al-Nās</i>)</b>                                                                                                                                      |                                                         |
| 15. |                                                                                                                                                                                     | <b>Peperiksaan akhir (lisan)</b>                        |

- iii. Di bawah ini, pengkaji sertakan sukatan mata pelajaran yang telah dipersetujui oleh pihak Universiti bagi kedua-dua peringkat dalam peringkat lanjutan :

i. Peringkat TQ 3000

Pada peringkat ini pelajar hanya diwajibkan menghafaz sejuzuk al-Quran dalam masa satu semester.

ii. Peringkat TQ 3010<sup>31</sup>

| Sukatan matapelajaran |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |                                                                                                                   |
|-----------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Minggu                | Tajuk Pengajaran                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | Rujukan <sup>32</sup>                                                                                             |
| 1                     | <p><b>Pengenalan Ilmu Tajwid</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Definasi dari segi bahasa dan istilah, hukum mempelajarinya , kepentingannya dan sebagainya.</li> <li>▪ Dalil tentang kewajipan Tilawah dan Tajwid dari al-Qur'an, al-Sunnah dan al-Ijma'.</li> <li>▪ Kesalahan <i>Clear and Hidden (al-laḥn al-khafī dan al-laḥn Jalī)</i> dalam Tilawah al-Qur'an.</li> <li>▪ Cara Tilawah al-Qur'an yang sebenarnya.</li> <li>▪ Pengenalan tentang tujuh dan sepuluh Imam Qurra'.</li> <li>▪ Pengenalan khusus mengenai Riwayat Imam <i>Ḥafṣ 'An 'Aṣim</i></li> <li>▪ <i>Al-Isti'ādhah</i> dan <i>Basmalah</i></li> </ul> | <p>Surah /muka surat</p> <p>الوسيط، ص:<br/>85 – 103<br/>105 - 118</p> <p>غاية المريد:<br/>22 – 41<br/>44 – 50</p> |

<sup>31</sup> Segala pengesahan garis panduan kursus ini dapat dirujuk di ; *Standing Senate Committee Meeting No. 1/07 21st February 2007 pg/4 MINUTE 9.03 ENDORSEMENT OF REVISED COURSE OUTLINES FOR THE TILAWAH DIVISION, CENTRE FOR LANGUAGES & PREUNIVERSITY ACADEMIC DEVELOPMENT – SSC. P. NO. 25/1/2007*

<sup>32</sup> Boleh rujuk 4.8 Bahan Rujukan (Teks Pengajaran)

|   |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |                                                                  |
|---|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------|
| 2 | <p><b>Perbincangan mengenai <i>al-Ghunnah</i></b></p> <p>(1) <i>Hukum Nūn Sākinah dan Tanwīn</i> ; takrifnya dan hukum yang terkandung di dalamnya</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>al-Izhār al-Ḥalqī</i> ; pengenalnya, huruf-hurufnya, contoh-contohnya, contoh bacaannya dan sebagainya.</li> <li>• <i>Al-Idghām bi Ghunnah</i>; pengenalnya, huruf-hurufnya, contoh-contohnya, contoh bacaannya, pembahagian <i>Naqis</i> dan <i>Kāmil</i>.</li> <li>• <i>Al-Idghām bilā Ghunnah</i> pengenalnya, huruf-hurufnya, contoh-contohnya, contoh bacaannya dan sebagainya.</li> <li>• <i>Izhār al-Mutlaq</i>; pengenalnya, empat kalimah dalam al-Qur'an yang termasuk dalam hukum ini, peringatan mengenai awal surah <i>Yāsin</i> dan <i>al-Qalam</i></li> <li>• <i>Al-Iqlāb</i>; pengenalnya, huruf-hurufnya, contoh-contohnya, contoh bacaannya dan sebagainya.</li> </ul> | <p>الوسيط، ص:<br/>127 – 146</p> <p>غاية المرید:<br/>51 – 70</p>  |
| 3 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Al-Ikhfā' al-Ḥaqīqī</i> pengenalnya, huruf-hurufnya, contoh-contohnya, contoh bacaannya dan sebagainya serta tahap-tahapnya.</li> </ul> <p>(2.) <i>Hukum al-Mīm al-Sākinah</i> ; pengertian dan hukum yang terkandung di dalamnya;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Al-Idghām al-Mithlayn al-Ṣaghīr / al-Idghām al-Syafawī</i> pengenalnya, huruf-hurufnya, contoh-contohnya, contoh bacaannya dan sebagainya.</li> <li>• <i>Al-Ikhfā' al-Syafawī</i> pengenalnya, huruf-hurufnya, contoh-contohnya, contoh bacaannya dan sebagainya.</li> <li>• <i>Al-Izhār al-Syafawī</i> ; pengenalnya, huruf-hurufnya, contoh-contohnya, contoh bacaannya dan sebagainya.</li> </ul>                                                                                                                                                         | <p>الوسيط، ص<br/>141 – 320</p> <p>غاية المرید:<br/>171 – 180</p> |

|   |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |                                                                             |
|---|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------|
| 4 | <p>(3.) Hukum <i>al-Nūn</i> dan <i>al-Mīm al-Musyaddadatayn</i> (bersabdu);</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Hukum dan contohnya.</li> <li>Pengertian <i>al-Ghunnah</i> (dengung), kadar bacaannya, sebutan <i>Tafkhīm</i> dan <i>Tarqīq</i> dan lima tahap atau martabat dengung.</li> <li>Hukum <i>Sukūn Lām</i>; ketegoriannya termasuk <i>al-Qamariyyah</i> dan <i>al-Syamsiyyah</i>, <i>Lām al-Fi'l</i>, <i>Lām al-Ism</i>, <i>Lām al-Mawṣūlah</i> dan <i>Lām al-Jalālah</i>.</li> </ul>                                                                                                  | <p>الوسيط، ص:<br/>279 – 284</p> <p>غاية المريد:<br/>71 - 73<br/>82 – 90</p> |
| 5 | <p>Mempraktikkan bacaan <i>ghunnah</i> dalam Tilawah al-Qur'an;</p> <p>التلقي والمشافهة: <i>Sūrah al-Ra'd</i></p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | <p>MAKMAL<br/>MULTIMEDIA</p>                                                |
| 6 | <p><b>Perbincangan hukum Mad</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengertian <i>al-Mad</i>, kadar <i>al-Mad</i> dan <i>al-Qaṣr</i>. pengenalan mengenai huruf <i>Mad</i> dan <i>Līn</i>.</li> </ul> <p>(1.) <i>Al-Mad al-Aṣlī</i>; menurut bahasa dan istilah ilmu Tajwid, alasan dinamakan (<i>Aṣlī</i> atau <i>Ṭabī'ī</i>) dan kadar bacaannya.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pembahagian <i>al-Mad al-Aṣlī</i></li> <li><i>Al-Mad al-Aṣlī Muṭlaq</i></li> <li><i>Al-Mad al-Aṣlī al-Ḥarfī</i></li> <li><i>Al-Mad al-‘Iwaḍ</i></li> <li><i>Mad al-Ṣilah al-Ṣughrā</i></li> </ul> | <p>الوسيط، ص:<br/>157 – 166</p> <p>غاية المريد:<br/>91 – 94</p>             |

|   |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |                                                                                           |
|---|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------|
| 7 | <p><b><i>Al-Mad al-Far‘ī (Brances Madd/Secondary Mad)</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengenalan dan pembahagian mad ( <i>al-Lafẓī</i> dan <i>al-Ma‘nawī</i>)</li> <li>▪ <i>Al-Mad al-Far‘ī</i> disebabkan <i>al-ma‘nawī</i>: <i>al-Mad al-Ta‘zīm</i> dan <i>al-Mad al-Tabri’ah</i>.</li> <li>▪ <i>Al-Mad al-Far‘ī</i> disebabkan <i>al-Lafẓī</i> ; yang berlaku disebabkan huruf Hamzah dan <i>Sukūn</i></li> <li>▪ Pembahagian Hamzah termasuk <i>al-Ba‘diyyah</i> (selepas) dan <i>al-Qabliyyah</i> (sebelum).</li> <li>▪ Pembahagian <i>al-Sukūn</i> antaranya <i>al-Aṣlī (original)</i> &amp; <i>al-‘Āridah (presented)</i>.</li> <li>▪ Perbincangan terperinci mengenai pembahagian <i>al-Mad</i> termasuk di dalamnya 13 kategori.</li> <li>▪ Pembahagian umum <i>al-Mad al-Far‘ī</i> terdiri dari 3 bahagian; <i>al-Wujūb</i>(wajib), <i>al-Jawāz</i>(harus) dan <i>al-Luzūm</i></li> </ul>                            | <p>الوسيط، ص<br/>168 – 170<br/>غاية المريد:<br/>95 – 98</p>                               |
| 8 | <p><b>(2.) <i>Mad al-Far‘ī</i> yang disebabkan huruf hamzah;</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <i>Al-Mad al-Muttaṣil</i>; pengertian, contoh, hukum dan kadar bacaan.</li> <li>▪ <i>Al-Mad al-Munfaṣil</i>, pengertian, contoh, hukum dan kadar bacaan.</li> <li>▪ Kadar bacaan <i>al-Mad al-Munfaṣil</i> mengikut riwayat <i>Imām Ḥafṣ</i> melalui aliran <i>Imām al-Syātibī</i>.</li> <li>▪ Pembahagian <b><i>Mad Ṣilah al-Kubrā</i></b> dihukumkan sama dengan <i>al-Mad al-Munfaṣil</i>.</li> <li>▪ Penekanan dan penelitian khusus bacaan riwayat <i>Imām Ḥafṣ</i> melalui aliran <i>Imām al-Syātibī</i> dengan bacaan <b><i>Tawassuṭ al-Munfaṣil</i></b> (empat atau lima harakat pada <i>mad Munfaṣil</i>)</li> <li>▪ Penekanan dan penelitian khusus bacaan riwayat <i>Imām Ḥafṣ</i> melalui aliran <i>Imām al-Syātibī</i> dengan bacaan <b><i>Qaṣr al-Munfaṣil</i></b> (dua harakat pada <i>mad al-Munfaṣil</i>)</li> </ul> | <p>الوسيط، ص:<br/>170 - 176<br/>385 – 390<br/>غاية المريد:<br/>98 – 100<br/>290 – 294</p> |
| 9 | <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <i>Al-Mad al-Badal</i> ; pengertian, contoh, hukum dan kadar bacaan.</li> <li>▪ Penerangan tentang perbezaan di antara <i>al-Mad al-Badal</i> dan <i>al-Mad al-Syābīh bi al-Badal</i>.</li> </ul> <p>Penerangan tentang kalimah-kalimah khusus yang perlu diibadikan apabila dimulakan ayat dengannya.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | <p>الوسيط، ص<br/>168 – 176<br/>غاية المريد:<br/>95 – 100</p>                              |

|    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |                                                                |
|----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------|
| 10 | <p>(3.) <i>Al-Mad al-Far‘ī</i> yang berlaku disebabkan <i>al-Sukūn</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <i>Al-Madd al-‘Āriḍ li al-Sukūn</i> ( <b>sukun yang mendatang</b>); pengertian, contoh, hukum dan kadar bacaan.</li> <li>▪ <i>Al-Mad al-Līn</i>; Penjelasan tentang huruf-huruf <i>al-Līn</i>, pengertian, contoh, hukum dan kadar bacaan.</li> <li>▪ <b>Bahagian-bahagian <i>al-Mad al-‘Āriḍ li al-Sukūn</i></b></li> </ul>                                                                                                                | <p>الوسيط، ص:<br/>190 – 200<br/>غاية المرید:<br/>103 – 105</p> |
| 11 | <p>\</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <i>Al-Mad al-Lāzim</i>; pengertian, contoh, hukum dan kadar bacaan.</li> <li>▪ Pembahagian <i>al-Mad al-Lāzim al-Kalimī</i> kepada <i>Muthaqqal</i> (heavy) dan <i>Mukhaffaf</i> (light); pengertian, contoh, hukum dan kadar bacaan.</li> <li>▪ Persamaan diantara <i>al-Mad al-Lāzim</i> dan <i>al-Mad al-Farq</i></li> <li>▪ Pembahagian <i>al-Mad al-Lāzim al-Ḥarfī</i> iaitu terdiri dari <i>Muthaqqal</i> (heavy ) dan <i>Mukhaffaf</i> (light); pengertian, contoh, hukum dan kadar bacaan.</li> </ul> | <p>الوسيط، ص<br/>182 – 190<br/>غاية المرید:<br/>106 – 111</p>  |
| 12 | <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <b>Lima martabat atau tahap</b> <i>Mudūd</i>; <i>al-Lāzim</i>, <i>al-Muttaṣil</i>, <i>al-‘Āriḍ</i>, <i>al-Munfaṣil</i> dan <i>al-Badal</i>.</li> <li>▪ Kaedah bacaan bila bertemu pelbagai dalam Tilawah al-Qur’an.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                         | <p>الوسيط، ص<br/>201 – 208<br/>غاية المرید:<br/>112 – 123</p>  |

iii. Peringkat TQ 3020

| Kandungan sukatan |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |                                                                   |
|-------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------|
| Minggu            | Tajuk Pengajaran                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | Rujukan                                                           |
| 1                 | <p><b><i>Makhārij al-Ḥurūf (Point of Articulation)</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengertiannya ( <i>Makhraj muḥaqqaq (vowels)</i> dan <i>Makhraj muqaddar (consonants)</i> )</li> <li>▪ <i>Makhraj</i> huruf di sisi Imam Qurra'. Tumpuan menurut Imam <i>Ibn al-Jazari</i></li> <li>▪ Cara penyebutan <i>makhraj</i> huruf</li> <li>▪ Rongga mulut (<i>Makhraj al-Jawf</i>)</li> <li>▪ Pangkal Hidung (<i>Makhraj al-Khaysyūm</i>)</li> <li>▪ Dua bibir (<i>Makhraj al-Syafatān</i>)</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | <p>الوسيط، ص:<br/>209 – 216</p> <p>غاية المريد:<br/>124 – 135</p> |
| 2                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Lidah (<i>Makhraj al-Lisān</i>)</li> <li>▪ Kerongkong (<i>Makhraj al-Ḥalq</i>)</li> <li>▪ Gelaran suara-suara huruf (<i>Laqab al-Ḥurūf</i>)</li> <li>▪ Latihan amali cara penyebutan huruf-huruf Arab</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | <p>الوسيط، ص:<br/>216 – 221</p> <p>غاية المريد:<br/>124 – 128</p> |
| 3                 | <p><b><i>Sifat Huruf</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengertiannya , Faedah mempelajarinya.</li> <li>▪ Pembahagiannya; <i>al-Lāzimah</i> dan <i>al-ʿAriḍah</i></li> <li>▪ pembahagian <i>Ṣifāt al-Lāzimah</i>; <i>al-Mutaḍāddah</i> ( <i>With Opposition</i>) dan <i>Ghayr al-Mutaḍāddah</i> ( <i>Without Opposition/Single Characteristic</i>)</li> <li>▪ <i>Al-Hams</i> dan <i>al-Jahr</i>; pengertian, hurufnya dan latihan amali pentebutannya.</li> <li>▪ <i>Al-Syiddah</i>, <i>al-Rakhāwah</i> dan <i>al-Tawassuṭ</i>; pengertian, huruf-hurufnya dan latihan amali pentebutannya.</li> <li>▪ <i>Al-Istiʿlā</i> dan <i>al-Istifāl</i>; pengertiannya, huruf-hurufnya dan latihan amali penyebutannya.</li> <li>▪ <i>Al-Infitāḥ</i> dan <i>al-Iṭbāq</i>; pengertiannya, huruf-hurufnya dan latihan amali penyebutannya.</li> <li>▪ <i>Al-Idhlāq</i> dan <i>al-Iṣmat</i>; pengertian, huruf-hurufnya dan latihan amali penyebutannya.</li> </ul> | <p>الوسيط، ص:<br/>227 – 234</p> <p>غاية المريد:<br/>128 – 144</p> |
| 4                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Sifat tunggal tanpa lawan (<i>al-Ṣifāt Ghayr al-Mutaḍāddah</i>)</li> <li>▪ <i>Al-Qalqalah</i> dan tahapnya, <i>al-Ṣafīr</i>, <i>al-Līn</i>, <i>al-Inḥirāf</i>, <i>al-Tafasyṣī</i>, <i>al-Istiṭālah</i>, <i>al-Takrīr</i>, <i>al-Khafāʾ</i>, <i>al-Ghunnaḥ</i>.</li> <li>▪ Latihan amali penyebutannya bagi setiap sifat.</li> <li>▪ Pembahagian kepada sifat kuat, pertengahan dan sifat lemah.</li> <li>▪ Latihan amali penyebutan huruf dengan segala sifat-sifatnya.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | <p>الوسيط، ص:<br/>234 – 253</p> <p>غاية المريد:<br/>144 – 155</p> |

|   |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |                                                                   |
|---|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------|
| 5 | <p><b>Penyebutan tebal dan nipis huruf (<i>Tafkhīm dan al-Tarqīq</i>)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengertian huruf-huruf yang sentiasa dibaca nipis dan huruf-huruf yang sentiasa dibaca tebal</li> <li>▪ Pembahagian tahap-tahap <i>tafkhīm</i></li> <li>▪ Pembahagian tahap-tahap <i>tarqīq</i> dan latihan amali penyebutannya</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | <p>الوسيط، ص:<br/>255 – 264</p> <p>غاية المريد:<br/>157 – 158</p> |
| 6 | <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pembahagian huruf-huruf yang boleh tebal dan nipis mengikut keadaan.</li> <li>▪ Hukum huruf <i>al-Rā'</i> (ر)</li> <li>▪ Keadaan <i>al-Rā'</i> yang mesti dibaca tebal.</li> <li>▪ Keadaan <i>al-Rā'</i> yang mesti dibaca dengan tebal.</li> <li>▪ Keadaan <i>al-Rā'</i> yang boleh dibaca dengan tebal dan nipis mengikut keadaan.</li> <li>▪ Hukum <i>Alif al-Maddiyyah</i>.</li> <li>▪ Hukum <i>al-Lām</i> pada <i>Lafẓ al-Jalālah</i> (Allah)</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | <p>الوسيط، ص:<br/>264 – 273</p> <p>غاية المريد:<br/>158 – 170</p> |
| 7 | <p>Latihan amali membaca mengikut <i>Makhraj</i> dan sifat huruf yang sebenar (التلقي والمشافهة) surah-surah pilihan seperti <i>al-Fātiḥah</i>, <i>al-Nās</i>, <i>al-Falaq</i>, <i>al-Ikhlās</i>, <i>al-Masad</i> dan <i>al-Kāfirūn</i></p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | <p><b>MULTI MEDIA<br/>LAB</b></p>                                 |
| 8 | <p><b><i>Al-Mutamāthilān</i>, <i>al-Mutaqāribān</i>, <i>al-Mutajānisān</i> dan <i>al-Mutabā'idān</i>.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengertian <i>al-Ṣaghīr</i>, <i>al-Kabīr</i> dan <i>al-Muṭlaq</i> dalam <i>al-Mutamāthilān</i>, <i>al-Mutaqāribān</i>, <i>al-Mutajānisān</i> dan <i>al-Mutabā'idān</i>.</li> <li>• Hukum <i>Idghām</i> pada <i>al-Mutamāthilān</i>, <i>al-Mutaqāribān</i>, <i>al-Mutajānisān</i> dan <i>al-Mutabā'idān</i> (tumpuan khusus mengikut riwayat <i>Ḥafṣ 'an 'Āṣim</i>)</li> <li>• <i>Al-Mutamāthilayn al-Ṣaghīr</i>; pengertiannya, huruf-hurufnya, hukumnya serta contohnya.</li> <li>• <i>Al-Mutaqāribayn al-Ṣaghīr</i>; pengertiannya, huruf-hurufnya, hukumnya dan contohnya.</li> <li>• <i>Al-Mutajānisayn al-Ṣaghīr</i>; pengertiannya, huruf-hurufnya, hukumnya dan contohnya.</li> <li>• <i>Al-Mutajānisayn al-Kabīr</i>; pengertiannya dan hukumnya (<i>al-Idghām</i> dan <i>al-Izhār</i>).</li> </ul> | <p>الوسيط، ص:<br/>285 – 302</p> <p>غاية المريد:<br/>171 – 180</p> |



|    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |                                                                                 |
|----|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------|
| 9  | <p><b><i>al-Waqf dan al-Ibtidā'</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengertian <i>al-Waqf</i> dan hukumnya.</li> <li>• Pembahagian <i>al-Waqf</i> kepada <i>al-Ikhtiyārī</i> (<i>Optional</i>), <i>al-Idtirārī</i> (<i>Emergency</i>), <i>al-Intizārī</i> (<i>Waiting</i>) dan <i>al-Ikhtibārī</i> (<i>Examination</i>)</li> <li>• <b><i>Al-Waqf al-Tām</i></b> ; pengertiannya, hukumnya, bentuk-bentuknya dan contohnya.</li> <li>• <b><i>Waqf Jibrīl</i></b> dan contoh-contohnya di dalam al-Qur'an.</li> <li>• <b><i>Al-Waqf al-Kāfī</i></b>, pengertiannya, hukumnya dan contohnya.</li> <li>• <b><i>Al-Waqf al-Ḥasan</i></b> ; pengertiannya, hukumnya dan contohnya.</li> <li>• <b><i>Al-Waqf al-Qabīḥ</i></b> ; pengertiannya, hukumnya dan contohnya.</li> </ul> | <p>الوسيط، ص:<br/>305 – 320</p> <p>غاية المريد:<br/>171 – 180</p>               |
| 10 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b><i>Al-Ibtidā'</i></b>; pengertiannya dan keadaannya.</li> <li>• <b><i>Al-Sakt</i></b>; pengertiannya dan tempat-tempat yang wajib al-Sakt dalam al- Qur'an.</li> <li>• <b><i>Al-Qaṭ'</i></b>; menurut bahasa dan istilah tajwid.</li> <li>• Lima tanda-tanda waqf dalam al-Qur'an (<i>Muṣḥaf al-Uthmānī</i>)</li> <li>• <i>Waqf</i> pada akhir perkataan ; <i>al-Sukūn al-Mahḍ</i>, <i>al-Rawm</i> dan <i>al-Isymām</i>.</li> <li>• Hukum <i>Ilṭiqā' al-Sākinayn</i> (pertemuan dua huruf mati).</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                     | <p>الوسيط، ص:<br/>320 – 352</p> <p>غاية المريد:<br/>181 – 190<br/>220 – 232</p> |
| 11 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Hamzah <i>al-Waṣl</i></b>; pengertiannya (kenapa dinamakan) dan keadaannya pada <i>al-Af'āl</i> (kata kerja), <i>al-Asmā'</i> (kata nama), <i>al-Ḥurūf</i> (huruf) dan hukum khusus dalam al-Qur'an (<i>al-Hujurāt</i> : 11)</li> <li>• <b>Hamzah <i>al-Qaṭ'</i></b>; pengertiannya dan dinamakannya dan hukumnya.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | <p>الوسيط، ص:<br/>329 – 340</p> <p>غاية المريد:<br/>278 – 289</p>               |
| 12 | <p>Latihan amali bacaan al-Qur'an; التلقي والمشافهة<br/><i>Sūrah al-Mā'idah</i></p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | MULTI MEDIA LAB                                                                 |
| 13 | <p>Latihan amali bacaan al-AQur'an; التلقي والمشافهة<br/><i>Sūrah al-An'ām</i></p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |                                                                                 |
| 14 | <p><b>Hafazan :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Sūrah al-Sajdah</i></li> <li>• <i>Sūrah Yāsīn</i></li> <li>• <i>Sūrah al-Mulk</i></li> <li>• <i>Sūrah al-Insān</i>.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |                                                                                 |

## 2.4 Sistem Pemarkahan

Pemarkahan untuk kursus ini dikira mengikut kriteria-kriteria tertentu seperti yang telah dipersetujui<sup>33</sup> mengikut peringkat. Markah diambil kira sewaktu di dalam kelas dan dicampur dengan peperiksaan akhir. Ini bermakna markah di dalam kelas sebanyak lima puluh markah dicampurkan dengan markah peperiksaan akhir lima puluh. Markah untuk lulus sebanyak lima puluh markah.<sup>34</sup>

i. Sistem pemarkahan mengikut gred yang telah dipersetujui<sup>35</sup> :

| Gred                  | Markah              |
|-----------------------|---------------------|
| A                     | 85 hingga 100       |
| A-                    | 75 hingga 84        |
| B+                    | 70 hingga 74        |
| B                     | 65 hingga 69        |
| B-                    | 60 hingga 64        |
| C+                    | 55 hingga 59        |
| <b>C<sup>36</sup></b> | <b>50 hingga 54</b> |

<sup>33</sup> Op.cit. *Standing Senate Committee Meeting No. 1/07 21st February 2007 pg/4 minute 9.03 endorsement of revised course outlines for the tilawah division, Centre for Languages & pre-University Academic Development – SSC. P. NO. 25/1/2007*

<sup>34</sup> Kursus ini tidak memberi kesan kepada sistem penggredan keseluruhan peperiksaan bahkan hanyalah sekadar dinyatakan lulus atau gagal dengan berpandukan gred .

<sup>35</sup> Sistem penggredan telah dirujuk di *Student Academic Performance Evaluation Rules, Administrative Order On The Conduct Of Examinations and Examination Guidelines For Invigilators, Admission and Record (A&R)* , International Islamic University Malaysia, hal.7

<sup>36</sup> ‘C’ merupakan gred kelulusan yang paling rendah manakala gred yang lebih rendah dari ‘C’ merupakan pelajar perlu mengulangi semula kursus ini. Ibid, hal. 8

|    |                                                                     |
|----|---------------------------------------------------------------------|
| D  | 45 hingga 49                                                        |
| D+ | 40 hingga 44                                                        |
| E  | 35 hingga 39                                                        |
| F  | 0 hingga 34                                                         |
| Y  | Tidak layak menduduki peperiksaan. <sup>37</sup> ( <i>barring</i> ) |

Bagi peringkat permulaan<sup>38</sup> (asas), pengiraan markah adalah seperti di bawah :

| Bilangan | Metode                        | Peratus |
|----------|-------------------------------|---------|
| 1        | Pertengahan semester (bacaan) | 30      |
| 2        | Hafazan                       | 20      |
| 3        | Peperiksaan akhir             | 50      |
|          | Jumlah                        | 100     |

Manakala bagi peringkat pertengahan<sup>39</sup> pula, pengiraan markah adalah seperti di bawah :

| Bilangan | Metode                                                  | Peratus |
|----------|---------------------------------------------------------|---------|
| 1        | Bacaan                                                  | 20      |
| 2        | Hafazan                                                 | 20      |
| 3        | Tugasan kerja                                           | 10      |
| 4        | Ujian pertengahan semester ( <i>Oral Tajwid Skill</i> ) | 20      |
| 5        | Peperiksaan bertulis (peperiksaan akhir)                | 30      |
|          | Jumlah                                                  | 100     |

<sup>37</sup> Antara penyebab utama '*barring*' ialah kehadiran tidak mencukupi 80% setelah diberi amaran dan mendapat persetujuan pensyarah dan sokongan *Head Division* serta diluluskan oleh Dekan CELPAD.

<sup>38</sup> Boleh rujuk *COURSE OUTLINE TQ 1000* di LAMPIRAN

<sup>39</sup> Boleh rujuk *COURSE OUTLINE TQ 2000* di LAMPIRAN

Bagi peringkat lanjutan ( TQ 3010 dan TQ 3020 )<sup>40</sup>pula, sistem pengiraan markah dibuat berdasarkan kepada perkara-perkara di bawah :

| Bilangan | Metode                                                                                                    | Peratus  |
|----------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|
| 1        | Pertengahan semester (bacaan)                                                                             | 30       |
| 2        | Hafazan                                                                                                   | 20       |
| 3        | Peperiksaan akhir;<br><ul style="list-style-type: none"> <li>• Bacaan</li> <li>• Soalan tajwid</li> </ul> | 30<br>20 |
|          | Jumlah                                                                                                    | 100      |

## 2.5 Sistem Peperiksaan

Peperiksaan diadakan setiap penghujung semester setelah selesai tempoh pengajian bagi sesuatu semester. Peperiksaan bagi kursus Tilawah al-Qur'an ini boleh di bahagikan kepada tiga cara yang berbeza mengikut kepada tahap atau peringkat kursus iaitu :

### i. Peringkat permulaan

Peperiksaan pada peringkat ini, tumpuan hanyalah diberikan kepada kemampuan bacaan al-Qur'an secara lisan sahaja.. Pemeriksa akan memilih mana-mana surah dalam juzuk tiga puluh dan pelajar dikehendaki membaca sahaja disamping menjaga hukum-hukum tajwid seperti kelancaran bacaan, dengung, hukum mad serta *tarqīq* dan *tafkhīm* huruf.

### ii. Peringkat pertengahan

<sup>40</sup> Boleh rujuk *COURSE OUTLINE TQ 3010* dan TQ 3020 di LAMPIRAN

Pada peringkat ini, peperiksaan juga diadakan secara lisan. Tumpuan diberikan lebih terperinci sedikit berbanding dengan peringkat permulaan. Kebolehan membaca al-Qur'an beserta hukum tajwid cukup diberi perhatian. Sama juga dengan peringkat permulaan (asas) tumpuan diberikan pada hukum dengung, mad, *tarqīq* dan *tafkīm* serta kelancaran bacaan. Bezanya, pada peringkat ini pelajar akan ditanya dua soalan tajwid secara lisan mengenai segala hukum yang telah dipelajari.

### iii. Peringkat lanjutan

Peperiksaan pada peringkat ini berlainan dengan peringkat yang lainnya. Ini adalah kerana pada peringkat ini, peperiksaan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu peperiksaan lisan dan peperiksaan bertulis.

## 2.6 Ujian penentuan tahap tilawah (*Tilawah placement test*)

Ujian penentuan tahap ini diadakan ketika minggu suaikenal pelajar di Universiti ini. Mana-mana pelajar beragama Islam baru yang mendaftar di Universiti ini<sup>41</sup> dikehendaki menduduki ujian penentuan tahap Tilawah ini. Pelajar-pelajar baru samada dari Malaysia mahupun dari luar negara, akan di tempatkan di suatu tempat untuk menghadapi sesi ujian ini. Semua pensyarah Tilawah al-Qur'an akan mengambil tempat masing-masing untuk menemuduga pelajar-pelajar

---

<sup>41</sup> Ujian Penentuan Tahap ini dikecualikan kepada pelajar-pelajar yang mendaftar untuk Kulliyah Ilmu Pengetahuan Berteraskan Wahyu dan Kulliyah Bahasa Arab (*kulliyah. in Arabic Language and Literature and Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Heritage*) ini adalah kerana Kursus Tilawah al-Qur'an peringkat Lanjutan sememangnya diwajibkan kepada kedua-dua Kulliyah ini. *Ibid.*

baru seorang demi seorang mengikut sekima yang telah ditetapkan oleh *Tilawah Division* CELPAD.

Tujuan utama Ujian Penentuan Tahap (TPT) ini adalah untuk mengelakkan ketidakadilan dalam proses menentukan tahap Tilawah al-Qur'an untuk setiap pelajar di Universiti ini. Dengan ujian ini ianya dapat memudahkan penentuan tahap setiap pelajar yang akan mengambil kursus Tilawah al-Qur'an di Universiti ini.

Setiap pelajar akan diwajibkan mengisi borang<sup>42</sup> penilaian pembacaan yang telah disediakan sebelum menduduki ujian ini. Ini adalah kerana borang yang telah diisi ini merupakan bukti dan akan direkodkan untuk memastikan tahap seseorang pelajar itu dalam Tilawah al-Qur'an samada di peringkat permulaan (asas) ataupun peringkat pertengahan ataupun berjaya untuk tidak mengambil kursus Tilawah al-Qur'an.

### **2.6.1 Format ujian penentuan tahap tilawah(TPT) : -**

- i. Menjalani ujian membaca al-Qur'an dengan menggunakan kaedah lisan (*shafawi*).
- ii. Membaca mana-mana ayat atau surah yang terdapat di dalam al-Qur'an mengikut kehendak penemuduga (pensyarah Tilawah ) dan tidak melebihi daripada satu muka surat Al-Qur'an.
- iii. Mengaplikasikan hukum-hukum tajwid dalam pembacaan Al-Qur'an seperti *faṣāḥah*, hukum *mad*, hukum *ghunnah* (*dengung*), sifat-sifat huruf ketika mengaplikasikan sebutan huruf dan sebagainya.

---

<sup>42</sup> Contoh borang yang perlu diisi oleh setiap pelajar ada seperti di LAMPIRAN

- iv. Menghafaz surah-surah dari juzuk tiga puluh.

#### **2.6.2 Kriteria untuk lulus dalam TPT : -**

- i. Membaca dengan lancar dan jelas beserta dengan hukum tajwid
- ii. Kesalahan yang minimum dalam *Mad* dan *Ghunnah*
- iii. Lapan puluh peratus merupakan bacaan yang betul dalam pembacaan Al-Qur'an
- iv. Menghafaz kesemua surah iaitu daripada Sūrah al-Ḍuḥā sehingga Sūrah al-Nās.

#### **2.6.3 Kriteria untuk peringkat pertengahan ( TQ 2000 ) : -**

- i. Pelajar telah membuat kesalahan dalam *al-laḥn al-khafī* (kesalahan tersembunyi) semasa menjalani ujian.
- ii. Melazimi kesalahan *Izhar* dan *Ghunnah* dalam pembacaan.
- iii. Melazimi kesalahan panjang dan pendek sebutan (*mad*) dalam pembacaan.

#### **2.6.4 Kriteria untuk peringkat permulaan (TQ 1000) : -**

- i. Tidak ada pengetahuan langsung tentang Al-Qur'an atau membuat kesalahan-kesalahan semasa membaca al-Qur'an dengan jelas dan nyata ( *al-laḥn al-jalī* ).
- ii. Kesalahan menyebut huruf dan baris-baris huruf seperti baris atas ( *fatḥah* ), baris bawah ( *kasrah* ) dan baris hadapan ( *ḍammah* ).
- iii. Menyebut sesuatu perkataan yang tidak sepatutnya disebut.

- iv. Mengulang-ulang perkataan atau ayat.yang sama (bacaan yang teragak-agak atau tidak pasti ).
- v. Gagal menghabiskan ayat dalam jangkamasa yang telah ditetapkan kerana terdapat banyak kesalahan ketika membaca.
- vi. Tidak tahu langsung membaca Al-Qur'an

#### **2.6.5 Keputusan ujian penentuan tahap tilawah (TPT)**

Untuk mengetahui Keputusan Ujian Penentuan Tahap Tilawah (TPT) , pelajar –pelajar boleh merujuk keputusan dalam laman web Universiti Islam Antarabangsa Malaysia di alamat : ***<http://itdportal.edu.my/student/ResultslipTPT.html>***



## **BAB TIGA**

### **KAEDAH PENGAJARAN TILAWAH AL-QUR'AN DI CELPAD**

#### **3.0 Pendahuluan**

Kursus Tilawah al-Qur'an di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia merupakan kelolaan *Centre for Languages and Pre University Academic Development (CELPAD)* di bawah *Tilawah Division*. Kursus ini diwajibkan kepada semua pelajar sarjana muda beragama Islam yang menuntut di universiti ini. Pengajaran dijalankan dalam tiga bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab. Perjalanan kursus ini dijalankan dengan diasingkan pelajar mengikut negara. Pelajar-pelajar dari Malaysia diasingkan dengan pelajar-pelajar dari luar negara. Pengajaran untuk kelas pelajar-pelajar Malaysia, bahasa penghantar ialah Bahasa Melayu, manakala pengajaran bagi kelas luar negara pengajarannya diajar dalam dwibahasa iaitu Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab. Pengajaran diajar di dalam bilik-bilik kuliah mengikut peringkat yang khusus.

#### **3.1 Kaedah pengajaran Tilawah al-Qur'an di CELPAD**

Di negara kita, sejak zaman berzaman lagi ulama telah menggunakan dan memperkenalkan pelbagai cara dan metode hasil dari kajian mereka dalam mengajar dan memberi kemudahan masyarakat membaca al-Qur'an . Sebahagian besarnya terdiri daripada ulama-ulama Melayu<sup>43</sup>

---

<sup>43</sup> Istilah Melayu boleh juga ditakrifkan berdasarkan rumpun bangsa dan bahasanya iaitu Melayu tergolong di dalam cabang Melayu-Indonesia yang mengelompokkan bersama-samanya suku Jawa, Sunda, Madura, Aceh,

yang belajar di Timur Tengah seperti Mesir dan Arab Saudi dan juga melalui pedagang-pedagang Arab yang berhijrah ke Tanah Melayu. Pelbagai kaedah baru tercipta, semata-mata untuk disesuaikan dengan masyarakat di negara ini. Institusi pondok merupakan suatu institusi yang memberikan peranan yang besar dalam proses pengajaran ini pada peringkat awal.

Antara kaedah yang termasyhur di negara ini sebagai cara Tilawah al-Qur'an semenjak dari dahulu lagi ialah kaedah *Baghdadi*. Asas utama kaedah ini amat bergantung kepada peranan guru dalam mengajar. Melalui kaedah ini para pelajar akan melalui tiga peringkat dalam mempelajari al-Qur'an iaitu :

- i. Peringkat mengenal huruf
- ii. Peringkat mengenal baris
- iii. Peringkat mengenal bunyi iaitu membunyikan baris.

Manakala di zaman mutakhir ini berbagai kaedah muncul dalam pengajaran Tilawah al-Qur'an.<sup>44</sup> Ianya banyak menitikberatkan kaedah atau proses kecepatan dalam pembacaan, dengan menggunakan metode tanpa mengeja seperti kaedah lampau atau kaedah *Baghdādī*.

Di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pula kaedah yang digunakan dalam merealisasikan kaedah pengajaran Tilawah al-Qur'an ialah dengan menggunakan kaedah yang

---

Minangkabau, Sasak, Melanau, Iban, Bajau, Murut, Bugis, Melanau, Sulu dan sebagainya, boleh rujuk *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*, Kuala Lumpur : Penerbitan Universiti Malaya. Hal. 163

<sup>44</sup> Antaranya seperti kaedah *IQRA'* yang telah diperkenalkan oleh al-Marhum As'ad Humam pada tahun 1988 di Indonesia,. Kaedah *al-Barqī* boleh rujuk Drs. Haji Muhadjir Sulthon *Cepat Membaca Al-Qur'an al-Barqy*, Kuala Lumpur : Riyaadhul Ameen Sdn Bhd, Kaedah *al-Rūh al-Amīn* boleh rujuk Haji Muhammad Roihan Hasbullah Nasution, *al-Rūhul-Amīn Belajar Membaca al-Qur'an Bertajwid dalam masa 50 jam* , Kuala Lumpur :Pustaka Syuhada dan sebagainya.

disesuaikan dari zaman Rasulullah s.a.w. hingga ke zaman kini. Kaedah *talaqqi* dan *mushāfahah* dititikberatkan dalam pengajaran Tilawah al-Qur'an di Universiti ini.

Pengkaji akan menerangkan dengan lengkapnya kaedah pengajaran Tilawah al-Qur'an yang digunakan di Universiti ini hasil daripada penelitian semasa pengkaji menghadirkan diri ke kelas adalah seperti berikut mengikut tahap-tahap kursus.

### **3.2. Kaedah yang digunakan pada tahap permulaan;**

Kaedah utama yang digunakan ialah kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* manakala tumpuan dan penekanan diberikan kepada asas Tilawah al-Qur'an dan ilmu tajwid antaranya ialah:

#### **i. Kaedah menyebut huruf Al-Qur'an beserta *makhraj* dan sifatnya dengan betul.**

Dalam kaedah ini, para pensyarah akan memberikan tunjuk ajar dalam menyebut setiap huruf-huruf al-Qur'an dengan cara yang sebenarnya seperti pensyarah akan menyebut terlebih dahulu huruf-huruf al-Quran dari *alif* sehingga *ya* kemudian diikuti oleh setiap pelajar. Penekanan *makhraj* bagi setiap huruf diperjelaskan dengan terperinci. Ini adalah kerana ada di kalangan pelajar yang tidak mempunyai asas langsung dalam Tilawah al-Qur'an. Pelajar diperkenalkan terus bunyi satu-satu huruf dengan menggunakan alat bantuan mengajar ( seandainya perlu ) seperti teks-teks yang terpilih.

## ii. Kaedah penggunaan teks.

Pelajar akan diajar membaca al-Qur'an pada juzuk tiga puluh (*juz 'Amma*) dengan menggunakan *Muṣḥaf Rasm al-'Uthmānī* bermula dengan diajar membaca ayat-ayat lazim<sup>45</sup> disamping penerangan tentang setiap simbol atau tanda yang terdapat di dalam *Muṣḥaf Rasm al-'Uthmānī*<sup>46</sup>.

## iii. Kaedah *Talaqqī* dan *Mushāfahah*

Dalam mempelajari Tilawah al-Qur'an pelajar mesti berhadapan secara langsung dengan gurunya. Faktor ini sangat ditekankan dalam kursus ini supaya para pelajar dapat mengambil dan mengetahui cara sebenar sebutan setiap huruf dan bacaan al-Qur'an yang sebenarnya<sup>47</sup>. Kaedah ini sangat penting kerana al-Qur'an itu di datangkan kepada kita dengan cara ini melalui kaedah yang paling tinggi *martabat riwayatnya* iaitu *mushāfahah* dengan cara seorang *qari bertalaqqī* al-Qur'an dengan seorang *muqri'* (seorang yang berpengetahuan dalam selok belok tilawah al-Qur'an), dan *muqri'* tadi telah *bertalaqqī* dengan *shaykhnya*, manakala *shaykhnya* *bertalaqqī* dengan *shaykhnya* begitulah seterusnya sehingga ke akhirnya sampai Rasulullah s.a.w.

---

<sup>45</sup> Bermula dari *Sūrah al-Duhā* hingga *Sūrah al-Nās*. Di mulakan dengan surah-surah ini adalah kerana surah-surah ini merupakan surah-surah yang biasa dibaca di dalam solat. Ini bermakna Kursus Tilawah al-Qur'an di CELPAD telah mendapat dua sasaran yang sangat bermakna iaitu memperelokkan bacaan pelajar-pelajar Universiti ini dan juga membantu memperbetulkan solat mereka. Us Muhammad Zaid bin Rais Penyelaras Tilawah al-Qur'an peringkat Asas. Temubual pada 25 Julai 2007

<sup>46</sup> *Muṣḥaf Rasm al-'Uthmānī* merupakan sebuah mushaf yang disandarkan kepada Saydina 'Uthmān al-'Affān kerana mengikut kaedah atau kajian yang dilakukan semasa zaman Saydina 'Uthmān menjadi Khalifah Islam. Bermulanya penulisan di zaman Saydina 'Uthmān ialah kerana berlaku beberapa perselisihan dalam cara Tilawah al-Qur'an di kalangan umat Islam, setiap pihak mendakwa bacaan mereka adalah bacaan yang betul. Berlakulah caci-mencaci dan sebagainya. Seorang sahabat nabi yang telah bertanggungjawab kerana beliau telah mendengar fitnah yang berlaku dengan segera mengadap Khalifah 'Uthmān dan menceritakan apa yang didengarnya. Saydina 'Uthman mula mengambil langkah untuk melaksanakan keputusan penulisan al-Qur'an dengan menyerahkan tugas penting itu kepada empat orang tokoh besar dari para sahabat yang hafaz al-Qur'an iaitu Zaid bin Thābit, 'Abd Allah bin al-Zubayr, Sa'id bin al-'Aṣ dan Abd al-Rahmān bin al-Hārith bin Hisyām. Boleh rujuk 'Abd al-Fatāḥ al-Qādī(t.t), *Tārīkh al-Muṣḥaf al-Syarīf* Kaherah : Universiti al-Azhar. h.18-19

<sup>47</sup> 'Atṭīyah Qābil Naṣr(1992), *op.cit.* h.16

Di dalam kelas, setiap pelajar membaca ayat yang ditentukan mengikut sukatan secara bergilir-gilir dengan suara yang kuat dan didengari oleh semua pelajar . Bacaan yang salah akan diperbetulkan oleh pensyarah. Bagi mereka yang lemah dalam bacaan al-Qur'an pula, diadakan kelas intensif di luar waktu pembelajaran. Biasanya sesi pertemuan dengan pensyarah diadakan di bilik pensyarah.

#### **vii. Peranan pensyarah sebagai pembimbing**

Seseorang pensyarah Tilawah al-Qur'an biasanya akan membimbing lapan hingga sepuluh orang pelajar dalam satu kelas. Ini bergantung kepada jumlah pelajar yang terlibat dalam kursus tilawah al-Qur'an dalam satu semester. Pensyarah akan menekankan dan mengajar serta membimbing pelajar tentang asas Ilmu Tajwid seperti dengung ( *ghunnah* ) dan *izhār, mad* dengan kadar bacaan dua, empat dan enam harakat mengikut bacaan riwayat Imam Ḥafṣ 'an Imam 'Āṣim melalui aliran al-Shāṭibiyyah.

#### **v. Kaedah hafazan**

Dalam kaedah ini, pensyarah akan menyemak surah-surah yang telah ditetapkan untuk dihafalkan oleh setiap pelajar. Pada peringkat ini pelajar wajib menghafal *sūrah al-Takāthur* hingga *sūrah al-Nās*.

### **3.3. Kaedah yang digunakan pada tahap pertengahan.**

Kaedah yang digunakan juga kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* manakala tumpuan dan penekanan diberikan antaranya ialah:

#### **i. Kaedah membaca terus al-Qur'an disamping penerangan tajwid secara amali**

Kaedah yang digunakan ialah dengan terus membaca al-Quran. Pelajar akan menggunakan al-Qur'an sebagai teks pengajian. Penekanan kepada surah-surah pilihan seperti *sūrah Āli Imrān*. Dari penelitian pengkaji semasa menghadirkan diri di dalam kelas, didapati para pensyarah akan memperdengarkan terlebih dahulu bacaan yang menepati segala kehendak al-Quran kemudian diikuti oleh para pelajar seorang demi seorang disamping dibetulkan oleh pengajar jika terdapat kesalahan semasa membaca.

#### **ii. Kaedah *Talaqqī* dan *Mushāfahah***

Sememangnya kaedah ini penting dalam cara pembacaan al-Qur'an sama seperti dalam peringkat permulaan. Pelajar membaca secara bergilir-gilir sambil dibetulkan hukum-hukumnya oleh pensyarah. Ini bersesuaian dengan syarat-syarat mempelajari al-Quran sebagaimana yang telah digariskan oleh para ulama.

### **iii. Peranan pensyarah sebagai pembimbing**

Seseorang pensyarah Tilawah al-Qur'an biasanya akan membimbing lapan hingga sepuluh orang pelajar dalam satu kelas. Ini bergantung kepada jumlah pelajar yang terlibat dalam kursus Tilawah al-Qur'an dalam satu semester. Pada peringkat ini, pensyarah akan menekankan dan mengajar serta membimbing pelajar tentang Ilmu Tajwid seperti hukum *Nūn Sākinah* dan *Tanwīn*, hukum *Mīm Sākinah* dan Hukum *Mad* mengikut bacaan riwayat Imam Ḥafṣ 'an Imam 'Aṣim melalui aliran al-Syāṭibiyyah.

### **iv. Kaedah penerangan Ilmu Tajwid secara teori**

Pada peringkat ini, Ilmu Tajwid diajarkan kepada pelajar dan pelajar mesti menguasainya. Pengkaji dapati para pelajar sangat bersemangat dalam mengikuti teori tajwid ini. Ini mungkin disebabkan ada segelintir pelajar yang telah ada asas dalam ilmu ini kerana mereka pernah mempelajarinya semasa di peringkat sekolah dan banyak pertanyaan yang diajukan. Ini menyebabkan subjek ini dapat berjalan dengan teknik dua aliran iaitu penerangan dari pensyarah serta respon dari pelajar dan sekaligus berjaya memupuk minat pelajar.

### **v. Kaedah hafazan**

Setiap pensyarah perlu memastikan setiap pelajar wajib menghafal beberapa ayat al-Qur'an iaitu dari *sūrah al-Duḥā* sehingga *sūrah al-Nās*. Kaedah yang digunakan ketika menghafaz ini ialah sama seperti mana-mana pusat menghafaz al-Quran iaitu pelajar menghafaz secara bersendirian dan setelah itu memperdengarkan apa yang telah dihafaz di hadapan pensyarah.

Kaedah ini sesuai bagi mereka yang lemah hafazan sekaligus dapat membantu pelajar-pelajar yang lemah dalam bacaan Al-Qur'an. Bagi mereka yang lemah dalam hafazan al-Qur'an juga diperuntukkan masa pertemuan dengan pensyarah di bilik pensyarah untuk mentasmik hafazan.

### **3.4. Kaedah yang digunakan pada tahap lanjutan**

Kaedah yang digunakan juga adalah kaedah *talaqqī* dan *musyāfahah* manakala tumpuan dan penekanan diberikan antaranya ialah:

#### **i. Kaedah membaca dan menguasai tajwid al-Qur'an secara amali**

Pelajar akan diajar membaca al-Qur'an dengan tumpuan kepada surah-surah yang dipilih oleh pensyarah masing-masing seperti *Sūrah Ṭāhā* bagi peringkat TQ 3010 manakala bagi peringkat TQ 3020 *Sūrah al-Mā'idah* dan *Sūrah al-An'ām*. Ini kerana pada peringkat ini pelajar sememangnya berkemampuan membaca al-Qur'an dari awal sehingga akhir disebabkan mereka adalah pelajar dari jurusan bahasa Arab dan Ilmu Wahyu. Pembacaan mestilah dengan menggunakan *muṣḥaf Rasm al-'Uthmānī*, disamping penerangan tentang setiap simbol atau tanda yang terdapat di dalam *Muṣḥaf Rasm al-'Uthmānī*.

Kitab Suci al-Qur'an merupakan teks wajib kerana kursus ini lebih menekankan kepada teknik membaca al-Qur'an yang sebenarnya mengikut riwayat Imam Ḥafṣ 'an Āṣim melalui



aliran al-Syāṭibiyyah. Selain itu , beberapa buah kitab tajwid juga digunakan sebagai teks pengajaran di dalam kelas seperti kitab *al-Wasīṭ*, kitab *ghāyah al-Murīd* dan sebagainya.

Pelajar-pelajar akan didedahkan dengan cara atau kaedah pembacaan al-Qur'an yang sebenarnya mengikut bacaan<sup>48</sup> *Riwāyah Imam Ḥafṣ 'an 'Āṣim* mengikut aliran *al-Shāṭibiyyah*. Pensyarah akan menggunakan kaedah penegasan yang terperinci terhadap segala huruf-huruf bila disebut dan dibaca.

## **ii. Kaedah *Talaqqī* dan *Mushāfahah***

Seperti peringkat-peringkat yang lain juga, sememangnya kaedah ini begitu penting dalam cara tilawah al-Qur'an. Pelajar membaca secara bergilir-gilir sambil dibetulkan hukum-hukumnya oleh pensyarah.

## **iii. Peranan pensyarah sebagai pembimbing**

Setiap pensyarah Tilawah al-Qur'an bagi peringkat ini biasanya akan membimbing seramai lima belas orang pelajar dalam satu kelas. Ini bergantung kepada jumlah pelajar yang terlibat dalam kursus Tilawah al-Qur'an dalam satu semester. Pada peringkat ini, pensyarah akan menekankan dan mengajar serta membimbing pelajar tentang Ilmu Tajwid seperti hukum *Nūn Sākinah* dan *Tanwīn*, hukum *Mīm Sākinah* dan Hukum *Mad* mengikut bacaan riwayat Imam Ḥafṣ 'an Imam 'Āṣim melalui aliran al-Shāṭibiyyah.

---

<sup>48</sup> Tilawah al-Quran mengikut riwayat ini adalah menjadi satu kaedah bacaan yang dimestikan di pengajian Universiti ini walaupun riwayat bacaan al-Qur'an mempunyai banyak kaedah atau aliran. Ia juga telah menjadi kaedah bacaan oleh kebanyakan penduduk dunia . Boleh rujuk 'Aṭ iyyah Qābil Naṣr(1992) *op.cit.* h.5

#### **vi. Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Ilmu Tajwid secara teori**

Pada peringkat ini juga, Ilmu Tajwid diajarkan kepada pelajar mengikut sukatan matapelajaran yang telah ditetapkan. Ilmu Tajwid pada peringkat ini didapati lebih mendalam dan diatur serta disusun dengan begitu ilmiah sesuai dengan tahap pelajar yang termasuk di dalam peringkat ini, dan pelajar mesti menguasainya dengan sepenuhnya. Ini adalah kerana pada peringkat ini peperiksaan akan meliputi dua cara iaitu bertulis dan lisan. Oleh kerana itu pelajar terpaksa menumpu, memahami dan menguasai ilmu tersebut. Pada peringkat ini pengajaran adalah di dalam bahasa Arab sepenuhnya.

#### **v. Kaedah hafazan**

Kaedah yang digunakan adalah seperti kebiasaannya pelajar tahfiz. Pelajar menghafaz kemudian memperdengarkan bacaan ayat yang telah dihafaz dihadapan pensyarah. Bagi pelajar yang mengikuti peringkat TQ 3000 mereka diwajibkan menghafaz juzuk satu keseluruhannya. Setiap pensyarah juga perlu memastikan setiap pelajar wajib menghafal juzuk tiga puluh secara keseluruhannya bagi peringkat TQ 3010 dan surah-surah pilihan yang lain dalam peringkat TQ 3020 seperti *Sūrah al-Sajdah*, *Sūrah Yāsīn*, *Sūrah al-Mulk*, dan *Sūrah al-Insan*.

#### **iv. Kaedah *Assignment* (Tugasan Kerja)**

Dalam peringkat ini, pelajar-pelajar diwajibkan menulis *assignment* dengan tajuk yang berkaitan tentang perbahasan Tilawah al-Qur'an. Ini berbeza dengan peringkat permulaan dan peringkat pertengahan, kerana pada kedua-dua peringkat tersebut, kaedah yang digunakan hanya kaedah

lisan dan teori sahaja. Tajuk tugas kerja pelajar ditentukan dan ditetapkan oleh pensyarah yang mengajar.

#### **iiiv. Meminta Pelajar Membaca Petikan**

Sebelum menyampaikan penerangan, biasanya pensyarah akan meminta salah seorang pelajar atau lebih membacakan petikan yang hendak dipelajari dengan suara yang kuat secara bergilir-gilir dan dapat didengari oleh semua pelajar dalam bilik kuliah. Kebiasaannya, penentuan pelajar yang akan membaca petikan adalah secara sukarela. Apabila tiada pelajar yang ingin membaca, pensyarah akan menentukan dan membuat pemilihan dengan menyebut nama. Apabila berlaku kesamaran ketika pembacaan teks, pensyarah akan terus menghuraikan maksud sebenar.

Kebaikan kaedah ini ialah membolehkan pelajar mengetahui kemampuan dirinya dan membaiki kelemahan secara langsung. Ia juga memberi peringatan kepada para pelajar lain supaya membuat persediaan sebelum ke kuliah dan tahu apa yang akan diajar oleh pensyarah.

#### **x. Sesi Soal Jawab**

Kaedah ini memberi peluang pelajar menanyakan perkara yang berkaitan dengan pelajaran bagi memastikan kefahaman pelajar terhadap isi pengajaran yang disampaikan dan untuk menghidupkan suasana pembelajaran dalam bilik kuliah. Pensyarah juga mengemukakan beberapa persoalan yang berkaitan dengan tajuk yang diajar semasa kuliah berlangsung dan pelajar akan menjawab persoalan tersebut.

#### **xi. Kaedah perbincangan dalam kumpulan**

Pensyarah memberi tugas kepada pelajar untuk mengadakan perbincangan tentang sesuatu topik semasa mereka di dalam bilik kuliah. Kemudian pensyarah akan menanyakan hasil perbincangan dan beliau akan memberi ulasan dan kesimpulan bagi topik yang dibincangkan.

#### **xii. Mengadakan pembentangan**

Sesetengah pensyarah yang mengajar subjek ini gemar meminta para pelajar membentangkan salah satu daripada tajuk yang akan dipelajari sebelum beliau memberi penerangan secara terperinci. Kaedah ini digunakan untuk melatih para pelajar ketika berhadapan dengan orang ramai dan membina keyakinan diri ketika membentangkan huraian. Pembentangan ini tidak diambil markah kerana ia adalah semata-mata latihan bagi mereka.

#### **xiii. Mengadakan ujian lisan**

Para pelajar akan menghadapi ujian lisan bacaan dan hafazan sebelum peperiksaan akhir diadakan. Ujian ini bagi mendapatkan markah sebanyak 30% untuk bacaan dan 20% untuk hafazan.

### **3.5. Bahan rujukan ( teks pengajaran)**

Oleh kerana kursus ini merupakan kursus tilawah al-Quran, maka kebanyakan teksnya merupakan teks-teks yang berkaitan dengan al-Quran serta kitab-kitab yang berkaitan dengan ilmu al-Quran. Bahan rujukan yang digunakan antaranya :

- Kitab suci al-Qur'an
- Sulaymān Al-Asykar dan Ahmad Muhammad Mufliḥ Al- Quḍat. (1415H – 1995). *Al- Wāḍiḥ Fī Ahkām Al- Tajwīd*. (1st Edition). Jordan: Dār Al-Nafā'is.
- Mohammad `Abd al-Mujīb Siddiqī. (2003) *Guide to the Fundamentals of Tajwid Al-Quran*. Canada: Al-Attique.
- Surur Shihabuddin An-Nadawi, (2004) *Ilmu Tajwid menurut Riwayat Hafs `An `Asim Jilid 1 & 2*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam
- Dr. Muhammad Khālīd `Abd al-`Azīz Maṣṣūr. (1999M/1419H). *al-Wasīṭ fī `Ilm al-Tajwīd*. الوسيط في علم التجويد (1st Edition) Amman, Jordan: Dār Al-Nafā'is.
- Al-Shaykh `Aṭīyyah Qābil Naṣr. (2000M/1420H). *Ghāyat al-Murīd fī `Ilm al-Tajwīd*. غاية المريد في علم التجويد (6th Edition). Jeddah Saudi Arabia: Maktabah Kunūz al-Ma'rifah

### 3.6. Kesimpulan

Pengajaran tilawah al-Quran di CELPAD ini secara keseluruhannya mengguna pakai kaedah yang bersesuaian dengan peringkat-peringkat yang ditawarkan. Setelah meneliti secara terperinci kaedah yang digunakan , pengkaji membuat rumusan bahawa kaedah *talaqqī* dan kaedah *musyāfahah* sememangnya menjadi ikutan di CELPAD ini bahkan di mana-mana jua pusat pengajian tilawah al-Quran kerana ianya merupakan disiplin pengajian dan pengajaran al-Quran yang menjadi ikutan kepada sekalian ummah seperti yang diajarkan oleh junjungan besar Rasulullah s.a.w.

## **BAB EMPAT**

### **ANALISIS DAN RUMUSAN**

#### **4.0 Pendahuluan**

Setelah menghuraikan peranan dan kaedah pengajaran yang telah dilaksanakan oleh Tilawah Division dalam pengajaran al-Quran di UIAM . Dalam bab ini, kajian dan analisis dibuat membincangkan keputusan dapatan kajian berdasarkan maklum balas responden terhadap soal selidik yang telah dilaksanakan. Pengkaji kemukakan dua sasaran responden iaitu pensyarah dan pelajar. Pertama, pengkaji akan mengemukakan hasil dari wawancara dan temubual bersama sebahagian pensyarah Tilawah Division mengenai masalah-masalah yang dihadapi semasa berjalan kursus ini. Kedua, pengkaji akan menjelaskan pula hasil pengumpulan data kajian yang telah dibuat berkaitan keberkesanan dan tahap pencapaian pelajar dalam bacaan al-Qur'an selepas mengikuti kursus tilawah al-Qur'an.

#### **4.1 Profil Responden ( pensyarah )**

Pengkaji telah merumuskan analisis mengenai profil responden yang pertama iaitu tenaga pengajar di Tilawah Divison seperti dalam jadual 1. Pemantapan kajian dibuat dengan kaedah wawancara yang telah dibuat oleh pengkaji. Seramai 14 orang daripada 20 orang pensyarah kursus tilawah di CELPAD ini telah diwawancara dan ditemubual. Pengkaji menghadapi masalah untuk mewawancara kesemuanya kerana sebahagian daripada mereka ditugaskan di UIAM cawangan Kuantan, Pahang Darul Makmur dan sebahagian lagi sedang bercuti kerana

menyambung pelajaran. Jadual 1 menunjukkan terdapat 20 orang jumlah tenaga pengajar di Tilawah Division . 18 orang merupakan lelaki ( 90% ) dan selebihnya 2 orang perempuan (10% ). Manakala 16 orang daripada responden ( 80% ) memiliki diploma dalam bidang di pelbagai institusi tahfiz al-Qur'an samada dalam maupun di luar negara, dan 4 orang ( 20% ) selebihnya bukan daripada bidang tahfiz. Seorang ( 5%) daripada responden memiliki Phd , 3 ( 15% ) daripadanya sedang mengikuti Phd , 1 ( 5% ) telah memiliki ijazah sarjana manakala 4 ( 20% ) daripadanya sedang mengikuti ijazah sarjana dan selebihnya iaitu 11 ( 55% ) dari responden berkelulusan ijazah sarjana muda dari pelbagai bidang tetapi berkaitan dengan bidang al-Quran. Majoriti daripada tenaga pengajar (90%) adalah berumur 40 tahun ke bawah manakala selebihnya (10% ) berumur lebih dari 40 tahun. Secara umumnya, hampir sebahagian daripada tenaga pengajar (60% ) mengajar lebih dari 15 jam seminggu.

**Jadual 1**  
Latar belakang responden

| Soalan                          | Jumlah | Peratus |
|---------------------------------|--------|---------|
| <b>1. Jantina</b>               |        |         |
| Lelaki                          | 18     | 90      |
| Perempuan                       | 2      | 10      |
| <b>2. Kelulusan</b>             |        |         |
| Phd                             | 1      | 5       |
| Sedang mengikuti Phd            | 3      | 15      |
| Ijazah Sarjana                  | 1      | 5       |
| Sedang mengikuti Ijazah Sarjana | 4      | 20      |
| Ijazah Sarjana Muda             | 11     | 55      |
| <b>3. Pengkhususan</b>          |        |         |
| Tahfiz al-Quran                 | 16     | 80      |
| Lain-lain                       | 4      | 20      |
| <b>4. Umur</b>                  |        |         |
| 40 tahun ke atas                | 2      | 90      |
| 40 tahun ke bawah               | 18     | 10      |

#### 5. Masa mengajar seminggu

|                    |    |    |
|--------------------|----|----|
| 15 jam dan lebih   | 12 | 60 |
| Kurang dari 15 jam | 8  | 40 |


---

Jumlah=20

#### 4.1.1 Analisis Kaedah Pengajaran Tilawah al-Qur'an di CELPAD

Pengkaji membuat rumusan dari analisis yang dibuat kepada kaedah pengajaran yang digunakan dalam kursus ini adalah seperti dalam rajah 2.

Rajah 2.  
Dapatan analisis kaedah pengajaran



Dari carta di atas, pengkaji menyimpulkan kaedah pengajaran Tilawah al-Qur'an di CELPAD berdasarkan kepada setiap peringkat. Kaedah ini adalah hasil dari analisis yang dilakukan semasa kajian dilakukan samada dapatan dari soal-selidik dan juga dari tinjauan pengkaji di dalam kelas. Ia telah diperjelaskan pada bab ketiga.



Hasil dapatan kajian menunjukkan kaedah pengajaran yang digunakan oleh pensyarah Tilawah Division dalam mengajar kursus Tilawah al-Qur'an adalah sangat baik. Majoriti pensyarah yang mengajar dari pelbagai peringkat samada peringkat asas, peringkat pertengahan dan juga peringkat lanjutan, menggunakan prinsip kaedah yang utama iaitu *talaqqi* dan *musyafahah* yang mengutamakan sebutan dan bacaan yang tepat, disamping mengarahkan pelajar memerhati pergerakan mulut pensyarah secara bersemuka sebelum pelajar pula menyebut mengikut cara sebutan pensyarah. Dapatan dari kaedah itu pelajar dapat menyebut huruf hijaiyah yang berbaris dengan tepat. Pelajar juga dapat membezakan bacaan panjang ( mad ) dan bacaan pendek disamping dapat membaca dengan fasih dan betul.

Pengkaji merumuskan kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam kursus ini disampaikan secara individu dan berkumpulan. Para pensyarahnya memiliki kemahiran yang baik dalam membimbing para pelajar yang mengikuti kursus ini. Pengkaji juga dapati pelajar melibatkan diri secara aktif untuk meningkatkan kemahiran tilawah. Ini adalah kerana kursus ini memang memerlukan penglibatan setiap pelajar. Pengkaji merasakan bilangan pelajar dalam sebuah kelas seramai sepuluh orang amat bertepatan dan bersesuaian dalam menggunakan kaedah ini. Ini bermakna setiap pelajar dapat membaca dalam tempoh masa yang ditetapkan. Para pensyarah juga sebenarnya dapat mencungkil pengetahuan dan kemahiran sedia ada dari murid hasil daripada pembetulan dan penerangan oleh guru dari perkataan dan ayat yang dibaca. Pensyarah juga memperdengarkan bacaan contoh samada dari internet, cd dan juga bacaan pensyarah sendiri. Pengkaji juga dapati ada sebahagian pensyarah yang merakamkan bacaan pelajarannya untuk dibuat perbandingan dan dianalisis bacaan tersebut kepada pembacanya supaya dapat memberikan motivasi kepada para pelajar. Pelajar juga dapat mempertingkatkan

pengetahuan dalam mengenali hukum-hukum tajwid di dalam ayat yang dibaca seperti hukum nun dan mim yang bertasydid, mad asli dan sebagainya. Pensyarah menilai tahap kefahaman pelajar dengan meminta seorang atau dua orang murid membaca beberapa ayat. Kaedah yang digunakan dengan pensyarah menyoal pelajar beberapa hukum tajwid yang terdapat di dalam ayat.

Disamping itu kaedah tasmi` hafazan juga memainkan peranan yang penting. Hasil dapatan menunjukkan terdapat surah-surah yang wajib dihafaz oleh pelajar. Kaedah Tasmik bacaan ayat al-Qur`an sesuai digunakan bagi ayat tilawah dan hafazan. Seorang pelajar diminta membaca ayat al-Qur`an yang telah dihafaz di hadapan pensyarah. Jika terdapat kesalahan, pensyarah akan memperbetulkan. Selepas itu pelajar akan ditanya mengenai hukum-hukum bacaan atau tajwid dan maksud tanda-tanda bacaan dalam ayat yang dibaca. Pengkaji merumuskan objektif tasmi` ini sebenarnya dapat mengetahui pencapaian pelajar, mengenal pasti tahap pencapaian, menyedarkan kesilapan bacaan disamping meningkatkan kemahiran individu.

Dapatan juga menunjukkan kaedah yang digunakan pada peringkat lanjutan ada sedikit penambahan. Ini adalah kerana pada peringkat ini ada tugas kerja yang diberikan dan penggunaan teks khusus selain dari al-Qur`an itu sendiri. Sebahagian pensyarah memberikan tugas berpandukan tajuk-tajuk yang terdapat dalam sukatan matapelajaran dan sebahagian lagi, ada yang memberikan tajuk-tajuk tugas yang berkaitan dengan al-Qur`an. Bagi penggunaan teks para pensyarah mengajar berpandukan teks yang dikhususkan.

#### **4.1.2 Masalah yang dihadapi oleh pensyarah tilawah al-Quran di CELPAD**

Hasil dari soal selidik yang telah dibuat kepada kebanyakan pensyarah Tilawah al-Qur'an di CELPAD UIAM dan pengkaji telah membuat kesimpulan bahawa masalah yang dihadapi itu boleh dibahagi kepada tiga bahagian masalah mengikut setiap peringkat.

1. Peringkat permulaan (asas) dan Peringkat pertengahan :

a. Masalah dengan pelajar

Hampir keseluruhan keluhan yang dilontarkan oleh pensyarah yang telah diwawancara oleh pengkaji menghadapi masalah yang sama. Masalah komitmen dan syakhsiah pelajar menjadi masalah utama. Walau bagaimanapun, di sini pengkaji menyenaraikan masalah ini secara terperinci hasil dari penyelidikan dan wawancara yang telah dibuat oleh pengkaji :

i. Pelajar kurang memberikan komitmen semasa mengikuti kursus ini seperti datang lambat ke kelas dan kekerapan tidak hadir ke kelas.

Masalah ini merupakan masalah yang paling besar dihadapi oleh kebanyakan pensyarah pada peringkat ini. Hasil daripada soal selidik yang dibuat , masalah ini hanyalah berlaku kepada segelintir pelajar sahaja . Oleh kerana jumlah kelas yang diajar oleh sesetiap pensyarah banyak <sup>49</sup>

---

<sup>49</sup> Pihak pengurusan Unit Tilawah di CELPAD UIAM kebiasaannya akan menetapkan setiap pensyarah akan mengajar sebanyak enam belas jam dalam seminggu (bagi yang tiada berjawatan ). Oleh kerana pengajaran setiap kelas hanya mengambil masa sejam seminggu maka setiap pensyarah akan mengajar enam belas kelas. Purata pelajar dalam setiap kelas adalah sepuluh orang jadi sekiranya dicampurkan dengan purata pelajar jumlahnya

dan hampir setiap kelas yang diajar mempunyai masalah yang sama maka ianya sangat menjadi masalah utama bagi seseorang pensyarah. Di antara punca yang dapat dikesan antaranya ialah pelajar kurang mahir dalam membaca al-Qur'an dan menyebabkan perasaan malu bila disuruh baca serta sering melakukan kesalahan apabila membaca.

ii. Pelajar kurang berminat mempelajari al-Qur'an dan ada segelintir yang menyatakan kursus ini hanya menyusahkan sahaja.

Biasanya masalah ini datang dari sebahagian pelajar-pelajar yang datang dari negara-negara Arab. Bagi sesetengah di antara mereka, membaca al-Qur'an adalah perkara remeh sehingga mengabaikan segala hukum yang terdapat di dalam al-Qur'an. Sedangkan peraturan di Universiti ini, mana-mana pelajar yang menepati kriteria peringkat asas, mereka akan ditempatkan di peringkat ini tanpa memilih keturunan dan juga bangsa.

iii. Pelajar kurang pengetahuan dalam Tilawah al-Qur'an

Ini adalah kerana latar belakang yang berbeza. Ada yang datang dari sebuah keluarga yang langsung tidak menitik beratkan Tilawah al-Qur'an dalam kehidupan sehingga menyebabkan pelajar ini langsung tiada ilmu tentang Tilawah al-Qur'an ataupun hanya sedikit ilmu yang ada hasil dari pembelajaran di sekolah. Seinggakan ada yang tidak mampu menyebut dan membaca huruf-huruf al-Qur'an.

---

melebihi seratus enam puluh orang pelajar, dan sekiranya setiap kelas ada masalah yang sama, secara keseluruhannya memang menampakkan masalah pertama ini merupakan masalah yang serius kepada setiap pensyarah. kenyataan ini adalah hasil dari temuramah dengan Ustaz Abdullah Bukhari bin Abdul Rahim, Penyelarasan Tilawah al-Qur'an Peringkat Lanjutan Tilawah Division CELPAD pada 13hb April 2007.

iv. Pelajar tidak membuat persediaan sebelum datang ke kelas .

Melihat dari tinjauan pengkaji<sup>50</sup> , didapati kebanyakan pelajar tidak membuat persediaan sebelum datang ke kelas buktinya apabila pensyarah menyuruh membuka tempat bacaan untuk dimulakan tilawah, ramai yang tidak ingat di manakah tempat terakhir tilawah mereka. Ini menyebabkan bacaan mereka tidak dapat menepati ciri-ciri bacaan yang sebenarnya.

Manakala bagi peringkat pertengahan ramai pelajar yang tidak mengambil perhatian kepada ilmu Tajwid yang diajar. Buktinya apabila sesi soal jawab ramai yang masih kurang pengetahuan dan tidak dapat mengaplikasikan dalam pembacaan.

v. Tahap pelajar berbeza-beza di dalam sesuatu tahap.

Oleh kerana kemampuan pelajar berbeza-beza dalam tahap ini seperti ada pelajar yang mempunyai sedikit kemahiran membaca al-Qur'an bersama-sama di dalam kelas yang ada pelajar langsung tidak tahu menyebut huruf , cabaran yang dihadapi oleh seseorang pensyarah cukup besar. Membahagikan kepada dua kaedah pengajaran dalam sesuatu masa selama sejam.

vi. Tidak mengulangkaji tajuk yang telah diajar di dalam kelas khasnya dalam ilmu Tajwid seperti hukum nun mati, mim mati dan hukum mad dan menyebabkan berlaku kesalahan berulang setiap kali membaca al-Qur'an.

---

<sup>50</sup> Soal selidik dan temubual dengan Ustazah Sirri Aafa bin Mohd Salleh, Pembantu Penyelaras Tilawah al-Qur'an Peringkat Pertengahan Tilawah Division CELPAD pada 21 hb April 2007 .

b. Masalah isi kandungan kursus ini

Dapatan dari penelitian mendapati masalah ini juga menjadi bebanan antaranya :

- i. Modul yang ditawarkan ada yang tidak sesuai dengan tahap kemahiran pelajar. Sebagai contoh modul pada peringkat permulaan (asas). Pada dasarnya memang sesuai dengan peringkat ini tetapi ianya menjadi bebanan kepada pelajar yang langsung tiada pengetahuan dalam Tilawah al-Qur'an.
- ii. Masa sejam untuk setiap waktu ternyata tidak mencukupi. Untuk menggabungkan tiga metode pengajaran iaitu tilawah, hafazan dan pengajaran teori tajwid ternyata tempoh sejam memang tidak memadai.
- iii. Ilmu Tajwid (teori) tidak perlu terlalu ditekankan. Ini adalah kerana pada peringkat ini sepatutnya penekanan kepada Tilawah al-Qur'an disamping pendedahan hukum yang mesti diamalkan lebih perlu diberi perhatian berbanding dengan teori Tajwid. Ini adalah kerana pengkaji mutu bacaan al-Qur'an kebanyakan pelajar masih ditahap sederhana.

c. Masalah hafazan

Hafazan pada dasarnya tidak memenuhi kehendak dan tujuan sebenar. Ini adalah kerana mutu hafazan pelajar sangat kurang memuaskan. Walaupun surah yang dikehendaki hafaz hanya beberapa surah-surah yang pendek dari juzuk tiga puluh.

d. Masalah pengurusan

Masalah ini juga memainkan peranan. Antara masalahnya ialah seperti berikut :

- i. Tidak memasukkan kursus Tilawah al-Qur'an dalam sistem pemarkahan. Masalah ini adalah antara punca pelajar tidak memberikan komitmen yang sebenarnya. Kemungkinan bagi mereka kursus ini hanya memenuhi syarat sahaja untuk menamatkan pengajian di Universiti ini.
- ii. Tidak memisahkan pelajar mengikut tahap yang sebenarnya dengan kata lain semasa Ujian Penentuan Tahap pengasingan pelajar dibuat tidak begitu ketat syaratnya. Ini menyebabkan ada segelintir pelajar yang tidak sepatutnya berada di peringkat pertengahan. Ianya mengganggu pengajaran yang diajar.

2. Peringkat lanjutan

Pada peringkat ini masalah yang ada tidak terlalu kritikal berbanding dengan peringkat permulaan dan pertengahan. Ini adalah kerana pelajar yang mengambil kursus ini dalam peringkat ini adalah dari Kulliyyah Bahasa Arab dan Kulliyyah Ilmu Pengetahuan Berteraskan Wahyu. Kursus ini juga merupakan kursus yang dikira markahnya dalam sistem pemarkahan kulliyyah .

Masalah yang timbul hanyalah masalah hafazan. Ini adalah kerana pelajar diwajibkan menghafal sebanyak sejuzuk dalam satu-satu semester. Ada segelintir pelajar yang mampu mengikuti setiap sukatan yang diajar dan ada juga yang sebaliknya.

#### **4.1.3 Soal selidik dan soalan temubual<sup>51</sup>**

Penulis telah mewawancara kebanyakan tenaga pengajar bertanyakan berkenaan perkara berikut : ‘Masalah yang dihadapi oleh Tenaga Pengajar semasa mengajar Kursus Tilawah al-Qur’an di CELPAD, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.’ Ini kerana sepanjang pengamatan penulis melalui kajian lapangan yang dilakukan di kelas-kelas yang dilawati juga melalui temuramah-temuramah dan soal selidik yang dijalankan dengan pihak-pihak yang terbabit telah menghasilkan beberapa keputusan dan kesimpulan. Hasil dari kajian yang dilakukan pada umumnya memberi kesan baik terhadap pencapaian pengajaran al-Qur’an , Cuma ada beberapa masalah dan kelemahan dari sudut perlaksanaannya sama ada dari pihak pelajar maupun pensyarah itu sendiri. Sekiranya dapat diatasi, ianya boleh meningkatkan lagi keberkesannya.<sup>52</sup>

#### **4.2 Profil Responden ( pelajar )**

Perkara yang dibincangkan di sini pula ialah profil responden yang kedua iaitu pelajar. perbincangannya ialah maklumat diri responden. Antaranya jantina, tahun pengajian, jurusan,

---

<sup>51</sup> Soalan-solan ini adalah soalan temuramah dan wawancara pengkaji dengan sebahagian pensyarah tilawah al-Qur’an antaranya temuramah dengan Ustaz Muhammad bin Abdul Rahman ,Penyelaras Tilawah Al-Qur’an Peringkat Pertengahan Tilawah Division CELPAD pada 20 hb April 2007 , temuramah dengan Ustaz Mohd Shukri bin Abdullah pada 22 April 2007, temuramah dengan Ustaz Mohd Rahim bin Jusuh pada 24hb April 2007 , temuramah dengan Ustaz Wan Mohd Fadli bin Hamzah pada 13hb April 2007 , temuramah dengan Ustaz Ramlee bin Abdullah pada 20hb April 2007 dan temuramah dengan Ustaz Mukhni bin Munaf di pada 16hb April 2007

<sup>52</sup> Antara soalan-soalan yang telah penulis ajukan kepada kebanyakan tenaga pengajar dilampirkan pada LAMPIRAN I



kemahiran membaca al-Qur'an, khatam al-Qur'an, pengetahuan dalam ilmu tajwid dan hafazan al-Qur'an, keberkesanan dan pencapaian pelajar dalam bacaan setelah mengikuti kursus tilawah al-Qur'an.

Penyelidikan ini melibatkan 100 responden UIAM yang sedang mengikuti kursus Tilawah al-Qur'an. Responden adalah kumpulan pelajar Melayu dari pelbagai peringkat secara rawak pada semester 2 sesi 2008/2009. Data dikumpulkan selama tiga bulan bermula 2 September 2002008 hingga 2 Disember 2008 Daripada jumlah 120 set soalan yang diedarkan, sebanyak 100 soal selidik yang dapat dikumpul semula.

#### 4.2.1 Taburan Jantina

Responden kajian terdiri daripada pelajar-pelajar yang mengikuti kursus Tilawah al-Qur'an dari semua peringkat yang rata-rata berumur 20 tahun. Dari segi jantina berdasarkan pemilihan responden yang telah dibuat dengan menggunakan persampelan rawak mudah didapati seramai 20 orang (20%) daripada jumlah keseluruhan responden adalah lelaki. Manakala seramai 80 orang (80%) pula terdiri daripada responden wanita.

Jadual 3  
Taburan Responden Mengikut Jantina

| Jantina   | Jumlah    | Peratus |
|-----------|-----------|---------|
| Lelaki    | 20 Orang  | 20%     |
| Perempuan | 80 orang  | 80%     |
| Jumlah    | 100 orang | 100%    |

#### 4.2.2 Minat Pelajar

Penyelidikan ini telah melibatkan 100 orang pelajar dari jumlah keseluruhan pelajar yang mengikuti pengajian ini adalah seramai 875 pelajar. Mereka ini semuanya telah mengenali ilmu ini sejak di Sekolah Menengah lagi. Ada sebahagian mereka telah mengenali dan mempelajarinya di pondok-pondok, masjid-masjid, di kelas-kelas fardu ain dan di kampung-kampung. Berdasarkan jawapan yang diberikan dalam borang soal selidik, pengkaji berasa syukur kerana kesemua pelajar berminat terhadap pengajian ini. Minat mereka ini timbul daripada dorongan diri mereka sendiri, ibubapa, rakan-rakan dan guru-guru. Berikut adalah peratus dorongan mereka :<sup>53</sup>

Jadual 4

Taburan Responden Mengikut Minat Pelajar

| Katagori | Jumlah    | Peratus |
|----------|-----------|---------|
| Minat    | 100 orang | 100%    |

Manakala peratus dorongan mereka untuk mengaji al-Qur`an adalah seperti berikut :

---

<sup>53</sup> Borang soal-selidik

Jadual 5

## Taburan Peratusan Dorongan Responden

| <b>Dorongan</b> | <b>Jumlah</b> | <b>Peratus</b> |
|-----------------|---------------|----------------|
| Diri sendiri    | 80 orang      | 80%            |
| Guru            | 11 orang      | 11%            |
| Ibu Bapa        | 7 orang       | 7%             |
| Rakan           | 2 orang       | 2%             |
| Jumlah          | 100 orang     | 100%           |

Kebanyakan pelajar yang berminat untuk menjadi guru Al-Quran mereka bertanggungjawab untuk menjadi generasi yang menyebarkan dan memelihara Al-Qur'an daripada tercemar atau tersilap membaca. Mereka yang tidak berminat pula mengatakan bahawa mereka tidak mampu untuk memikulnya disebabkan ilmu yang sedikit dan baru pula mengenal ilmu ini. Tambahan pula mereka meminati bidang lain seperti perundangan, kaunseling bahasa dan pendidikan.

Mereka yang berminat telah menunjukkan kesungguhan mereka dalam mempelajari Al-Qur'an. Mereka ini akan menanyakan para pensyarah sekiranya apa yang dipelajari tidak difahami dan untuk menyakinkan lagi kefahaman mereka serta membuat rujukan sendiri tanpa diarahkan. Ada segelintir pelajar yang menghabiskan hafazan mereka terlebih awal dari masa yang ditetapkan<sup>54</sup>. Kebanyakan pelajar tidak akan menanyakan pensyarah kerana takut, kerana rakan-rakan boleh membantu, segan dengan pensyarah, malu dan kurang menonjolkan diri.

---

<sup>54</sup> Pemerhatian pengkaji

Sepanjang pengajian ini di UIAM mereka berpuas hati dengan kemudahan di institusi ini, merasai keseronokan ketika belajar dan akan menyambung di peringkat yang lebih tinggi.

#### 4.2.3 Sukatan Pengajian dan rujukan

Berikut adalah pendapat para pelajar tentang sukatan pengajian.<sup>55</sup>

Jadual 6

Taburan Peratusan Pendapat Responden Mengenai Sukatan Pengajian.

| Sukatan Pengajian | Jumlah   | Peratus |
|-------------------|----------|---------|
| Sesuai            | 75 orang | 75%     |
| Terlalu Banyak    | 2 orang  | 2%      |
| Terlalu Sedikit   | 23 orang | 23%     |

Ramai pelajar yang mengatakan bahawa sukatan pengajian yang sedia ada adalah sesuai dengan mereka yang mengambil pengajian di peringkat diploma iaitu sebanyak 75 orang (75%) . 2 orang (2%) pula mengatakan banyak manakala 23 orang (23%) mengatakannya sedikit. Segelintir daripada mereka mengatakan bahawa pengajian ini hendaklah diteruskan di semester yang berikutnya. Ini memandangkan mereka perlu banyak masa untuk menguasai ilmu ini lebih-lebih lagi dari sudut bacaan Al-Quran. Mereka juga berpendapat pengajian ini hanya menitikberatkan dari sudut teori saja sedangkan Al-Quran hendaklah diutamakan dari segi praktikalnya (bacaan). Masa yang diperuntukkan untuk praktikal (bacaan dan hafazan) terlalu sedikit.

<sup>55</sup> Borang soalselidik, *op. cit.*

#### 4.2.4 Bahan Rujukan

Dari sudut bahan rujukan pula para pelajar mengatakan bahawa sukatan pengajian yang dibekalkan sudah memadai dan rujukan tambahan adalah inisiatif lain untuk mendalami ilmu ini. Oleh yang demikian, 40 orang (40%) daripada jumlah pelajar tidak mengenali dan tidak pernah menggunakan bahan-bahan rujukan yang terdapat di pasaran seperti Ghayah al-Murid, Muqadimah Ibn Jazari dan sebagainya manakala 60 orang (60%) mengenalinya semasa mereka belajar di sekolah dahulu atau dari sahabat-sahabat yang telah mengikuti kursus ini.

Jadual 7

Taburan Responden Mengenai Bahan Rujukan

| Bahan Rujukan   | Jumlah   | Peratus |
|-----------------|----------|---------|
| Mengenali       | 60 orang | 60%     |
| Tidak Mengenali | 40 orang | 40%     |

#### 4.2.5 Analisis pencapaian dan kejayaan pelajar

Dapatan menunjukkan pencapaian para pelajar dalam bidang ini adalah sederhana sahaja. Ini terbukti dengan hanya segelintir pelajar sahaja yang mendapat gred A di dalam peperiksaan yang diadakan. Kebanyakan mereka mendapat gred B dan terdapat juga pelajar-pelajar yang gagal dalam matapelajaran ini dan mereka diberi peluang sebanyak tiga kali untuk lulus. Kebiasaannya mereka yang mendapat gred A adalah mereka yang rajin menghafaz Al-Quran dan mereka yang

gagal adalah terdiri daripada mereka yang malas untuk menghafaznya. Pengkaji juga dapati masalah ini berlaku disebabkan latar belakang pendidikan para pelajar itu sendiri.

Dari sudut kefahaman pelajar pula, hampir keseluruhan pelajar memahami apa yang diajar oleh pensyarah iaitu sebanyak 90% manakala yang kurang faham pula hanyalah sebanyak 10%. Namun masih ramai pelajar yang tidak mengambil berat dan menitikberatkan pengajian ini. Ini terbukti apabila dengan apa yang didapati dalam jawapan kepada soal selidik iaitu masih ramai yang tidak mengetahui istilah-istilah secara mendalam yang di gunakan di dalam Ilmu Tajwid. Berikut adalah peratus tersebut :

Jadual 8

Taburan Kefahaman Responden Tentang Apa Yang Diajar

| <b>Tahap Kefahaman</b> | <b>Jumlah</b> | <b>Peratus</b> |
|------------------------|---------------|----------------|
| Memahami               | 90 orang      | 90%            |
| Tidak Memahami         | 10 orang      | 10%            |

Selain itu, pengkaji dapati terdapat juga para pelajar (iaitu 20%) yang tidak berpuashati dengan kaedah penilaian markah. Mereka mengatakan penilaian dilakukan secara tidak seimbang dan tidak berkala. Kadang-kadang pensyarah mengikut kemahuan pelajar. Sebagai contoh pembahagian markah untuk ujian pertengahan semester yang dilakukan didalam kelas, kadang-kadang pensyarah mengikut pelajar tasmi'e hafazan kemudian baru diberi markah. Ia tidak ditetapkan hari tertentu untuk dibuat ujian. Pengiraan markah pula terlalu lambat, ini

menyebabkan pelajar tertunggu-tunggu samada kaputusan markah daripada keseluruhan markah. Kaedah penilaian pula terlalu subjektif.

Manakala 80% lagi mengatakan mereka berpuas hati dengan penilaian tersebut. Ini adalah antara pendapat-pendapat tersebut:

1. Adil.
2. Penilaian menyeluruh.
3. Menepati cara-caranya.
4. Penilaian tidak tertumpu kepada peperiksaan semata-mata.
5. Penilaian tersebut membolehkan pelajar mengetahui masalah mereka.

Berikut adalah peratusan tersebut :

Jadual 9

Taburan Peratusan Pendapat Rensponden Mengenai Kaedah Penilaian Markah

| <b>Kaedah Penilaian Markah</b> | <b>Jumlah</b> | <b>Peratus</b> |
|--------------------------------|---------------|----------------|
| Puas Hati                      | 80 orang      | 80%            |
| Tidak Puas Hati                | 20 orang      | 20%            |

#### 4.2.6 Masalah yang dihadapi

Berikut adalah masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar :

- i- Tidak menguasai tajwid al-Quran dengan baik

Masalah ini adalah masalah utama bagi pelajar-pelajar di UIAM. 80% daripada mereka tidak mampu menguasainya dengan baik. Besar kemungkinan mereka tidak terdedah secara mendalam di peringkat menengah. Apabila mereka berada di UIAM mereka terpaksa menghadapinya. Berikut adalah peratus tersebut.

Jadual 10

Peratusan Penguasaan tajwid al-Quran Responden

| Penguasaan tajwid al-Quran  | Jumlah   | Peratus |
|-----------------------------|----------|---------|
| Tidak Menguasai dengan baik | 78 orang | 78%     |
| Menguasai dengan baik       | 22 orang | 22%     |

- ii- Masalah menghafaz

Hafazan seratus ayat adalah satu lagi masalah besar kepada pelajar-pelajar. Mereka agak sukar dan malas untuk menghafaznya. Ada segelintir pelajar yang tidak menghabiskan hafazannya. Walaupun masa yang diberikan agak lama dan diwajibkan menghafaz satu muka seminggu, namun ramai pelajar-pelajar suka menunggu di saat-saat akhir hingga menyebabkan ada segelintir pensyarah-pensyarah yang terpaksa member masa sehingga malam di CELPAD.



iii- Terpaksa menghabiskan banyak masa untuk subjek ini

Hafazan Al-Quran memerlukan masa yang lama terutama bagi mereka yang tidak biasa menghafaz dan bagi mereka yang menghadapi masalah menghafaz. Mereka terpaksa menghabiskan masa yang banyak untuk menghafaz menyebabkan hilang tumpuan terhadap subjek-subjek yang lain.

iv- Bahan rujukan kurang

Kebanyakan pelajar menghadapi masalah ini disebabkan pelajar yang ramai dan bahan rujukan tidak seimbang dengan bilangan pelajar.

v- Kelas menjemukan

Kebanyakan pelajar mengatakan bahawa mereka seronok mempelajari ilmu ini iaitu 82 orang (82%). Namun 18 orang (18%) pelajar-pelajar yang mengatakan mereka kadang-kadang hilang semangat dan tumpuan. Ini disebabkan faktor luaran seperti kelas di waktu petang. Ramai pelajar yang mengantuk dan mereka tidak faham apa yang diajar.

Jadual 11

Taburan Pendapat Responden Mengenai Kelas

| <b>Pendapat Pelajar Mengenai Kelas</b> | <b>Jumlah</b> | <b>Peratus</b> |
|----------------------------------------|---------------|----------------|
| Menyeronokkan                          | 82 orang      | 82%            |
| Menjemukan                             | 18 orang      | 18%            |

vi- Tempoh pengajian terlalu singkat

Kebanyakan pelajar (67 orang iaitu 67%) mengatakan tempoh pengajian ini terlalu singkat. Mereka mencadangkan subjek ini diajar di setiap semester memandangkan subjek ini terutama membaca AL-Quran dengan baik memerlukan masa yang lama untuk menguasainya. Selebihnya (33 orang iaitu 33%) mereka mengatakan tempoh pengajian ini sudah memadai.

Jadual 12

Peratusan Pendapat Responden Mengenai Tempoh Pengajian.

| Tempoh Pengajian | Jumlah   | Peratus |
|------------------|----------|---------|
| Terlalu singkat  | 67 orang | 67%     |
| Memadai          | 33 orang | 33%     |

Jadual 3.10 : Peratusan Pendapat Responden Mengenai Tempoh Pengajian.

#### 4.2.7 Tahap disiplin pelajar

Ketika sesi pembelajaran berjalan, para pelajar kebanyakannya memberi tumpuan kepada apa yang diajar. Mereka juga memberi kerjasama apabila diminta menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh pensyarah. Mereka ini terdiri daripada pelajar-pelajar yang berminat dalam pengajian ini. Usaha-usaha sendiri seperti merujuk kitab-kitab utama dan mengadakan perbincangan dengan rakan. Namun terdapat juga pelajar yang ponteng kelas terutamanya kuliah

sebelah petang dan malas menghafaz Al-Quran, mereka ini hanya akan berdepan dengan pensyarah masing-masing untuk tasmik di saat-saat akhir. Ini akan menimbulkan masalah kepada pensyarah terlibat dari segi pemarkahan dan masa kerana terpaksa mengikut rentak pelajar tersebut.

#### **4.2.8 Tenaga pengajar**

Boleh dikatakan semua tenaga pengajar memikul tanggungjawab mereka dengan penuh wibawa kerana mereka merasakan ini adalah tugas penting yang perlu dipikul dalam mendidik dan membimbing pelajar. Kebanyakan tenaga pengajar adalah mahir dan berpengalaman dalam bidang ini walaupun terdapat tenaga pengajar yang bukan dari pengkhususan tersebut.

#### **4.2.9 Cadangan pelajar**

Di antara cadangan pelajar yang dapat pengkaji kemukakan untuk meningkatkan pengajian mereka ialah:

- i- Perlu meningkatkan penguasaan tilawah al-Qur'an.
- ii- Menubuhkan sebuah kelab Al-Quran dan memberi keistimewaan kepada ahlinya.
- iii- Membuat lawatan ke pusat-pusat pengajian Al-Quran seperti Maahad Tahfiz.
- iv- Pihak CELPAD hendaklah menyediakan bahan rujukan yang mencukupi kepada pelajar.
- v- Adakan pertandingan, bengkel atau seminar mengenai pengajian ini untuk menarik minat pelajar.
- vi- Pihak CELPAD hendaklah peka dengan masalah pelajar dan bertindak dengan segera dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

- vii- Pihak CELPAD hendaklah menyediakan pelbagai kemudahan kepada pelajar seperti alat pandangdengar.
- viii- Diwajibkan mengambilnya di setiap semester.
- ix- Para pensyarah hendaklah sentiasa memberi motivasi seperti memberitahu kelebihan ilmu ini.
- x- Para pensyarah hendaklah membuat pembentangan yang menyeronokkan.
- xi- Memperbanyakkan kelas-kelas tajwid di luar waktu pembelajaran.
- xii- Mengadakan kelas tambahan bagi pelajar yang lemah
- xiii- Membahagikan kumpulan pelajar mengikut tahap kualiti bacaan seperti yang dilakukan untuk kelas bahasa Inggeris.
- xiv- Tenaga pengajar mestilah mempunyai kelulusan yang sesuai.
- xv- Menyediakan masa yang lebih untuk pengajian ini.
- xvi- Menyediakan tempat atau lokasi yang lebih sesuai.
- xvii- Memperbanyakkan aktiviti-aktiviti dalam kelas contohnya perbincangan dan pembentangan.
- xviii- Pihak CELPAD perlulah mengadakan sebuah pusat sumber khas untuk pengajian ini seperti alat audio, cd, vcd dan tv yang dikhaskan untuk bacaan Al-Quran dan terdapat kaset-kaset atau cakera padat bacaan Al-Quran dari timur tengah.
- xix- Adakan guru-guru di *mahallah* untuk membimbing mereka membaca Al-Quran

### **4.3 Rumusan**

Berdasarkan laporan kajian yang dipaparkan, pengkaji dapat merumuskan bahawa pengajian Tilawah al-Qur'an di CELPAD Universiti Islam Antarabangsa Malaysia boleh dikatakan berada di tahap yang memuaskan. Ia dilaksanakan mengikut metodologi pendidikan yang sistematik dan berkesan. Para pelajar dapat mengikutinya dengan baik walaupun menghadapi beberapa masalah dalam pengajian.

Walau bagaimanapun, penghargaan yang tinggi buat pihak pentadbiran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang telah memikirkan dan mengambil perhatian yang serius tentang masalah dan peranan para pelajarnya mengenai pengamalan Islam dengan menjadikan subjek al-Qur'an merupakan subjek wajib bagi setiap pelajar Islam yang belajar di universiti ini, dan diharapkan menjadi contoh kepada universiti-universiti awam mahupun swasta yang lain di Malaysia khususnya.

## **BAB LIMA**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

#### **5.0 Kesimpulan Dapatan Kajian**

Dalam bab ini, pengkaji merumuskan segala keputusan yang dicapai berdasarkan kajian dan menjawab persoalan kajian serta objektif yang dinyatakan di dalam bab satu.

#### **5.1. Kesimpulan Sistem Pengajaran al-Qur'an**

Berdasarkan kepada pengkajian dan perbincangan serta penelitian, pengkaji merasakan kebanyakan sistem pengajaran al-Qur'an yang dilaksanakan pada hari ini sebenarnya bersumberkan kepada sistem yang diasaskan oleh Nabi Muhammad s.a.w. secara langsung mahupun tidak langsung. Ia bermula sebaik sahaja wahyu diturunkan iaitu semasa pertemuan di antara malaikat Jibril a.s dengan baginda Rasulullah s.a.w. di Gua Hira'. Di sanalah telah bermulanya satu sistem dalam pengajian atau pengajaran al-Qur'an iaitu dengan cara *talaqqī* dan *Mushāfahah*.

Seterusnya kesinambungan dari itu, Nabi s.a.w. pula berjumpa dengan para sahabat untuk menyampaikan wahyu disamping mengajarkan cara membaca al-Qur'an itu sendiri. Para sahabat baginda telah menunjukkan kepada kita kaedah *halaqah* dan wujudnya majlis ilmu. Begitulah seterusnya, para sahabat mengajarkan para tabi'in dan para tabi'in pula mengajarkan kepada para tabi' tabi'in sehinggalah kepada kita hari ini. Ini kerana al-Qur'an ini merupakan

*kalamullah* yang mesti dibaca dengan cara tersendiri iaitu dengan bertajwid berbeza dengan bahasa Arab yang menjadi alat pertuturan bangsa Arab.

Dalam hal ini Imam Ibn al-Jazari(751-833)<sup>56</sup> telah menukilkan dalam *matannya* yang masyhur berkenaan membaca al-Qur`an dengan bertajwid itu satu kewajipan dan meninggalkannya merupakan satu kesalahan serta berdosa.

وَالْأَخْذُ بِالتَّجْوِيدِ حَتْمٌ لَا زَمُّ      مَنْ لَمْ يُجَوِّدِ الْقُرْآنَ عَائِمٌ

Maksudnya:

*"dan beramal dengan tajwid itu satu kewajipan (kelaziman).  
Barangsiapa yang tidak mentajwidkan akan al-Qur`an maka ia berdosa."*

Seterusnya dengan tertulisnya wahyu yang dianjurkan oleh Nabi s.a.w. terhadap beberapa orang sahabatnya yang telah dilantik, telah dijadikan asas dalam sistem pengajaran al-Qur`an dalam bentuk penulisan. Untuk menjaga kesucian al-Qur`an, Nabi Muhammad telah mewujudkan ramai penghafaz al-Qur`an dan menitikberatkan sahabat-sahabatnya untuk menghafaz al-Qur`an agar kesucian dan keaslian al-Qur`an tersebut terpelihara.

Kini, hasil perkembangan pengajian al-Qur`an dan pendidikan Islam secara umumnya telah menjadikan pengajian al-Qur`an diiktiraf dan diajar di pusat-pusat pengajian tinggi. Ini menunjukkan kesinambungan dan perkembangan yang baik dalam pendidikan al-Qur`an serta pendidikan Islam di Malaysia.

---

<sup>56</sup> Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin `Ali bin Yusuf(1994), *Tayyibat al-Nasyr fī al-Qirāat al-`Asyr*. Jeddah. Maktabah Dār al-Hudā. hal.36.

### **5.1.1 Kesimpulan Kaedah Pengajaran Tilawah al-Qur'an**

Bagi menjawab persoalan metodologi pengajaran Tilawah al-Qur'an CELPAD Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), pengkaji mendapati Tilawah Division telah melaksanakan peranannya yang sebenar.

Pengkaji dapati, metodologi pengajaran tilawah dilaksanakan mengikut metodologi pengajaran yang berkesan dan sistematik. Selain itu, para pensyarah juga, telah menggunakan kaedah pengajaran yang praktikal. Para pelajar dapat memahaminya dengan baik dan jelas. Kebanyakan pelajar menyukai pendekatan yang digunakan. Bebanan kerja-kerja kursus pula tidak dikenakan kecuali pealajar diwajibkan menghafaz surah-surah lazim<sup>57</sup> dari juzuk 30. Begitu juga kepada peingkat lanjutan, para pelajar diwajibkan menghafaz sejuzuk daripada keseluruhan al-Qur'an. Kaedah yang digunakan pula tidaklah menekan para pelajar dan membolehkan mereka belajar dalam keadaan yang tenang dan selesa. Cara ini dapat memupuk minat pelajar untuk mendalami bidang al-Qur'an. Ini terbukti apabila terdapat sebilangan pelajar yang datang berjumpa pensyarah untuk bertalaqqī al-Qur'an dan membuat kumpulan perbincangan bersama-sama dengan rakan sekelas.

### **5.1.2 Kesimpulan pelaksanaan Kursus Tilawah al-Qur'an**

Kursus Tilawah al-Qur'an yang ditawarkan oleh UIAM pada asasnya telah berjaya memartabatkan Al-Qur'an dan tajwid serta meningkatkan pencapaian pelajar dalam pembacaan

---

<sup>57</sup> Bermula dari *Surah al-Duḥā* hingga ke *al-Nās*.



al-Qur'an. Kenyataan ini berdasarkan laporan kajian seperti yang diperolehi daripada maklum balas majoriti responden.

Sukatan pelajaran yang sistematik bersesuaian dengan peringkat dan tahap pelajar-pelajar di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang berlainan latarbelakang bidang pengajian. Kandungan mata pelajaran yang diajar tidak membebankan pelajar dan pengkaji yakin bahawa mereka boleh mengikutinya dengan baik jika diadaptasikan dengan kesungguhan dan ketekunan. Tambahan pula mereka mendapat bimbingan daripada pensyarah-pensyarah yang mempunyai kepakaran dan keahlian dalam bidang al-Qur'an.

Rumusan ini berdasarkan kepada tugas yang dilaksanakan seperti pemilihan tenaga pengajar yang berkeelayakan, mengatur ujian penentuan tahap tilawah (*tilawah placement test*) dengan sistematik, menyediakan sukatan pelajaran yang tersusun, mengatur sistem penilaian dan peperiksaan, menyediakan teks pengajaran dan bahan rujukan, mempunyai kemudahan pembelajaran yang selesa dan mengatur aktiviti akademik pelajar.

Pengkaji dapati perlaksanaan kursus ini bertepatan dengan pembinaan generasi al-Qur'an. Bahan rujukan yang digunakan terdiri dari sumber primer yang menggunakan tiga bahasa iaitu Bahasa Arab, Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Pelajar tidak menghadapi masalah bahan rujukan kerana bahan ini boleh didapati dengan mudah di perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Sistem penilaian yang dipraktikkan memberi peluang kepada para pelajar untuk mendapat keputusan yang cemerlang kerana penilaian berdasarkan kegiatan dalam kelas 50% dan selebihnya melalui peperiksaan akhir semester. Manakala bagi peringkat lanjutan pula 80% dalam kelas dan hanya 20% sahaja pada peperiksaan akhir. Para pelajar berpeluang untuk mendapatkan markah yang tinggi sekiranya mereka rajin menghadiri kelas dan menghafaz surah. Penentuan gred lulus juga sama seperti yang dipraktikkan di peringkat kuliyyah. Penentuan gred ini sesuai kerana tidak terlalu rendah atau tidak terlalu tinggi.

### **5.1.3 Masalah-masalah yang dihadapi**

Daripada pengamatan pengkaji, pengajian kursus ini tidak lari daripada menghadapi masalah. Terdapat ramai pelajar yang lemah dan terlalu lemah dalam penguasaan Tilawah al-Qur'an. Ini merupakan antara masalah utama yang dihadapi oleh para pensyarah selain daripada komitmen pelajar itu sendiri. Dengan adanya masalah ini, para pensyarah terpaksa mengambil langkah yang tegas terhadap pelajar yang lemah ini agar objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai.

Terdapat beberapa masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hasil daripada kajian, pengkaji mendapati terdapat beberapa kekurangan yang wujud dan pengkaji percaya ia dapat dibaiki. Antaranya ialah masalah tempoh pelaksanaan masa kursus iaitu masa sejam untuk waktu kelas tidak mencukupi, teori ilmu tajwid perlu diseimbangkan, tahap pelajar tidak sama di dalam kelas, tidak menjadikan kursus tilawah al-Qur'an subjek yang dikira kredit dan tidak memisahkan pelajar mengikut tahap yang sebenar.

Manakala masalah sikap dan peribadi pelajar ialah pelajar kurang pengetahuan dalam tilawah al-Qur'an, pelajar kerap tidak hadir ke kelas dan datang lambat, pelajar tidak mengulangkaji dan tidak membuat persediaan sebelum datang ke kelas dan masalah hafazan. Masalah sikap pelajar yang malas menghafal surah-surah yang diwajibkan bagi mereka hafal dan malas membuat ulangkaji pelajaran yang telah diajar juga menyebabkan kurang atau ketidak berkesanan kursus tilawah al-Qur'an. Sikap ini sepatutnya tidak wujud dalam diri seorang pelajar yang sedang menimba ilmu pengetahuan lebih-lebih lagi ilmu al-Qur'an.

Ada juga di antara pelajar yang bersikap malas menghafaz surah-surah yang diwajibkan bagi mereka dan malas mengulangkaji pelajaran yang telah diajar. Sikap ini seharusnya tidak wujud dalam diri seorang pelajar yang sedang menimba ilmu pengetahuan lebih-lebih lagi ilmu al-Qur'an. Para pensyarah juga menghadapi masalah dengan pelajar-pelajar yang langsung tidak mempunyai pengetahuan tentang tilawah al-Qur'an khususnya bagi pelajar luar negeri seperti dari Rusia, Negara China, Bosnia, Croatia, bangsa Siam dari utara Thailand malah ada juga pelajar-pelajar dari negara Arab yang membaca al-Qur'an seperti dailek bahasa daerah mereka. Dengan adanya masalah ini, menyebabkan kursus ini menjemukan dan membuatkan pelajar yang lain hilang tumpuan dan mengantuk. Masalah ini sebenarnya boleh diatasi dengan menambahkan lagi peringkat yang ada seperti satu peringkat yang menghimpunkan pelajar yang benar-benar menghadapi masalah di atas.

#### **5.1.4 Keberkesanan kursus dari sudut pelajar**

Dari sudut minat berdasarkan soal selidik yang telah dilaksanakan didapati majoriti pelajar berminat dengan kursus ini. Mereka menghadiri kuliah, bertanya pensyarah berkaitan dengan persoalan yang mereka tidak fahami dan turut serta mengambil bahagian dalam kegiatan dalam kelas. Namun, terdapat segelintir pelajar yang tidak mengambil berat terhadap pembelajaran yang disampaikan terutama dalam menghafaz ayat.

Dari sudut keberkesanan pula, keputusan menunjukkan kandungan kursus adalah sesuai dan tidak membebankan pelajar. Hasil dapatan kajian menunjukkan tahap penguasaan pelajar dalam kandungan kursus tilawah adalah baik. Dapatan kajian menunjukkan (75%) menguasai kandungan kursus adalah sesuai. Berdasarkan keputusan ini, pengkaji merumuskan bahawa tahap penguasaan pelajar dalam kandungan kursus adalah sesuai dengan tahap mereka dan berkesan kepada pelajar.

Dapatan kajian menunjukkan bahan rujukan yang digunakan adalah sesuai dan dikenali atau tidak asing bagi pelajar di negara ini, dapatan kajian menunjukkan (60%) mengetahui dan mengenali bahan rujukan yang digunakan.

Terdapat peningkatan kefahaman yang ketara di kalangan pelajar kerana sebelum mengikuti kursus, (90%) menyatakan tahap kefahaman mereka meningkat berbanding dengan sebelum mengikuti kursus ini. Majoriti pelajar faham dan dapat mempraktikkan hukum tajwid

dengan bimbingan pensyarah. Pengkaji yakin pelajar dapat mengikutinya dengan baik jika disertai dengan ketekunan dan kesungguhan.

Dengan demikian, pengkaji merumuskan bahawa tahap kelancaran pelajar dalam bacaan al-Qur'an setelah mengikuti kursus tilawah al-Qur'an adalah baik. Dapat juga dinyatakan bahawa kursus tilawah al-Qur'an berkesan kepada pelajar dalam meningkatkan tahap bacaan al-Qur'an.

Dalam pandangan pengkaji, kursus Tilawah al-Qur'an yang dilaksanakan di CELPAD Universiti Islam Antarabangsa Malaysia boleh dipertingkatkan lagi. Usaha yang bersungguh-sungguh dari semua pihak akan meransang peningkatan dan pencapaian pelajar dalam mutu pembelajaran al-Qur'an ke tahap yang lebih baik.. Usaha dan kerjasama daripada pelbagai pihak seperti pensyarah, pelajar dan juga pihak pentadbiran UIAM akan menggerakkan momentum ke arah kejayaan dan kemajuan *Tilawah Division*. Kesemua ini merupakan unsur-unsur penting dan dapat memacu kursus ini ke mercu kejayaan. Seandainya semua pihak memainkan peranan, maka syiar Islam akan berkembang, bukan hanya di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia sahaja malah ke seluruh dunia. Sekalung penghargaan yang tinggi buat pihak pentadbiran UIAM yang telah merancang dan melaksanakan program meninggikan pengamalan Islam dengan menjadikan subjek al-Qur'an sebagai subjek wajib bagi setiap pelajar Islam yang belajar di universiti ini, sejajar dengan misi dan visi UIAM. Diharapkan program seperti ini menjadi contoh kepada universiti-universiti awam mahupun swasta yang lain di Malaysia khususnya.

## 5.2 Cadangan

Di sini pengkaji mencadangkan beberapa saranan yang diharapkan dapat diambil perhatian untuk meningkatkan lagi kualiti kursus Tilawah al-Qur'an di CELPAD Universiti Islam Antarabangsa Malaysia ini. Cadangannya adalah seperti berikut:

### 1. Mempertingkatkan level kursus

Pengkaji mencadangkan agar peringkat kursus ini ditambahkan lagi, khusus untuk pelajar-pelajar yang terlalu lemah seperti mengadakan peringkat peralihan atau seperti kebiasaan istilah yang digunakan di maahad-maahad tahfiz iaitu peringkat '*naẓīrah*'. Pada peringkat ini, pelajar akan hanya diberi penekanan kepada mengenal huruf beserta cara sebutannya yang sebenar. Penggunaan teks khusus untuk membantu pelajar mengenal al-Qur'an perlu disediakan seperti buku karya Qari 'Abdussalam(2003), *Help Yourself in Reading Qur'an (Arabic-English)*, Riyadh: Dār al-Salām, kaedah IQRA' yang telah diperkenalkan oleh al-Marhum As'ad Humam pada tahun 1988 di Indonesia,. Kaedah al-Barqy karya Drs. Haji Muhadjir Sulthon, *Cepat Membaca Al-Qur'an al-Barqy*, Kuala Lumpur : Riyaadhul Ameen Sdn Bhd, Kaedah al-Rūḥ al-Amīn Haji Muhammad Roihan Hasbullah Nasution, *al-Rūḥ al-Amīn Belajar Membaca al-Qur'an Bertajwid dalam masa 50 jam*, Kuala Lumpur :Pustaka Syuhada dan sebagainya.

Manakala cadangan untuk peringkat pertengahan pula, pengkaji mencadangkan lebih kepada kemahiran membaca dengan diringi ilmu tajwid secara praktikal dan bukan hanya sekadar teori sahaja. Ini adalah kerana masalah bacaan perlu dititik beratkan kerana ianya lebih

penting daripada mengetahui ilmunya secara teori tapi tidak tahu membaca dan mengamalkan dengan apa yang dikuasainya. Sekurang-kurangnya ianya dapat membentuk generasi atau pelajar universiti ini celik al-Qur'an walau dari bidang apa sekalipun.

## **2. Cadangan mempertingkatkan kualiti pengajaran tenaga pengajar**

Beberapa perkara yang pengkaji merasakan perlu untuk dicadangkan kepada tenaga pengajar antaranya ialah :

### **i. Mengajar secara lebih berkesan**

Pensyarah mestilah bijak mengawal dan mengajar dengan cara yang praktikal agar dapat melahirkan sesuatu yang berkualiti. Mempelbagaikan metode pengajaran dan bukan sekadar membacakan bacaan yang sebenarnya kepada pelajar dan menyemak bacaan pelajar sahaja, malah boleh menggunakan alat bantuan mengajar (ABM) dan menarik minat pelajar untuk mengikuti kursus ini.

### **ii. Memberikan motivasi**

Pensyarah mestilah sentiasa memberikan motivasi kepada pelajar tentang kepentingan membaca al-Qur'an dan bukan sekadar untuk melengkapkan syarat sebagai graduan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia sahaja. Ini adalah kerana setiap pensyarah mestilah menjadi pendidik dan pembimbing kepada pelajarannya.

## 2. Cadangan memantapkan prestasi pelajar

Pengkaji menyarankan agar para pelajar dapat mengubah sikap mereka sendiri dalam mencapai kejayaan dalam pengajian, ini adalah kerana bersesuaian dengan firman Allah s.w.t di dalam al-Qur'an;

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ

Sūrah al-Ra`d(13):11

Maksudnya:

*Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri.*

Ini adalah kerana hanya diri mereka sahaja yang dapat mengubah nasib dan keadaan mereka. Di antara cadangan pengkaji ialah:

### i. Meningkatkan minat diri

Setiap pelajar mestilah meningkatkan minat mereka dengan menanamkan rasa cinta kepada Rasulullah s.a.w. kerana al-Qur'an merupakan mukjizat Baginda yang sangat agong dan sebagai hujah kita untuk mengatakan kita sebagai umat Islam dan mengaku Allah sebagai tuhan yang layak disembah dan Rasulullah s.a.w. sebagai utusan-Nya. Sebagai umat Islam tidak lengkap sekiranya al-Qur'an tidak mampu dibaca dan dihayati.

### ii. Berusaha meningkatkan kemahiran membaca al-Qur'an



Kemahiran membaca al-Qur'an dikalangan pelajar mestilah ditingkatkan memandangkan al-Qur'an bukan sahaja subjek wajib malah ianya menjadi kekuatan dan sumber rujukan umat Islam. Sekiranya kemahiran ini tiada, pelajar akan menghadapi masalah dalam menamatkan pengajian di universiti ini.

iii. Membaca terlebih dahulu sebelum sesi pembelajaran bermula

Pembacaan atau pengulangkajian sebelum sesi pengajaran bermula sememangnya memberi banyak manfaat kepada pelajar kerana ianya dapat melancarkan lagi bacaan seandainya disuruh oleh pensyarah membaca ayat dari al-Qur'an. Seandainya semua pelajar dapat melakukan perkara tersebut, maka perjalanan kelas akan lancar tanpa menimbulkan sebarang masalah.

iv. Sentiasa membaca al-Qur'an tanpa disuruh

Sentiasa membaca dan mendengar bacaan al-Qur'an dan sepatutnya tidak perlu menunggu arahan daripada pensyarah kerana ianya adalah tanggungjawab individu sebagai seorang Islam dan tugas seorang pelajar yang menuntut di institut pengajian tinggi. Pensyarah hanyalah sebagai pemudahcara dan hanyalah memberi panduan tentang cara pembacaan yang sebenarnya mengikut cara bacaan Rasulullah s.a.w.. Pelajar semestinya sentiasa belajar mengaji al-Qur'an sehingga mahir bukan hanya di dalam kelas sahaja malah di mana sahaja tempat yang menawarkan pembelajaran berterusan. Ini adalah kerana sekiranya hanya belajar di dalam kelas, sememangnya ianya tidak mencukupi.

#### **4. Cadangan untuk Universiti Islam Antarabangsa Malaysia**

Pengkaji merasakan perlu memberikan beberapa cadangan kepada pihak pentadbiran UIAM semata-mata ingin memajukan dan mempertingkatkan lagi mutu penguasaan kemahiran Tilawah al-Qur'an di kalangan pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia , antaranya;

##### **i. Memanjangkan masa pembelajaran kursus**

Tempoh pengajaran yang sekarang hendaklah ditambah agar dapat menjadikan segala sukatan kursus dapat diajar dan dilaksanakan dengan lebih praktikal. Untuk menghabiskan tiga perkara dalam satu masa ( tilawah, hafazan dan teori tajwid ) yang terbatas iaitu sejam seminggu sememangnya tidak sesuai.

##### **ii. Mengadakan makmal al-Qur'an**

Pengkaji mencadangkan supaya diadakan makmal al-Qur'an sebagaimana adanya makmal bahasa di CELPAD ini. Pengkaji melihat kepentingannya kepada pemantapan penguasaan ilmu tilawah kepada para pelajar dan juga boleh dimanfaatkan oleh staff di universiti ini. Dengan terbinanya makmal ini kelak akan menjadikan pengajian al-Qur'an ini bertambah menyeronokkan lagi dan dapat menarik minat dari sudut pengajaran dan pembelajaran kursus ini.

### iii. Menubuhkan Pusat al-Qur'an

Apa yang pengkaji lihat program yang melibatkan al-Qur'an terlalu banyak diadakan di universiti ini dan diadakan oleh organisasi yang berbeza seperti Kursus Tilawah al-Qur'an anjuran CELPAD, kelas al-Qur'an untuk orang awam (KUTQ) anjuran IfLA, kelas Tajwid untuk staff anjuran Masjid Sultan Haji Ahmad Shah UIAM, program kemahiran tahfiz dan *special tahfiz* anjuran CAC UIAM dan program Persijilan Tahfiz usahasama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dengan Darul Qur'an JAKIM.

Pengkaji mencadangkan kepada pihak pentadbiran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, supaya menubuhkan satu Pusat al-Qur'an Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang menggabungkan kesemuanya di bawah satu pentadbiran atau organisasi yang khusus dan berperanan memasyarakatkan al-Qur'an dan menjadikan pusat ini sebagai tempat rujukan ilmu-ilmu al-Qur'an di universiti ini khasnya dan di Malaysia umumnya. Ianya juga akan dapat meningkatkan mutu dan martabat al-Qur'an sekaligus menaikkan lagi nama UIAM di mata dunia kerana berjaya memartabatkan al-Qur'an dengan jayanya.

## 5.3 Penutup

Penekanan kepada kepentingan membaca al-Qur'an dengan betul merupakan perkara yang penting dalam kehidupan umat Islam. Bagi masyarakat Melayu, perkara ini sememangnya telah menjadi suatu tumpuan sejak zaman berzaman. Cuma yang menjadi masalahnya rata-rata masyarakat kita tidak mengetahui sandaran bacaan yang dibaca itu mengikut Qiraat siapa. Itulah

juga yang berlaku kepada pelajar-pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Nama Imam Hafṣ `an `Āṣim, imam al-Shāṭibī terlalu asing bagi segelintir masyarakat Melayu dan juga pelajar universiti ini.

Masyarakat Melayu pada kebiasaannya akan menghantar anak-anak mereka mengaji al-Qur'an dan akan mengadakan majlis khatam al-Qur'an bersempena tamat mengaji tiga puluh juzuk al-Qur'an. Penghormatan terhadap al-Qur'an juga sangat dititikberatkan oleh masyarakat Melayu dengan mendidik anak-anak dengan menjunjung al-Qur'an setelah setiap kali selesai dibaca dan berwudhuk bila hendak membaca dan menyentuh al-Qur'an .

Pihak kerajaan Malaysia pula memberikan perhatian yang serius untuk memartabatkan al-Qur'an seperti dengan menganjurkan pertandingan Tilawah al-Qur'ān dari peringkat kebangsaan sehingga ke peringkat antarabangsa dan banyak lagi usaha pihak kerajaan untuk memartabatkan al-Qur'an.

Manakala pihak Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pula telah meletakkan al-Qur'an sebagai kursus wajib bagi setiap pelajarnya.

Apa yang hendak diketengahkan oleh pengkaji di sini ialah kesedaran umat Islam sebenarnya akan kepentingan memartabatkan dan memelihara kesucian al-Qur'an itu masih dan senantiasa berterusan. Ianya bersesuaian dengan firman Allah s.w.t.;

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Surāh al-Hijr(15):9

Maksudnya;

*Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Qur'an, dan  
sesungguhnya Kamilah yang benar-benar memeliharanya.*

Ayat di atas memberikan jaminan tentang kesucian dan kemurnian al-Qur'an selamanya. Oleh itu usaha Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, meletakkan kursus Tilawah al-Qur'an sebagai kursus wajib merupakan salah satu usaha memartabatkan kemurnian al-Qur'an, walaupun terdapat beberapa masalah, namun seandainya semua pihak memainkan peranan yang sebaiknya demi untuk al-Qur'an, pengkaji yakin mutu dan kualiti Tilawah al-Qur'an di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia akan mencapai tahap yang sebenarnya bukan sakadar subjek pelengkap sahaja.

## BIBLIOGRAFI

### RUJUKAN NAS

*Al-Qur'ān al-Karīm.*

*Al-Qur'ān al-Karīm bi riwāyah Warsy `an Nāfi`*

### RUJUKAN BAHASA ARAB

`Abd Allah, Muhammad Mahmud,(1416H/1996M), *Kayf Taḥfāz al-Qur'ān al-`Aẓīm*, Kaherah: Maktabah al-Qudsī.

Abū Sulaymān, Šābir Hasan Muhammad,(1423H), *Tabṣīrah al-Murīd fī `ilm al-Tajwīd*, Riyadh: Dār `alam al-Kutub.

Abū al-Khayr, Muhammad, (1422H/2002M), *al-Usūl wa al-Thawābit lī al-Qurra' al-Sab`ah min Ṭarīq al-Syāṭibiyyah*, Tanta: Dār al-Šaḥābah lī al-Turāth.

‘Aṭīyyah Qābil Naṣr, ( t.t ), *Ghāyah al-Murīd Fī `Ilm al-Tajwīd* , Kaherah :Dār al-Harāmayn lī al-ṭabā`ah,

Al-Aṭīyyah, Khalīl wa Zuhayr Zahīd,(1406H/1986M),*Kitāb al-Inwān fī al-Qirā'at al-Saḥa lī Abī Ṭāhir al-Anṣārī*. Beirut: Maktabah `Ālam al-Kutub.

al-`Aqrabawī, Zaidan Mahmud Salamah (2001), *al-Mursyīd fī `Ilm al-Tajwīd*. Jordan:Dār al-Furqān

Badrān, Badrān Abū al-`Aynayn, (t.t), *Dirāsāt Hawl al-Qur'ān*, Iskandariah: Muasasah Syabāb al-Jamī`ah.

Al-Bughā, Muṣṭafā Dīb,(1416H/1996M), *al-Itqān fī `Ulūm al-Qur'ān lī al-Sayūṭī*, Beirut: Dār Ibn Kathīr.

Dān, Šalāh al-Dīn Arq,(1410H/1990M), *Mukhtaṣar al-Itqān fī `Ulūm al-Qur'ān lī al-Sayūṭī*, Beirut:Dār al-Nafāis, cet. Kedua

al-Dhahabī, Muḥammad Ḥusayn ( Dr.), ( t.t ), *al-Tafsīr Wa al-Mufasssīrūn*, Beirut : Dār al-Arqām ibn Abī al-Arqām.

Hasan, Ibrāhīm Hasan(1964), *Tārīkh al-Islām al-Siasī wa al-Dīn wa al-Thaqāfī wa al-Ijtimā'i*, Kaherah: Maktabah Miṣriyyah, jld.1

Al-Hasanī, Khalīd bin Muhammad,(1419H/1998M), *al-Manḥ al-ilāhiyyah fī Jam' al-Qirā'at al-Sab' min Ṭarīq al-Shāṭibiyyah*, Madinah: Dār al-Zamān.

Al-Hafyān, Ahmad Mahmud `Abd al-Samī',(1423H/2002M), *Qirā'at al-Kisā'ī min al-Qirā'at al-Asyarah al-Mutawātirah*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Alamiyyah

Ibrahim bin `Aṭwah `Iwaḍ,(1417H/1997M), *Ibrāz al-Ma`ānī min Ḥirz al-Amānī li Abī Syamah*, Kaherah: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī wa awlādih.

Al-Jawhari, `Abd Allah, (1415H/1995M), *al-Idāḥ fī Tajwīd Kalām al-Fattāḥ*, (t.p)

Al-Jazarī, Aḥmad ibn Muḥammad ibn Muḥammad,( 2000 ), *Sharḥ Ṭayyibah al-Nashr Fī al-Qirā'at al-'Ashr*, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah , cet. kedua.

Muhammad Ahmad Ma`bad,(1417H/1996M), *Nufahāt min `Ulūm al-Qur'ān*, Kaherah: Dār al-Salām.

Mahmud `Alī Bassah,(1412H/1992M), *Faṭḥ al-Majīd – Sharḥ Kitāb al-'Amīd fī `ilm al-Tajwīd*, Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth.

Manṣūr, `Abd al-Ḥamīd Yūsūf, (t.t), *Nayl al-Khayrāt fī al-Qirā'at al-Asyarah al-Mutawātirah min Ṭarīqay al-Shāṭibiyyah wa al-Durrah*, Iskandariah: Dār Ibn Khaldūn, jld.2

Muḥaysin, Muḥammad Sālim ( Dr.), ( 1989 ), *Irsyād al-Ṭālibīn Ilā Ḍabṭ al-Kitāb al-Mubīn*, Mesir : Maktabah al-Azhariyyah Li al-Turāth.

\_\_\_\_\_, (1393H), *Tārīkh al-Qur'ān al-Karīm*, Iskandariah: Muassasah Shabāb al-Jāmi'ah.

\_\_\_\_\_,(1414H/1994M), *al-Hādī Sharḥ Ṭayyibah al-Nashr fī al-Qirā'at al-'Ashr wa al-Kashf `an `ilal al-Qirā'at wa Tawjīhihā*, Beirut: Dār al-Jayl.

\_\_\_\_\_,(1417H/1997M), *al-Irsyādāt al-Jaliyyah fī al-Qirā'at al-Sab' min Ṭarīq al-Shāṭibiyyah*, Beirut: Dār al-Jayl

\_\_\_\_\_,(1409H/1989M), *al-Mustanīr fī Takhrīj al-Qirā'at al-Mutawātirah min haith al-Lughah – al-i`rāb – al-Tafsīr*, Beirut: Dār al-Jayl

\_\_\_\_\_,(1417H/1997M), *al-Muhadhdhāb fī al-Qirā'at al-'Ashr wa Tawjīhihā min Tariq Ṭayyibah al-Nasr*, Kaherah: Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth.

\_\_\_\_\_,(1409H/1989M), *Fī Rihāb al-Qur'ān al-Karīm*, Beirut: Dār al-Jayl.

\_\_\_\_\_,(1412H/1992M), *Mu'jam Hufāẓ al-Qur'ān 'Abr Tarīkh*, Beirut: Dār al-Jayl.

\_\_\_\_\_,(1423H/2002M), *Irsyād al-Ṭālibīn ilā Dabṭ al-Kitāb al-Mubīn*, Kaherah: Dār al-Muhaysin

Mukarram, 'Abd al-'Āl Sālim, (1417H/1996M), *al-Hujjah fī al-Qirā'at al-Sab'a li Imām Ibn Khālawayh*, Beirut: Muasasah al-Risālah.

Al-Maqdisī(1973),*Kiṭab al-Mursyid al-Najīz*,( t.p).

al-Qādah , Muḥammad 'Iṣām Muflih,(1998),*Al-Wāḍih fī Ahkām al-Tajwīd*, Jordan: Dār al-Nāfīs

Al-Qaḍī, 'Abd al-Fattāḥ ( 1975 ), *Bashīr al-Yusr Sharḥ Nāẓimat al-Zuhr Fī 'Ilm al-Fawāṣil*, Kaherah: Maktabah Wa Maṭba'ah al-Mashhad al-Ḥusaynī

\_\_\_\_\_,(t.t),*Tārīkh al-Qurra' al-asyarah wa Ruwātihim wa Tawatur Qira'atihim wa manhaj Kulli fī al-Qirā'ah*. Kaherah: Maktabah wa Maṭba'ah al-Mashhad al-Husaynī

\_\_\_\_\_,(1404H/1983M), *Taḥbīr al-Taysīr fī Qirā'at al-ḡimmah al-'Asyrah*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah.

\_\_\_\_\_, (1413 H / 1993-94 M ), *Tārīkh al-Muṣḥaf al-Sharīf*, Jāmi'ah al-Azhar.

\_\_\_\_\_,(1409H/1989M),*al-Budūr al-Zāhirah fī al-Qirā'at al-'Ashr al-Mutawātirah*, Kaherah: al-Idārah al-Markaziyyah li al-Ma'had al-Azhariyyah

\_\_\_\_\_,(1416H/1992M), *al-Wāfī fī Sharḥ al-Shāṭibiyyah fī al-Qirā'at al-Sab'*, Madinah: Maktabah al-Dār.

Qanḥāwī, Muhammad al-Ṣādiq,(1414H/1993M), *al-Burhān fī Tajwīd al-Qur'ān wa Ma'ah fī Faḍāil al-Qur'ān*, Kaherah: Maktabah al-Sunnah.

al-Qaṭṭān, Mannā' ( 2000 ), *Mabāḥith Fī 'Ulūm al-Qur'ān*, Beirut : Mu'assasah al-Risālah, cet. ketiga.



Abū Sulaymān, Šābir Hasan Muhammad ,(2004) *Tabṣīrah al-Murīd fī ʿilm al-Tajwīd*, Riyadh: Dār ʿālam al-Kutub

Šaqr, Khumays Jābir,(1425H/2004M), *al-Wāḥah al-Khaḍrāʾ fī Tārīkh al-Qirāʾat wa al-Qurraʾ*, Tanta: Dār al-Šaḥābah lī al-Turāth.

Al-Shāfiʿī, Husayn Muhammad Fahmī, (1418H/1998M), *al-Dalīl al-Mufahris li ayāt al-Qurʾān al-Karīm*, Kaherah: Dār al-Salām

Abū Shuhbah, Muhammad bin Muhammad (t.t), *Al-Madkhal li Dirasat al-Qurʾān al-Karīm*, (t.p)

Syukrī, Ahmad Khālid,(1417H/1996M), *Qirāʾat al-Imām Nāfiʾ min riwāyatay Qālūn wa Warsh*, Amman: Dār al-Furqān

Zahīd, Ṣaḥīr Ghazī,(1414H/1993M), *Kitāb al-Idghām al-Kabīr fī Al-Qurʾān li Abī ʿAmrū ʿUthmān bin Saʿīd al-Dānī*, Beirut: ʿĀlam al-Kutub

al-Zarqānī, Muhammad ʿAbd al-ʿAzīm (t.t), *Manāhil al-ʿIrfān fī ʿUlūm al-Qurʾān*, Kaherah: Dār al-Ihyāʾ, al-Kutub al-ʿArabiyyah

Al-Zuʿbī, Muhammad Tamīm,(1414H/1994M), *Matn al-Shāṭibiyyah li al-Imām al-Shāṭibī*, Madinah: Maktabah Dār al-Hudā

\_\_\_\_\_,(1414H/1994M), *Matn al-Durrah al-Muḍiyyah li al-Imām al-Hāfiẓ Abū al-Khayr*, Madinah: Maktabah Dār al-Hudā

\_\_\_\_\_,(1414H/1994M), *Ṭayyibah al-Nahr fī al-Qirāʾat al-ʿAshr*, Madinah: Maktabah Dār al-Hudā.

al-Zuḥaylī, Wahbah ( Dr.), ( 1991 ), *al-Tafsīr al-Munīr Fī al-ʿAqīdah wa al-Syarīʿah Wa al-Minhāj*, Beirut : Dār al- Fikr al-Muʿāṣir & Damsyiq : Dār al- Fikr , cet. pertama.

Al-Zaynī, Abū Muhammad Šafwat ,(1426H/2005M), *al-Bayān al-Sadīd fī Ahkām al-Qiraʾah wa al-Tajwīd*, Kaherah: Dār al-Hadīth.

## RUJUKAN KAMUS

Abu Abdullah Hanafi bin Dollah,(2006), *Kamus al-Kahlil*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Al-Baʿalbaki, Ruḥī, (1999), *al-Quarīb al-Mawrīd*, Beirut: Dār al-ʿIlm al-Malāyīn.

AS Hornby,(1995), *Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English*, Oxford: Oxford University Press.Cetakan Kelima

Teuku Iskandar,(1996), *Kamus Dewan* , Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Ketiga

## RUJUKAN BAHASA MELAYU

Aboe Bakar Atjeh(1980), *Falsafah al-Quran : Sejarah Pertumbuhan (Mushaf) Peraturan dan Hukum*, Kota Bharu:Pustaka Aman Press

Abdullah Basmeih,(1995), *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada pengertian al-Qur'an(30 Juz)*, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.

Abdullah Ishak(1995)*Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur

Abdul Halim al-Muhammady(1991),*Pendidikan al-Quran di Sekolah Rendah dan Menengah,Pendidikan Islam*, Kuala Lumpur:Pustaka Salam

Abdul Ghani Samsudin,Zulkifli Yusuf,Ishak Sulaiman,(2001),*al-Tafsir al-Munir(juz Amma)* (terj), Kuala Lumpur : Persatuan `Ulama Malaysia,Intel Multimedia and Publications

Abdul Qadir Leong,(2002), *Tajwid al-Qur'an Rasm `Uthmani*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Abu Mardhiyah,(2004), *Tajwid al-Qur'an Qira'at `Aashim Riwayat Hafsh Toriq al-Syatibi*, Kuala Lumpur: Al-Jenderaki Enterprise.

As`ad Humam,(1993M), *Iqra' cara cepat belajar membaca al-Qur'an Rasm `Uthmani*, Kuala Lumpur: Pustaka Dini.

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib,(1990), *Islam dalam Sejarah Kebudayaan Melayu*, ABIM: Petaling Jaya

Azhar bin Mad Aros, Ali bin Seman, M.Rajendran,(1991), *Sejarah Islam untuk STPM*, Selangor: IBS Buku Sdn. Bhd.

Fauzi Deraman,(2002), *Pengantar Usul al-Hadith*, Selangor:Penerbitan Salafi

Hassan Langgulung(1991), *Asas-asas Pendidikan Islam*, Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka

H.Dachlan Salim Zarkasyi,(1415H/1994M), ***Qiraati untuk usia sekolah menengah dan dewasa Kaedah Praktis Membaca al-Qur'an***, Selangor: Mohd Masruh bin Ahmad

Ismail Abdul Rahman(1993), ***Pendidikan Islam Malaysia***, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor

Ismail bin Mohd Hassan,(1986), ***Sejarah Kitab al-Quran oleh Fadhilah Syeikh Abdul Fattah el-Qadhi***,( terj.)Terengganu:Yayasan Islam Terengganu

Johari Alias,(2000), ***Kaedah Mudah Belajar Membaca al-Qur'an bertajwid KALAM***, Kuala Lumpur: Darul Nu'man

Khoo Kay Kim(1980),***Perkembangan Pelajaran Agama Islam dalam Pendidikan Ke Arah Perpaduan***,Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd

***Mastika Hadith***, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri

Muhadjir Sulthon,(2001), ***Kaedah Cepat Membaca al-Qur'an al-Barqī***, Kuala Lumpur: Riyaadhul Ameen SDN.BHD. cet.pertama

Muhammad Roihan Hasbullah NST,(2004), ***ar-Ruh al-Amin Resam Uthmani Belajar Membaca al-Quran bertajwid dalam masa 50 jam***, Kuala Lumpur:Pustaka Syuhada. Cet. kesembilan

Mohammad Zaki bin Daud(2003),***Pendidikan Islam di Sekolah Rendah Swasta : Satu Kajian di Sekolah Rendah al-Amin***, Jabatan Sejarah dan Tamadun, Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur

Mohd Rahim Jusuh,(1421H/2001M), ***Pengenalan Ilmu Qiraat***, Selangor:Mahsuri Timur Sdn. Bhd. Cet. kedua

Nik Aziz bin Nik Mat,(2004), ***Sirah Nabawiyyah Insan Teladan Sepanjang Zaman***, Kuala Lumpur: Nufair Street Sdn Bhd.

Sobri Salamon dan Haron Din(1988), ***Masalah Pendidikan Islam di Malaysia***, al-Rahmaniah: Kuala Lumpur

Surur Shihabuddin bin Hasan,(2004), ***Ilmu Tajwid Menurut Riwayat Hafs `an `Asim melalui Toriq Asy-Syatibiah***, Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Al-Sanqūrī, Abdullah bin Muhammad Qasim,(t.t), ***Mawrid al-Zamān fī mā yata'laq bi Tajwīd al-Qur'ān***, Mesir: Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah.

Sonhadji , Ahmad Sonhadji Mohamad ( 1990 ), ***Tafsir al-Qur'ān `Abr al-Athir*** ( *Tafsir al-Qur'ān Di Radio* ) , Kuala Lumpur : Pustaka al-Mizan , cet. pertama.

*Tamadun Islam dan Tamadun Asia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. Cet. Keempat

Wan Zahidi Wan Teh(1993),*Pengemaskinian Sistem Pengajian Pondok di Pulau Pinang*, dalam Ismail Abdul Rahman(ed), Pendidikan Islam Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi

## **Rujukan Bahasa Inggeris**

Muhammad Abdul Rauf,(2003), *Tajwid al-Qur'an al-Karim*, Kuala Lumpur:I Book Publication Sdn Bhd.

Qari Abdussalam,(2003), *Help yuor self in Reading Qur'an (Arabic-English)*, Riyadh:Darussalam

## **Kertas Kerja Ilmiah dan Desertasi**

Abdul Hayei Abdul Syukur, (2002), *Kepentingan dan Hubungan Ilmu Qira'at kepada ilmu-ilmu Islam* , Konvensyen Pensyarah-pensyarah Tahfiz Peringkat Kebangsaan 2002 Langkawi.

Abdul Hlm.im Bin Harun (1996), **Permasalahan Pengajian Al-Qur'an Dalam Program KBSM**, Tesis Sarjana Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abdullah Bukhari Abdul Rahim,(2004), *Pemodenan dan Pembaharuan dalam Pengajian Tafsir di Kalangan Orang Melayu : Kajian Kearah Pembinaan Pengkalan Data Tafsir al-Qur'an*, Tesis Sarjana (M.A.), Universiti Malaya, Kuala Lumpur

Aminah Idris, (1997) **Penilaian Program Tilawah Al-Qur'an Sekolah Menengah Rendah**. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Lukmanul Hakim Abdul Ghani(2002), *Faktor-faktor yang menyebabkan Remaja Melayu beragama Islam kurang membaca al-Qur'an*,Jurnal Darul Quran JAKIM

Mahathir Bin Nor, (2004), **Pengetahuan dan kebolehan Pelajar membaca ayat-ayat Al-Qur'an yang mengandungi hukum-hukum khas mengikut riwayat Haf's daripada 'Asim**, Tesis Sarjana Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Alwi Yusoff, Adel M. Abdul Aziz, Ahmad Kamel Mohamed,(2003), *Keberkesanan Iqra' sebagai Kaedah Pembelajaran Membaca al-Qur'an*, Seminar Kaedah Pengajaran dan Tahfiz al-Qur'an Peringkat anjuran Fakulti Pengajian Quran dan sunnah, Kolej Universiti Islam Malaysia(KUIM)

Muhammad Mustaqim bin Mohd Zarif,(2003), ***Kaedah Mudah Belajar Membaca al-Quran Bertajwid (KALAM): Satu Kajian Ringkas***, Seminar Kaedah Pengajaran dan Tahfiz al-Qur'an Peringkat anjuran Fakulti Pengajian Quran dan sunnah, Kolej Universiti Islam Malaysia(KUIM)

Mohammad Naim Mat Salleh (2003). ***Pencapaian Tilawah Al-Qur'an Melalui Penggunaan Kaedah Iqra' Di Sekolah- Rendah Kebangsaan Daerah Setiu, Terengganu***. Tesis Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Prof. Dr. Torla Haji Hassan,(2003), Report on Tilawah al-Qur'an Course (TQ 1000 & TQ 2000) UIAM

Syed Ahmad Tarmizi bin Syed Omar, Khairul Anuar bin Muhammad, Mohd Zohdi bin Mohd Amin,(2003), ***Tahfiz al-Quran: Sejarah dan Perkembangannya***, Seminar Kaedah Pengajaran dan Tahfiz al-Qur'an Peringkat anjuran Fakulti Pengajian Quran dan sunnah, Kolej Universiti Islam Malaysia(KUIM)

Torla Haji Hassan,(2003), ***Report on Tilawah al-Qur'an (TQ 1000 & TQ 2000)***, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Wan Fadhli bin Wan Hamzah(2002), ***al-Qira'at dalam Tafsir Fath al-Qadir: Tumpuan khusus terhadap Surah Āli `Imrān (ayat 1-36)***, Jurnal Darul Quran JAKIM

Yusri Chek,(2005), ***Pelajaran Tajwid al-Qur'an di Malaysia: Kajian Terhadap Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Qur'an di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur***, Tesis Sarjana (M.A.), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Zubir bin Din, (2004),***Penurunan al-Qur'an Dalam Sab` al-Aḥrūf : Satu Ulasan Menurut Pandangan Imam al-Shāṭibī***, Tesis Sarjana (M.A.), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Zulkhairi bin M.Fadzillillah(2003),***Kitāb al-Irshādāt al-Jaliyyah fī al-Qirā'at al-Saḥ min Ṭarīq al-Shāṭibiyyah lī Muḥammad Sālim Muḥaysīn***, Latihan Ilmiah, Universiti Malaya

## RISALAH-RISALAH BERKAITAN UIAM

***Annual Report 2005 IIUM***

**Buku Konvokesyen UIAM ke 20(1425H/2004M)**

**Prospektus Matrikulasi UIAM**

***Schedule of Classes Bulletin for semester 3, 2004/2005 and semester 1, 2005/2006 sessions***, Admissions and Record: International Islamic University Malaysia

## ***Staff Handbook IIUM***

***Student Academic Performance Evaluation Rules, Administrative Order on The Conduct of Examination & Examination guidelines for invigilators***, Admissions & Record, International Islamic University Malaysia.

## **TEMUDUGA DAN WAWANCARA**

Temuramah dengan Ustaz Surur Shahbudin Hasan , Ketua Jabatan Tilawah , Pusat Bahasa dan Perkembangan Akademik Pra Universiti , Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada 13 hb April 2007, 18 hb April, 2 hb Mei 2007 dan 17 hb Mei 2007 di bilik Ketua Jabatan Tilawah Division, CELPAD.

Temuramah dengan Ustaz Abdullah Bukhari bin Abdul Rahim ,Penyelaras TQ Peringkat Lanjutan pada 13hb April 2007 jam kelas tutur 5 UIAM pada pukul 12.30pm

Temuramah dengan Ustaz Muhammad bin Abdul Rahman ,Penyelaras TQ Peringkat Pertengahan pada 20 hb April 2007 bertempat di kelas tutur 15 UIAM jam 10.30am

Temuramah dengan Ustazah Sirri Aufa bin Mohd Salleh, Pembantu Penyelaras TQ Peringkat Pertengahan pada 21 hb April 2007 bertempat di bilik pejabat am CELPAD pada 25hb April 2007 jam 11.00am

Temuramah dengan Ustaz Mohd Shukri bin Abdullah di pejabat Masjid Sultan Haji Ahmad Shah UIAM jam 9.30am pada 22 April 2007

Temuramah dengan Ustaz Mohd Rahim bin Jusuh di pejabat operasi Masjid Sultan Haji Ahmad Shah UIAM pada 24hb April 2007 jam 11.30am

Temuramah dengan Ustaz Wan Mohd Fadli bin Hamzah di bilik pensyarah J68 CELPAD jam 1.00 pm pada 13hb April 2007

Temuramah dengan Ustaz Ramlee bin Abdullah di ADM TR 16 jam 10.30am pada 20hb April 2007

Temuramah dengan Ustaz Mukhni bin Munaf di ADM TR 17 pada 16hb April 2007 jam 11.50am

## LAMAN WEB & URL INTERNET

<http://al-ahkam.net>

<http://al-ahkam.com.my/hamka/>

<http://al-islam.com>

<http://icna.com>

<http://islam-online.net>

<http://mastic.gov.my/>

<http://Qur'an.al-islam.com>

<http://store.tal-kislam.com/books-worship-and-spiritual-ity-books-by-harun-yahya.html>

<http://www.citcat.com/>

<http://www.drsano.net/>

<http://www.e-bacaan.com/index.htm>

<http://www.e-ulama.org/>

<http://www.harunyahya.com>

<http://www.iiu.edu.my/about/intro.shtml>

<http://www.iiu.edu.my/celpad/v2/about-celpad.php>

<http://www.ihsannetwork.org>

<http://www.ikim.gov.my/>

[http://www.islammessage.com/ar/Qur'an\\_n.php](http://www.islammessage.com/ar/Qur'an_n.php)

<http://www.islamweb.net>

<http://www.islamweb.net/ver2/mainpage/index.php>

<http://www.islamway.com/>

<http://www.kamus.web.id/english.asp>

<http://www.linguamatix.com/linguaweb/>

<http://www.sultan.org/a/>

[http://www.saaaid.org.my/new/l\\_u.htm](http://www.saaaid.org.my/new/l_u.htm)

<http://www.saba-islamic-media.com/>

<http://www.tarteel.com/>

<http://www.u-hikmah.net.my/tokoh/hamka/seminar.htm>

<http://www.webopedia.com/TERM/d/database.html>

<http://www.zuhayli.com/ulamaa/zuhayli/index.htm>

[www.Islamchannel.com](http://www.Islamchannel.com)

[www.Qur'an.org.uk](http://www.Qur'an.org.uk) .